LAMPIRAN 1

Borang Kaji Selidik

BORANG KAJISELIDIK

EMBANGUAN SEKTOR EKONOMI INFORMAL BANDAR : AJIAN TENTANG PENJAJA DAN PENJAJAAN DI KUALA LUMPUR

NO. RESPONDEN _____

ALAMAT/LOKASI _____

_____

_____

KAWASAN PARLIMEN _____

TARIKH _____ MASA _____

BAHAGIAN A : MAKLUMAT TENTANG PENJAJA

1. Nama _____

2. Jantina
   1. Lelaki
   2. Perempuan

   ☐

3. Bangsa
   1. Melayu
   2. Cina
   3. India
   4. Lain-lain(Nyatakan) .....

   ☐

4. Taraf perkahwinan
   1. Berkahwin
   2. Duda
   3. Janda
   4. Bujang

   ☐

5. Warganegara

1. Malaysia
2. Penduduk Tetap
3. Kerakyatan Sementara
4. Rakyat Asing
   (Nyatakan negara asal)
   .....

6. Jika warganegara Malaysia, nyatakan negeri asal.

1. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
2. Selangor
3. Perak
4. Melaka
5. Johor
6. Kedah
7. Perlis
8. Kelantan
9. Terengganu
10. Pahang
11. Sabah
12. Sarawak
13. Wilayah Persekutuan Labuan

7. Berapa lama tinggal di Kuala Lumpur

1. 3 tahun dan kurang
2. 4 hingga 6 tahun
3. 7 hingga 9 tahun
4. 10 hingga 16 tahun
5. 13 hingga 15 tahun
6. 16 hingga 18 tahun
7. 19 hingga 21 tahun
8. 22 tahun dan lebih

8. Jika bukan penduduk asal Kuala Lumpur nyatakan sebab-sebab berpindah ke Kuala Lumpur

1. Mengikut suami/isteri yang bekerja di Kuala Lumpur
2. Mencari pekerjaan di Kuala Lumpur
3. Bekerja tetap di Kuala Lumpur
4. Ingin menetap di Kuala Lumpur
5. Lain-lain (Nyatakan) .....
   .....

9. Umur

1. 20 tahun dan kurang
2. 21 hingga 30 tahun
3. 31 hingga 40 tahun
4. 41 hingga 50 tahun
5. 51 hingga 60 tahun
6. 61 keatas

10. Umur isteri/suami (pilih mana-mana kumpulan yang sesuai seperti di perkara 9)

11. Pencapaian akademik yang tertinggi

1. Tak bersekolah
2. Peringkat sekolah rendah
3. Peringkat sekolah menengah
4. SRP/LCE atau yang setaraf dengannya
5. SPM/MCE atau yang setaraf dengannya
6. STPM/HSC atau yang setaraf dengannya
7. Diploma atau yang setaraf dengannya
8. Ijazah atau yang setaraf dengannya

12. Pencapaian akademik yang tertinggi yang dicapai oleh isteri/suami (pilih mana-mana peringkat yang sesuai seperti di perkara 11)

13. Pekerjaan tetap

1. Bekerja dengan kerajaan
2. Bekerja dengan swasta
3. Bekerja sebagai penjaja
4. Bekerja sendiri selain daripada menjaja

14. Pekerjaan tetap isteri/suami (pilih mana-mana yang sesuai seperti di perkara 13)

1. Bekerja dengan kerajaan
2. Bekerja dengan swasta
3. Bekerja sendiri selain daripada menjaja
4. Tidak bekerja/suri rumah

15. Sekiranya bekerja dengan kerajaan atau swasta, nayatakan taraf jawatan yang disandang

1. Pengurus/Pentadbir/Pekerja Propesional
2. Penolong Pengurus/Pentadbir/Propesional
3. Perkeranian
4. Pekerja teknikal
5. Pemandu
6. Pekerja Am/Buruh
7. Lain-lain (nyatakan) .....

16. Sekiranya isteri/suami bekerja dengan kerajaan atau swasta, nyatakan taraf jawatan yang disandang (pilih mana-mana yang bersesuaian seperti di perkara 15) ☐

Soalan 17 hingga 22 pilih bilangan yang sesuai seperti di bawah:-

1. Tiada
2. 1 hingga 2 orang
3. 3 hingga 4 orang
4. 5 hingga 6 orang
5. 7 dan lebih

17. Bilangan anak yang masih dalam tangungan ☐

18. Bilangan anak yang belajar di sekolah rendah ☐

19. Bilangan anak yang belajar di sekolah menengah ☐

20. Bilanagan anak yang belajar di peringkat maktab/ diploma atau yang setaraf denganya ☐

21. Bilangan anak yang belajar di peringkat ijazah (Universiti) ☐

22. Jumlah tanggungan keseluruhan ☐

23. Kawasan tempat tinggal

    1. Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
    2. Luar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

    ☐

24. Status penghuni di rumah yang diduduki

    1. Rumah sendiri
    2. Rumah sewa
    3. Kuaters
    4. Menumpang

    ☐

25. Jenis rumah yang diduduki

1. Rumah setinggan
2. Rumah pangsa
3. Rumah teres
4. Apartment/Kondominium
5. Rumah banglow

26. Jika tinggal di rumah sewa, siapakah pemiliknya

1. Orang perseorangan/saudara
2. Milik DBKL
3. Milik Kerajaan/agensi kerajaan
4. Milik syarikat

27. Bayaran bulanan untuk perumahan

1. Kurang daripada RM 100.00
2. RM 100.00 hingga RM 200.00
3. RM 201.00 hingga RM 300.00
4. RM 301.00 hingga RM 400.00
5. RM 401.00 hingga RM 500.00
6. RM 500.00 dan lebih

BAHAGIAN B: MAKLUMAT MENGENAI KEGIATAN MENJAJA

28. Jenis lesen menjaja yang dipegang

1. Lesen sementara(statik)
2. Lesen tetap(statik)
3. Lesen pasar
4. Lesen pasar malam
5. Lesen bergerak
6. Tiada lesen

29. Kategori Penjajaan

1. Penjaja statik tepi jalan
2. Penjaja bergerak
3. Penjaja dalam bangunan swasta
4. Penjaja gerai berkunci/pusat penjaja
5. Penjaja pasar berbangunan
6. Penjaja pasar terbuka
7. Penjaja pasar malam
8. Penjaja pasar tani

.0. Jenis gerai

1. Gerai berbentuk kereta tolak berukuran 6 kaki x 3 kaki
2. Gerai yang dbina sendiri berbumbung dan keluasanya lebih daripada 6 kaki x 3 kaki
3. Dapur bergerak
4. Kiosk
5. Gerai di dinding/kaki lima bangunan
6. Gerai yang dibina oleh DBKL seperti gerai berkunci gerai di pusat penjaja DBKL, gerai di pasar-pasar dabn sebagainya
7. Gerai yang dibina oleh pihak swasta di pusat penjaja
8. Lain-lain (nyatakan) .....
.....
.....

31. Barangan yang dijaja

1. Makanan bermasak
2. Makanan mentah
3. Bukan makanan
4. Buah-buahan
5. Lain-lain .....

32. Jika menjaja makanan bermasak, jelaskan

1. Menjaja makanan yang telah di masak seperti kuih muih, nasi lemak, nasi campur dan sebagainya
2. Menjaja makanan yang dimasak di gerai
3. Menjaja makanan mentah keperluan dapur seperti ikan, sayur-sayuran dan sebagainya.
4. Perkara 1 dan 2 seperti di atas
5. Perkara 1, 2 dan 3 seperti di atas

33. Jika menjaja bukan makanan, jelaskan jenisnya

1. Pakaian
2. Perhiasan rumah
3. Alat permainan kanak-kanak
4. Ubat tradisional
5. Peralatan-peralatan kecil dapur
6. Lain-lain (nyatakan) .....
.....

34. Waktu menjaja

1. Pukul 7.00 pagi - 11.00 pagi
2. Pukul 12.00 tengahari - 4.00 petang
3. Pukul 5.00 petang - 12.00 malam
4. Pukul 7.00 pagi - 5.00 petang
5. Pukul 6.00 petang - 6.00 pagi
6. Tiada tentu masa
7. Menjaja setiap masa
8. Lain-lain (nyatakan) .....
.....

35. Bilangan pembantu

1. 1 orang
2. 2 orang
3. 3 orang
4. 4 orang
5. 5 orang dan lebih
6. Tiada pembantu

36. Hubungan pembantu dengan penjaja

1. Suami/isteri
2. Anak-anak
3. Saudara mara
4. Orang luar (bergaji)
5. Warga asing

37. Kaedah bayaran kepada pembantu

1. Bayaran harian
2. Bayaran bulanan
3. Tiada bayaran

38. Jumlah bayaan kepada pembantu

1. RM 20.00 dan kurang sehari
2. RM 21.00 – RM 30.00 sehari
3. RM 31.00 – RM50.00 sehari
4. RM 51.00 – RM 70.00b sehari
5. RM 71.00 dan lebih

39. Bekalan bahan-bahan diperolehi daripada

1. Pasar borong
2. Pasar biasa
3. Kilang
4. Pemborong yang hantar
5. Lain-lain (nyatakan)

.....

40. Hak milik gerai

1. Kepunyaan DBKL
2. Sendiri
3. Sewa daripada orang lain

41. Bayaran bulanan untuk gerai

1. Kurang daripada RM 100.00
2. RM 100.00 hingga RM 200.00
3. RM 201.00 hingga RM 300.00
4. RM 301.00 hingga RM 400.00
5. RM 401.00 hingga RM 500.00
6. RM 501.00 hingga dan lebih
7. Tiada bayaran

42. Lama menjaja

1. Kurang daripada 1 tahun
2. 1 hingga 2 tahun
3. 3 hingga 4 tahun
4. 5 hingga 6 tahun
5. 7 hingga 8 tahun
6. 9 hingga 10 tahun
7. Lebih daripada 10 tahun

43. Pernahkah mengikuti kursus atau latihan mengenai penjajaan

1. Ya
2. Tidak

44. Jika pernah mengikuti kursus/latihan daripada siapakah ianya diperolehi

1. DBKL
2. Intitusi awam
3. Intitusi swasta
4. Orang perseorangan/kawan-kawan
5. Lain-lain (nyatakan) .....
.....

45. Adakah mengambil suntikan pencegahan penyakit

1. Ya
2. Tidak

46. Adakah pembantu-pembantu juga mengambil suntikan pencegahan penyakit

1. Ya
2. Tidak

47. Modal permulaan bagi menjalankan kegiatan menjaja

1. RM 0.00 - RM 500.00
2. RM501.00 - RM 1000.00
3. RM 1001.00 - RM 2000.00
4. RM2001.00 - RM 3000.00
5. RM3001.00 - RM 4000.00
6. RM 4001.00 - RM 5000.00
7. RM 5001.00 dan lebih

48. Daripada manakah modal permulaan yang anda perolehi untuk menjalankan kegiatan menjaja.

1. Wang simpanan
2. Pinjam daripada kawan-kawan atau saudara-mara
3. Pinjam daripada ceti
4. Pinjam daripada Intitusi kewangan

49. Setelah beberapa lama menjaja adakah anda membuat pinjaman untuk menambah modal

1. Ya
2. Tidak

50. Jika anda membuat pinjaman, daripada manakah anda memperolehinya

1. Kawan-kawan
2. Saudara-mara
3. Pinjam daripada ceti
4. Pinjam daripada institutsi kewangan

51. Modal harian

1. Kurang daripada RM 500.00
2. RM 501.00 hingga RM 1000.00
3. RM1001.00 hingga RM 1500.00
4. RM 1501.00 hingga RM 2000.00
5. RM 2001.00 hingga RM 3000.00
6. RM 2501.00 hingga RM 3000.00
7. RM 3001.00 dan lebih

52. Pendapatan kasar harian hasil daripada menjalankan kegiatan menjaja

1. RM 0.00 hingga RM 100.00 sehari
2. RM 101.00 hingga RM 200.00 sehari
3. RM 201.00 hingga RM 300.00 sehari
4. RM 301.00 hingga RM 400.00 sehari
5. RM 401.00 hingga RM 500.00 sehari
6. RM 501.00 hingga RM 600.00 sehari
7. RM 601.00 hingga RM 700.00 sehari
8. RM 701.00 hingga RM 800.00 sehari
9. RM 801.00 hingga RM 900.00 sehari
10. RM 901.00 hingga RM 1000.00 sehari
11. RM 1,001.00 hingga RM 2000.00 sehari
12. RM 2,001.00 hingga RM 3000.00 sehari
13. RM 3001.00 keatas

53. pendapatan bulanan yang bukan daripada kegiatan menjaja atau pendapatan daripada kerja lain (kerja tetap) jika ada

1. RM 0.00 hingga RM 400.00 sebulan
2. RM 401.00 hingga RM 500.00 sebulan
3. RM 501.00 hingga RM 600.00 sebulan
4. RM 601.00 hingga RM 700.00 sebulan
5. RM 701.00 hingga RM 800.00 sebulan
6. RM 801.00 hingga RM 900.00 sebuan
7. RM 901.00 hingga RM 1,000.00 sebulan
8. RM 1,001.00 dan keatas

54. Pendapatan bulanan isteri/suami (jika bekerja) pilih mana-mana yang berkenaan seperti di N0. 48.

55. Adakah anda membayar cukai pendapatan daripada kegiatan menjaja

1. Ya
2. Tidak

56. Pernahkan anda dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh pihak DBKL seperti notis kesalahan, kompaun, tindakan mahkamah dan sebagainya

1. Ya
2. Tidak

57. Jika ya, apakah kesalahan yang anda lakukan

1. Melantik pembantu gerai tanpa kebenaran DBKL
2. Tidak memakai apron
3. Tidak mengambil suntikan pencegahan penyakit
4. Tidak pamir harga
5. Membina struktur gerai tanpa kebenaran
6. Kebersihan gerai/kotor
7. Peralatan kotor
8. Lain-lain .....

58. Adakah anda menjadi ahli persatuan penjaja setempat

1. Ya
2. Tidak

59. Jika anda menghadapi apa-apa masalah mengenai kegiatan menjaja, sipakah yang anda rujuk untuk mengatasinya

1. Pihak persatuan
2. Pegawai DBKL
3. Ahli poloitik
4. Kesemua diatas
5. Lain-lain (nyatakan) .....
.....

60. Apakah jenis kenderaan yang anda milik

1. Motorsikal
2. Kereta
3. Van
4. Lori kecil
5. Tiada kenderaan

66. Tempat memasak dan bahagian dapur ☐

67. Struktur gerai ☐

68. Tempat makan (kerusi/meja) ☐

69. Lantai ☐

70. Longkang yang berdekatan dengan gerai ☐

71. Peralatan (seperti pinggan mangkuk, sudu, periuk dan sebagainya) ☐

72. Bahagian belakang gerai ☐

73. Keseluruhan gerai ☐

74. Adakah penjaja dan pembantu memakai "apron"

    1. Ya
    2. Tidak

    ☐

75. Adakah penjaja dan pembantu memakai tutup kepala

    1. Ya
    2. Tidak

    ☐

76. Bekalan elektrik

    1. Ada
    2. Tiada

    ☐

77. Bekalan air

    1. Ada
    2. Tiada

    ☐

78. Kedudukan gerai

    1. Atas longkang
    2. Atas bahu jalan
    3. Tepi jalan
    4. Tepi bangunan
    5. Lorong belakang bangunan
    6. Lain-lain (nyatakan).....
       .....

    ☐

79. Bagaimana kedudukan gerai dari segi kecantikan dan kemaskininya

1. Sesuai
2. Tidak sesuai
3. Tidak pasti

☐

80. Lain-lain (ulasan penyelidik)

.....

.....

.....

LAMPIRAN 2

Beberapa keratan akhbar mengenai masalah pembandaran yang dihadapi oleh bandar raya Kuala Lumpur

BERITA HARIAN : 3-1-1995

DBKL berusaha atasi masalah kesesakan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan pelbagai langkah termasuk menyenaraikan 14 kawasan utama di ibu negara yang dibeku daripada sebarang projek pembangunan bagi memastikan masalah kepadatan penduduk di kawasan itu dapat diatasi.

Datuk Bandar, Datuk Mazlan Ahmad, berkata langkah itu penting kerana kawasan terbabit menjadi pilihan utama pemaju perumahan, terutama yang berminat mendirikan kondominium serta apartment mewah yang boleh ditawarkan pada harga tinggi.

Menurutnya, arahan pembekuan membabitkan pembinaan kondominium serta apartmen mewah berharga RM200,000 seunit atau berharga RM180 setiap satu kaki persegi di kawasan itu.

Arahan itu, katanya, yang dibuat selepas dilantik menggantikan Tan Sri Elyas Omar, juga sebagai usaha menggalakkan lebih ramai pemaju meneroka di kawasan pinggir bandar raya.

Beliau berkata, 14 kawasan itu ialah Bukit Tunku, Jalan Duta, Bukit Pantai, Jalan Ampang/Ampang Hilir/U-Thant, Jalan Conlay/Taman Stonor, Bukit Persekutuan, Bukit Petaling, Bukit Damansara, Bangsar, Robson Heights/Seputih, Taman Tun Dr Ismail, Jalan Aman, Titiwangsa dan Sri Hartamas.

"Ini bermakna DBKL sebenarnya sudahpun menghentikan sebarang projek pembangunan di kawasan itu sejak dulu lagi. Jika ada projek yang dijalankan di kawasan itu sekarang, ia sebenarnya projek yang mendapat kelulusan sebelum arahan itu dikeluarkan.

"DBKL tidak mempunyai kuasa menghalang pembinaan projek yang sudah diluluskan walaupun jumlah penduduk di situ ramai," katanya.

Mazlan berkata, kelulusan projek itu dahulu dibuat atas dasar memberi insentif kepada pemaju untuk membina kondominium di kawasan terbabit ketika zaman kelembapan ekonomi.

"Mereka diberi pilihan untuk meningkatkan pendapatan dengan menjalankan projek terbabit di kawasan mewah kerana ketika itu projek seumpamanya amat kurang.

"Bagaimanapun, terdapat projek yang sudah dimulakan menyebabkan ramai menganggap DBKL sengaja meluluskannya. Tuduhan ini adalah tidak berasas sama sekali kerana kita tidak boleh menghalang projek pembinaan tanpa sebarang alasan konkrit," katanya.

Namun demikian, katanya, jika keadaan terdesak, DBKL tidak teragak-agak bertindak tegas, termasuk menghentikan projek pembinaan itu jika didapati ia memberi kesan buruk.

"Mengikut Akta Wilayah Persekutuan (Perancangan), DBKL tidak teragak-agak bertindak termasuk menghentikan projek pembinaan itu jika didapati ia membahayakan dan pemaju terbabit akan dibayar pampasan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA : 4-8-98

Sikap penjaja punca KL kotor

Laporan KHAS

KEBERSIHAN KUALA LUMPUR

Bahagian Akhir

Oleh G. MANIMARAN, NAZERI NONG SAMAH, ZAID MOHD. NOOR dan AINUL ASNIERA AHSAN

KUALA LUMPUR 3 Ogos — Alam Flora Sdn. Bhd., yang memegang konsesi pengurusan sisa pepejal di ibu negara, mendakwa 90 peratus masalah kekotoran wujud di kawasan tumpuan perniagaan dan penjajaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Mohamed Siraj Abdul Razack berkata, sikap suka membuang sampah merata-rata yang menjadi amalan di kalangan peniaga dan penjaja menjadi punca utama yang menyebabkan persekitaran ibu negara sukar dibersihkan.

Kata beliau, setiap kawasan perniagaan atau penjajaan merupakan kawasan yang paling 'kritikal' dan sukar dibersihkan walaupun kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah dijalankan berulang kali setiap hari.

Menurutnya, kebanyakan peniaga dan penjaja di ibu negara masih mengamalkan tabiat gemar membuang sampah di atas jalan atau di tepi longkang daripada tong-tong sampah yang disediakan.

"Tabiat membuang sampah masih ketara sehingga saat ini kerana kebanyakan peniaga dan penjaja membuang sampah di luar tong sampah.

"Alam Flora juga hairan melihat tabiat buruk para peniaga dan penjaja kerana lebih suka membuang sampah di luar tong sampah walaupun pelbagai tong sampah telah disediakan di setiap ceruk tempat perniagaan," ujar beliau.

Katanya, tambah menyukarkan lagi apabila kebanyakan peniaga menggunakan kawasan belakang bangunan untuk menjalankan kerja-kerja memasak dan membasuh.

Mengenai usaha jangka panjang, beliau memberitahu, Alam Flora akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengadakan program kebersihan secara menyeluruh di seluruh negara tidak lama lagi.

Mendidik

Beliau berkata, program yang bakal dilaksanakan itu adalah projek mendidik orang ramai menjaga kebersihan dan menjadikan ia sebagai budaya dan amalan hidup warga kota.

Menurutnya, program itu akan dimulakan di peringkat sekolah bagi mendidik dan membentuk generasi muda supaya menekankan aspek kebersihan secara menyeluruh ketika menjalani kehidupan seharian.

Malah, katanya, program itu akan dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah dan dijadikan sebagai mata pelajaran wajib untuk pelajar-pelajar.

"Program itu kita laksanakan kepada kanak-kanak sekolah kerana mereka lebih mudah dibentuk daripada golongan dewasa," tambah beliau lagi.

Ujar beliau, program itu perlu dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi dan memakan masa lebih kurang 20 tahun kerana program itu perlu dilakukan secara berterusan untuk melihat keberkesanan dalam jangka panjang.

"Bukan mudah untuk mendidik semua anggota masyarakat kerana sikap membuang sampah merata-rata sudah berakar dalam kehidupan mereka," katanya.

UTUSAN MALAYSIA RABU 12 MEI, 1999

5,000 penagih dadah di KL

Oleh MOHAMAD RADZI MOHD. ZIN

KUALA LUMPUR 11 Mei — Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Md. Ali berkata, masih terdapat kira-kira 5,000 penagih yang berdaftar di ibu negara.

Beliau berkata, kumpulan penagih dan bekas penagih itu pula menyumbang antara 40 hingga 50 peratus indeks jenayah di Kuala Lumpur.

"Bilangan ini adalah yang berdaftar. Kita menganggarkan bilangan yang tidak mendaftar berjumlah kira-kira dua kali ganda," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap sempena lawatan mesra polis Kuala Lumpur ke Kompleks Darul Kifayah dekat sini hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Darul Kifayah, Datuk Rizuan Abd. Hamid dan Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisioner Foong Ye.

Dalam perkembangan berkaitan, Kamaruddin berkata, polis sedang bekerjasama rapat dengan Jabatan Agama Islam Wilayah (Jawi) dalam usaha membanteras gejala sosial di kalangan remaja Islam.

Katanya, kegiatan kurang sihat seperti bohsia dan homoseks yang melibatkan golongan remaja telah dikesan berlaku di ibu negara.

"Kita sedang memerhatikan kegiatan ini dan telah pun mengenal pasti lokasi-lokasi terbabit dan akan mengambil tindakan bersepadu bersama Jawi dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)," tambahnya.

Kamaruddin berkata, tindakan yang diambil termasuk mengikut undang-undang bagi golongan penagih yang diberkas selain diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Saya berharap golongan ibu bapa dapat memainkan peranan lebih serius mendisiplinkan anak masing-masing," tegasnya.

UTUSAN MALAYSIA SABTU 15 MEI, 1999

KL dilanda banjir kilat lagi

Oleh AZIAN ABD. AZIZ

KUALA LUMPUR 14 Mei – Sebanyak 100 buah rumah di kawasan Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat dekat sini dinaiki air setinggi kira-kira 1 meter hingga 1.5 meter dalam kejadian banjir kilat di sekitar ibu negara petang ini.

Kejadian tersebut turut menenggelamkan beberapa buah kenderaan apabila air naik di Jalan Sungai Baru, Kampung Baru dekat sini selepas hujan lebat berhenti pada kira-kira pukul 5 petang.

Beberapa jalan utama di sekitar ibu negara termasuk di sepanjang Sungai Gombak dan Jalan Tun Razak turut dinaiki air.

Jurucakap bilik gerakan trafik Kuala Lumpur memberitahu *Utusan*, kejadian tersebut menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk di beberapa jalan utama termasuk sepanjang Jalan Tun Razak.

Menurut jurucakap itu, beberapa laluan terpaksa ditutup kepada lalu lintas termasuk di kedua-dua hala laluan di hadapan bangunan Institut Jantung Negara (IJN) dan Jalan Yap Kwan Seng menuju ke Jalan Tun Razak.

"Kita terpaksa menutup beberapa laluan utama terutama di laluan menuju ke Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru kerana air naik. Ekoran itu kesesakan teruk berlaku di jalan-jalan yang menghala masuk dan keluar ke kawasan tersebut.

"Bagaimanapun, keadaan terkawal dan setakat petang ini tiada sebarang laporan kemalangan dilaporkan berlaku," katanya.

Jurucakap bilik gerakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula berkata, DBKL telah menghantar pasukan penyelamat ke kawasan-kawasan yang dinaiki air dengan kerjasama Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) dan beberapa agensi lain.

Katanya, kawasan Kampung Baru mengalami banjir kilat yang agak teruk kerana air naik sehingga ke paras 1.5 meter dan mengakibatkan banyak kerosakan harta benda.

"Kita telah menghantar pasukan penyelamat ke kawasan berkenaan dan setakat ini tiada kemalangan jiwa dilaporkan," katanya.

ANGGOTA pertahanan awam menggunakan bot untuk memindahkan penduduk yang terperangkap dalam banjir kilat di Kampung Baru semalam.

UTUSAN MALAYSIA JUMAAT 28 MEI, 1999

1,101 warga kota disaman buang sampah merata-rata

KUALA LUMPUR 27 Mei – Seramai 1,101 warga kota telah disaman kerana membuang sampah di merata-rata dalam tiga bulan pertama tahun ini.

Pembantu Undang-Undang Kanan Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Mohamad Othman berkata, jumlah itu menunjukkan tahap kesedaran mengenai kebersihan yang perlu dipertingkatkan di kalangan warga kota.

Menurut beliau, pihaknya akan terus menjalankan operasi untuk mengesan dan mengenakan tindakan terhadap warga kota yang masih berdegil membuang sampah secara sesuka hati.

"Pihak berkuasa akan terus melakukan pemantauan dari semasa ke semasa di kawasan yang dikenal pasti seperti di tempat tumpuan awam bagi memastikan tahap kebersihan terjamin," jelas beliau.

Mohamad memberitahu, mengikut Seksyen 47 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, mereka yang didapati bersalah membuang sampah-sarap di merata tempat boleh dikenakan kompaun sehingga RM1,500.

Sehubungan itu, DBKL menyeru warga kota supaya sama-sama berganding bahu untuk memastikan bandar raya sentiasa bersih.

UTUSAN MALAYSIA ISNIN 5 JULAI, 1999

Penagihan dadah di KL terus meningkat

Oleh JAMDI NASIR

KUALA LUMPUR 4 Julai — Gejala penagihan dadah di ibu negara dijangka terus meningkat dan sukar dibendung jika masalah penempatan di pusat-pusat pemulihan dadah tidak diatasi secepat mungkin.

Ini berikutan hanya 10 peratus daripada kira-kira 3,000 orang penagih yang ditangkap di Kuala Lumpur sepanjang Januari hingga Jun tahun ini, diterima masuk ke pusat serenti manakala bakinya terpaksa dilepaskan semula.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Mohd. Ali berkata, berikutan masalah itu, pihaknya terpaksa memohon kepada Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) supaya memberikan tempat yang lebih kepada penagih yang ditangkap di ibu negara untuk dimasukkan ke pusat serenti.

"Masalah penagihan dadah di Kuala Lumpur meningkat setiap tahun dan pada tahun ini kita menangkap hampir 3,000 orang penagih, tetapi hanya 300 yang dapat ditempatkan di pusat serenti.

"Manakala yang lain terpaksa dilepaskan dan berkeliaran semula di sekitar bandar raya," katanya kepada pemberita selepas menjadi tetamu rancangan *Malaysia Hari Ini* di TV3.

Pada masa ini terdapat 27 buah pusat serenti di seluruh negara yang mampu menampung sebanyak 9,486 orang pelatih.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid baru-baru ini berkata, terdapat 162,750 penagih aktif yang dikesan dan dijangka terdapat lima kali ganda daripada jumlah itu yang turut terbabit tetapi tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa.

Kamaruddin menegaskan, keadaan itu membimbangkan pihak polis kerana kehadiran penagih-penagih tersebut secara tidak langsung menaikkan indeks jenayah harian di ibu negara.

"Penagih dadah bertanggungjawab dalam meningkatkan 30 hingga 40 peratus indeks jenayah di Kuala Lumpur seperti kes ragut, pecah rumah, curi motosikal dan sebagainya.

"Jika kita dapat kurangkan bilangan penagih ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar jenayah itu," katanya.

UTUSAN MALAYSIA JUMAAT 30 JULAI, 1999

Dalam Negeri

Setinggan diatasi menjelang 2005

Oleh
NAZERI NONG SAMAH

KUALA LUMPUR 29 Julai – Masalah setinggan di sekitar ibu negara dijangka dapat diatasi sepenuhnya menerusi Program Perumahan Rakyat (PPR) Bersepadu menjelang tahun 2005, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, jangkaan itu berdasarkan langkah proaktif kerajaan menerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan agensi-agensi terbabit yang terus membina rumah kos rendah bagi mengisi keperluan itu, meskipun dalam kegawatan ekonomi.

Katanya, kerajaan akan meneruskan rancangan membina rumah kos rendah dan sederhana rendah secara berperingkat-peringkat sehingga ibu negara berjaya membebaskan 211 kawasan setinggan dengan 42,000 keluarga yang menghuninya.

"Kini kerajaan telah mengambil keputusan membina 35,000 unit rumah PPR Bersepadu di sekitar ibu negara bagi menempatkan penduduk yang dikenal pasti dari 22 kawasan setinggan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan upacara pecah tanah untuk PPR Bersepadu di Lembah Pantai, Kerinci, di sini hari ini.

RAHMAH Khatib (kanan) dan Yenny Zallani tertarik melihat model flat Program Perumahan Rakyat (PPR) Bersepadu sempena upacara pecah tanah pembinaannya di Lembah Pantai, Kerinchi, Kuala Lumpur semalam.

Menurut Abdullah, pelaksanaan projek perumahan kos rendah 6 blok bertingkat dengan 1,896 unit di Lembah Pantai itu akan membantu menjayakan matlamat kerajaan agar tidak ada lagi pertumbuhan kawasan setinggan di kawasan terbabit menjelang tahun 2001.

Tambah beliau, projek itu milik Jabatan Perumahan Negara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dimajukan oleh kontraktor utama Teknik Cekap Sdn. Bhd., akan menyediakan semua kemudahan asas dan rekreasi untuk keselesaan penghuni.

Tegas beliau, pembinaan rumah tersebut membuktikan kerajaan begitu prihatin terhadap tanggungjawab menyediakan rumah yang selesa kepada keluarga setinggan dan golongan berpendapatan rendah.

"PPR Bersepadu juga dapat membantu kepada pemulihan ekonomi negara sebagai satu strategi kerajaan untuk menggerakkan sektor pembinaan menggunakan bahan-bahan tempatan," katanya.

Abdullah mengambil contoh, bagi pembinaan 35,000 unit rumah PPR Bersepadu di sekitar ibu negara, kerajaan akan membelanjakan sebanyak RM1.54 bilion dengan keperluan perkakasan dianggarkan sebanyak RM175 juta.

UTUSAN MALAYSIA ISNIN 16 OGOS, 1999

DBKL mahu tumpukan usaha cegah pencemaran

KUALA LUMPUR 15 Ogos – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memberi tumpuan kepada kempen-kempen yang menekankan soal pencegahan pencemaran dalam usaha memastikan kebersihan sungai, parit dan longkang di sekitar ibu kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff berkata, penekanan kepada soal itu amat penting bagi menyedarkan masyarakat tentang tabiat buruk membuang sampah di merata-rata tempat kerana akan memberi kesan kepada sumber air.

"Kempen cintai sungai, parit dan longkang akan diubah dari segi cara dan pendekatan agar lebih menekankan tindakan pencegahan serta memupuk kesedaran orang ramai untuk lebih menyintai sungai dan tahu peri penting sumber air.

"Beberapa bulan akan datang, beberapa program penjagaan kebersihan akan dilancarkan termasuk kebersihan di tepi-tepi jalan kerana sampah dari situ akan jatuh ke longkang serta parit dan mencemari sungai," katanya selepas merasmikan Program Briged Penyelamat Sungai VII anjuran Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB) di sini, hari ini.

Sebelum ini, Kamaruzzaman mengakui bahawa Kempen Cintai Sungai, Parit dan Longkang yang dilancarkan Ogos tahun lepas kurang berkesan.

Berikutan kegagalan tersebut, Jawatankuasa Alam Sekitar DBKL telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji semula keberkesanan kempen tersebut di samping mencari langkah-langkah baru yang lebih berkesan.

Katanya, bagi menjayakan kempen yang bakal dilancarkan, setiap individu bertanggungjawab memberi sumbangan walau dalam apa jua bentuk bagi tujuan penjagaan kebersihan dan pemuliharaan sungai.

"Semua anggota masyarakat perlu mengambil tindakan proaktif kerana kebersihan bukan tanggungjawab kerajaan mahupun pekerja Alam Flora semata-mata, tetapi adalah tanggungjawab setiap individu.

"Berdasarkan kutipan sampah sebanyak 3,000 tan sehari, tahap kebersihan alam sekitar mahupun sungai-sungai di ibu kota masih teruk kerana wujudnya segelintir anggota masyarakat yang masih membuang di merata-rata tempat," katanya lagi.

Kamaruzzaman memuji pendekatan yang digunakan oleh PNSB dalam memupuk kesedaran tentang kepentingan kebersihan sungai di kalangan murid-murid sekolah rendah melalui Program Briged Penyelamat Sungai.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif PNSB, Datuk Rozali Ismail berkata, keahlian Kelab Briged Penyelamat Sungai telah disertai oleh 535 murid dari 28 sekolah rendah di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Menurut beliau, kelab tersebut akan ditubuhkan di semua sekolah rendah di Selangor dan Kuala Lumpur menjelang tahun 2003, sebelum ia dikembangkan ke sekolah-sekolah menengah.

Melalui program tersebut, murid-murid bukan sahaja berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti berfaedah, malahan disediakan dengan bahan-bahan bacaan serta ceramah-ceramah yang berkaitan.

UTUSAN MALAYSIA ISNIN 13 SEPTEMBER, 1999

Masyarakat diminta bersama perangi gejala dadah di KL

Oleh
WAN HASNAN HASAN

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Datuk Bandar, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff menyeru semua pihak supaya bersama-sama memikul tanggungjawab untuk memerangi gejala dadah di ibu negara.

Kata beliau, tanggungjawab itu tidak seharusnya dilepaskan kepada kerajaan semata-mata kerana ia akan menyukarkan lagi usaha membasmi gejala tersebut daripada terus merebak ke dalam masyarakat.

"Melalui program bersepadu yang melibatkan semua pihak, ia akan membolehkan kita sama-sama memikul masalah penagihan dadah sebagai satu tanggungjawab bersama demi menjaga keselamatan dan keharmonian di kawasan kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kempen Antidadah Zon 2 di Perumahan Awam Jalan Hang Tuah, di sini hari ini.

Kamaruzzaman memberitahu, semua pihak meliputi institusi keluarga, masyarakat, pihak berkuasa dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) haruslah bertindak bersama dan berganding bahu dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing memerangi gejala dadah.

"Jika semua pihak sanggup bekerjasama antara satu sama lain dalam menangani masalah ini (dadah), kita yakin mungkin wabak penyalahgunaan dadah ini akan dapat disifarkan," tegas beliau.

Golongan yang paling ramai terlibat dengan gejala dadah ialah mereka yang berumur dari 15 hingga 29 tahun meliputi kira-kira 80.4 peratus daripada keseluruhan penagih.

Sehubungan itu, katanya, jika wabak itu dibiarkan berterusan, segala cita-cita dan usaha untuk memajukan agama, bangsa dan negara akan terjejas kerana ia sebahagian besarnya melibatkan golongan pelapis pemimpin negara pada masa depan.

Menurut beliau, di Wilayah Persekutuan sahaja terdapat seramai 12,000 penagih dan jumlah tersebut mungkin bertambah jika tidak ada kerjasama daripada semua pihak untuk mencegahnya.

Sementara itu, beliau memberitahu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri khususnya dalam membina prasarana pusat pemulihan di Semenyih.

UTUSAN MALAYSIA: 20-9-99

M10 juta basmi emiskinan di bandar

I JALIL

LUMPUR 19 — Kerajaan menubuhkan a Bertindak kemiskinan di i menangani etidakstabilan asan itu.

Perdana Men- Seri Abdullah lawi berkata, a itu diketuai tetian Pemba- r Bandar Abdullah, buat kerajaan mem- n RM10 juta dlehkan komen- enaan mengge- gram terbabit jasama 11 ba- kerajaan (NGO) il pasti.

, tegasnya, me- ida penduduk- di bandar, khu- g mendiami ka- inggan, sering dalam kegiatan bertanggungja- gga mengakibat- r menjadi kawas- aya.

n mahu masya- g tinggal di ban- sa selamat. Me- watankuasa ini caya kumpulan abit akan berusa- asmi kemiskinan n mengancam ke- dan menjejaskan abilan sosial di a," katanya.

h yang juga Men- n Negeri berucap lis penutup kem- daran anti-dadah kawasan flat perumahan San Peng Zon 2, di sini petang ini.

Kempen yang dilancarkan 5 September lalu disertai oleh lebih 5,000 penduduk pelbagai kaum zon perumahan terbabit yang meliputi flat Sri Selangor, flat Sri Sarawak, flat Hang Tuah dan flat Loke Yew.

Lokasi majlis yang dipenuhi semangat muhibah masyarakat majmuk Malaysia itu hanya terletak beberapa kilometer dari Istana Negara yang petang ini menjadi tumpuan rusuhan penyokong reformasi.

Menurut Abdullah, sikap rakyat menjauhi dan membenci dadah penting dan sikap tidak ambil peduli hanya mengakibatkan Malaysia gagal bebas dari gejala terbabit.

Kerajaan Barisan Nasional (BN), tegas Abdullah, sentiasa prihatin dengan masalah rakyat kerana kerajaan BN dipilih rakyat dan sebab itu tindakannya untuk kebaikan rakyat.

Sebab itu, kata Timbalan Perdana Menteri, kerajaan merancang projek pembinaan rumah kos rendah sebanyak 35,000 unit untuk golongan berpendapatan rendah.

"Saya masih ingat semasa mengetuai Kementerian Wilayah Persekutuan, ada kalangan penduduk flat Sri Sarawak ini berasal dari kawasan setinggan Bukit Kerinchi C.

"Kerajaan menempatkan mereka di perumahan pangsa ini kerana mahu mereka menikmati kehidupan selesa," katanya.

Sempena majlis itu, Abdullah turut menyaksikan tarian rantaian manusia terpanjang, yang direkodkan dalam "Malaysia Book of Records."

Sebanyak 2,500 orang terdiri kebanyakannya kanak-kanak berganding bahu membentuk rantaian terbabit.

"Rantaian ini menunjukkan mereka ada azam yang kuat bagi menahan diri daripada ancaman dadah. Saya berharap rantaian ini akan menjadi simbol bahawa sesiapa yang terlibat dalam kegiatan yang merosakkan masyarakat akan terikat dengan rantaian ini," kata Abdullah.

ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan kanak-kanak yang menyertai kempen kesedaran antidadah di pekarangan perumahan pangsa San Peng Zon 2 di Kuala Lumpur, semalam.

LAMPIRAN 3

Contoh-contoh lesen menjaja yang dikeluarkan oleh pihak DBKL kepada penjaja-penjaja di Kuala Lumpur

Rujukan : DBKL. JPPPK

LESEN PENJAJA SEMENTARA

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NAMA :

NO. KAD PENGENALAN :

TAPAK PERNIAGAAN : LORONG TUANKU ABDUL RAHMAN

WAKTU PERNIAGAAN : 11.00 pagi-11.00 malam

LESEN INI TAMAT PADA : 6 NOV 1999

LESEN HENDAKLAH DIPAMERKAN

CONTOH

Rujukan : DBKL JPPPK

LESEN GERAI PASAR

No. K/P:
Umur:

NAMA : .....

ALAMAT : .....

.....

CONTOH

PASAR : .....

NOMBOR GERAI/TAPAK PENJAJA : .....

JENIS PERNIAGAAN : .....

WAKTU PERNIAGAAN : .....

BAYARAN LESEN SEBULAN : .....

BAYARAN SEWA SEBULAN : .....

TARIKH KELULUSAN : .....

.....

Pengarah
Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil
b/p Datuk Bandar Kuala Lumpur

SYARAT-SYARAT LESEN

Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

1. Lesen dipamirkan di gerai.

2. Tidak dibenarkan memindah milik lesen tanpa kebenaran bertulis dari Datuk Bandar.

3. Berniaga di gerai dan masa yang dibenarkan.

4. Menggunakan tong sampah dan karung plastik.

5. Memakai tag nama.

6. Bayaran lesen bulanan hendaklah dibuat selewat-lewatnya sebelum tarikh 7 haribulan tiap-tiap bulan.

7. Mematuhi syarat-syarat lain yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil Pasar (Wilayah Persekutuan) 1984.

8. Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak membatal, menggantung peruntukan lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

Rujukan : DBKL.JPPPK

LESEN PENJAJA STATIK

Tempat Perniagaan : .....

.....

NAMA .....

NO. KAD PENGENALAN .....

CONTOH

ALAMAT: .....

.....

JENIS PERNIAGAAN: .....

WAKTU PERNIAGAAN: .....

UKURAN GERAI: .....

BAYARAN SEWA: .....

BAYARAN LESEN: .....

LESEN TAMAT : .....

.....

Pengarah
Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil
b/p Datuk Bandar Kuala Lumpur

SYARAT-SYARAT LESEN

Pemegang Lesen Hendaklah Mematuhi Syarat-Syarat Berikut :-

1. Lesen hendaklah dipamerkan.
2. Tidak dibenarkan memindah milik lesen tanpa kebenaran bertulis dari Datuk Bandar Kuala Lumpur.
3. Pelesen hanya dibenarkan berniaga di tempat dan masa yang ditetapkan di dalam lesen
4. Menggunakan tong sampah dan karung plastik.
5. Penjaja makanan bermasak diwajibkan memakai apron, tutup kepala, penyepit, sarung tangan dan mematuhi U.U.K Pengendalian Makanan 1979.
6. Mematuhi syarat-syarat lain yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (Wilayah Persekutuan) 1989
7. Mematuhi arahan semasa dari pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
8. Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak membatalkan lesen ini.

No Lesen .....

LESEN PASAR MALAM

(LESEN PENJAJA SEMENTARA)

LOKASI :

.....

HARI :

.....

(6.00 Petang - 12.00 Malam)

CONTOH

Gambar
Ukuran
Pasport

Nama : .....

No. K/Pengenalan : .....

Alamat : .....

.....

.....

No.Petak : .....

Jenis Jualan : .....

LESEN INI TAMAT PADA : .....

LESEN INI HENDAKLAH DIPAMERKAN

Syarat-Syarat

1. Lesen ini dikeluarkan dibawah U.U.K. Perlesenan Penjaja dan Gerai (WPKL) 1989

2. Tidak dibenarkan memindah milik lesen tanpa kebenaran bertulis dari Datuk Bandar Kuala Lumpur

3. Penjaja makanan bermasak diwajibkan memakai apron, tutup kepala, penyepit, sarung tangan dan mematuhi U.U.K. Pengendalian Makanan 1979

4. Penggunaan tong sampah/ beg plastik ikut piawaian

5. Perniagaan hanya dibenarkan di tempat, hari dan masa yang ditetapkan di dalam lesen.

6. Lesen hendaklah dipamerkan di gerai.

7. Mematuhi arahan semasa dari Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

8. Datuk Bandar berhak membatalkan lesen ini.

9. Bayaran Lesen RM.....

Pengarah
Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil
b.p. Datuk Bandar Kuala Lumpur

LAMPIRAN 4

Contoh borang permohonan lesen menjaja yang dikeluarkan oleh pihak DBKL

:DARKAN PERCUMA)

:NDAFTARAN

IT: .....

AN RM : .....

I : .....

JABATAN PENGURUSAN PENJAJA
DAN PERNIAGAAN KECIL
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

GAMBAR
BERWARNA
PEMOHON
25mm X 32mm

(SILA LEKAT DISINI)

PERMOHONAN LESEN

- [ ] Penjaja Statik (Gerai Tepi Jalan/Peraga Dinding/Beredar/Pasar Terbuka)
- [ ] Penjaja Statik (Ruangniaga Swasta/Gerai Berkunci/Kiosk)
- [ ] Gerai Pasar
- [ ] Penjaja Sementara (Pasar Malam)
- [ ] Penjaja Sementara (Tempoh Terhad)

(Sila tanda ✓ di mana yang berkenaan)

ERNIAGAAN : .....

UTIR-BUTIR PEMOHON :

. Nama : .....

2. Alamat : .....

..... Poskod : .....

3. No. K/P : ..... (Baru) ..... (Lama)

Jantina : Lelaki/Perempuan

4. Tarikh Lahir : ..... Umur : .....

5. No. Telefon Kediaman : ..... Pejabat : ..... Bimbit : .....

MAKLUMAT PERNIAGAAN :

1. Jenis Jualan : .....

2. Masa Perniagaan : .....

Sila sertakan :
1. Salinan Kad Pengenalan.
2. Pelan kedudukan tapak perniagaan jika perlu. (Lakarkan di belakang borang).

PERINGATAN : Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima untuk pendaftaran.

ELAN LOKASI TAPAK PERNIAGAAN

: ..... Tandatangan Pemohon: .....

Untuk Kegunaan Pejabat

Laporan Pengurus/Merinyu/Penyelia/Pengawas

_____

_____

_____

Ulasan/Syor Ketua Unit/Ketua Bahagian

_____

_____

_____

Keputusan Pengarah

_____

LAMPIRAN 5

Beberapa keratan akhbar mengenai tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh pihak DBKL terhadap penjaja-penjaja yang melanggar peraturan menjaja

BERITA HARIAN/JUMAAT, 4 NOVEMBER, 1994

DBKL roboh 27 gerai haram di Sri Petaling

KUALA LUMPUR, Khamis – Direktorat Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan 27 gerai di Jalan Raden, Bandar Baru Sri Petaling di sini, hari ini.

Operasi yang dijalankan sejak jam 9 pagi itu, membabitkan sebuah jentolak dan enam lori pengangkut DBKL.

Pengarah Direktorat Penguatkuasa DBKL, Yusof Ariffin berkata, gerai papan berhampiran Masjid Jamek Tabligh Bandar Baru Sri Petaling itu, dirobohkan kerana peniaga terbabit tidak mempunyai lesen dan menjalankan perniagaan di kawasan larangan.

Menurutnya, pihaknya sudah mengeluarkan notis bertarikh 19 September lalu dan peniaga terbabit diberi tempoh 14 hari untuk merobohkan gerai itu.

"Kami menerima aduan daripada jawatankuasa masjid berhampiran yang kurang senang kerana gerai itu terletak berhampiran masjid dan memberi pemandangan yang kurang menyenangkan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penjaja Seksyen Seri Petaling, Muhamad Yasin Muhamad, 41, berkata, pihaknya terkejut dengan tindakan DBKL kerana peniaga terbabit sudah membuat rayuan.



MOHD NOR GHANI
... tindakan tidak wajar

MUHAMAD YASSIN
... sudah merayu

"Kami menerima notis bertarikh 19 September DBKL, tetapi kami sudah merayu kepada DBKL supaya menimbangkan semula arahan itu dan memberi tempoh kepada kami mendapatkan lesen perniagaan," katanya.

Menurutnya, DBKL kemudian mengarahkan penjaja mengadakan pelan tapak perniagaan gerai itu sebelum memohon lesen perniagaan.

Muhamad berkata, semua penjaja bersetuju menyediakan pelan itu dan mengajukannya pada DBKL pada 7 Oktober, tetapi tiada tindakan susulan dibuat.

"Kebanyakan kami sudah beberapa kali memohon lesen perniagaan tetapi sampai sekarang permohonan masih tidak diluluskan, malah saya sudah memohon sejak Jun lalu untuk memperbaharui lesen," katanya.

Beliau berkata, sebaik saja menerima notis DBKL, Persatuan Penjaja Seksyen Seri Petaling ditubuhkan untuk mengumpulkan penjaja Melayu di kawasan itu melalui Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP) cawangan Sungai Besi.

"Kebanyakan kami adalah bekas perajurit yang menyara keluarga dengan berniaga makanan di sini.

"Bagaimana kami dapat menyara kehidupan keluarga jika gerai tempat kami mencari rezeki, dirobohkan," katanya.

Setiausaha Agung PPPKWP, Mohd Nor Ghani, pula berkata, tindakan DBKL tidak wajar kerana penjaja berkenaan sudah mengikut segala prosedur yang diarahkan oleh DBKL.

"Sepatutnya DBKL mempertimbangkan nasib peniaga yang terdiri daripada bekas perajurit yang sudah lama menjalankan perniagaan di sini.

"Mereka juga sudah memohon beberapa kali untuk mendapatkan lesen perniagaan, tetapi hingga sekarang masih tidak mendapat jawapan," katanya.

BERITA HARIAN/SABTU, 17 DISEMBER, 1994

PERIKSA... kakitangan bahagian penguatkuasa (dari kiri) Azizan Abdullah, Azmi Muhd Junid dan Shashikala memeriksa dan menyenaraikan makanan yang tidak meletakkan tanda harga.

11 pengusaha restoran, gerai disaman dalam operasi

KUALA LUMPUR, Jumaat – Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Wilayah Persekutuan hari ini menyaman 11 pengusaha restoran dan gerai makanan di sekitar ibu kota kerana tidak meletakkan tanda harga.

Operasi yang membabitkan 23 kakitangan jabatan itu, diketuai tiga pegawai penguatkuasa, dijalankan hampir empat jam di sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Sejumlah 33 gerai makanan, restoran serta hotel sekitar kawasan Kompleks Sogo dan Medan Tuanku, diperiksa dalam gerakan itu.

Dalam gerakan itu, bahagian berkenaan turut merampas pelbagai barang makanan yang belum dimasak, seperti ayam dan ikan.

Ketua Bahagian Penguatkuasa Wilayah Persekutuan, Badrul Ahmad, berkata peniaga terbabit disaman kerana tidak meletakkan tanda harga serta senarai makanan yang dijual.

"Mereka dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1946 (Pindaan 1993) dan diberi tempoh dua minggu untuk membayar kompaun.

"Jika gagal, mereka akan dihadapkan ke mahkamah dan boleh didenda sehingga RM15,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Badrul berkata, selain dikenakan kompaun peniaga terbabit juga diberi amaran supaya sentiasa mengemaskinikan senarai barangan yang dijual bagi memudahkan orang ramai membuat rujukan.

Menurutnya, operasi itu dijalankan di kawasan itu kerana menjadi tumpuan orang ramai, terutama pada waktu tengah hari.

"Kebanyakan peniaga yang disaman itu, menjual nasi campur dan pelbagai lauk," katanya.

Menurutnya, operasi yang dijalankan hari ini adalah operasi semasa bahagian itu bertujuan memastikan peniaga sentiasa mematuhi arahan yang ditetapkan.

Ia juga, katanya, bertujuan mengelakkan orang ramai tertipu dengan tindakan tanduk peniaga yang menaikkan harga sesuka hati.

Selain itu, Badrul berkata, melalui operasi yang dijalankan itu juga, pihaknya tidak akan lagi memberi amaran, sebaliknya tindakan tegas akan terus diambil.

"Ini kerana maklumat mengenai pelaksanaan pelbagai peraturan membabitkan perdagangan sentiasa diumumkan. Oleh itu, mereka tidak boleh memberi alasan bahawa tidak tahu mengenai arahan itu dan jika terbukti melanggar akta, mereka akan terus dikenakan tindakan," katanya.

HARIAN METRO, RABU, 28 DISEMBER 1994

Penguatkuasa DBKL awasi rakyat asing

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak akan bertolak ansur terhadap rakyat Filipina yang menyalahgunakan permit kerja untuk menjalankan perniagaan di kawasan pentadbirannya.

Pegawai Akhbar DBKL, Ramli Ibrahim, berkata pihaknya memandang serius masalah itu dan akan mengambil tindakan ke atas mereka sekiranya meneruskan perniagaan terutama pada hujung minggu.

Menurutnya, anggota Direktorat Penguatkuasaan akan diarahkan untuk mengawasi kawasan itu setiap hujung minggu bagi memastikan rakyat asing berkenaan tidak menjalankan perniagaan sesuka hati.

"Pembantu rumah terbabit akan diberi amaran supaya menghentikan kegiatan mereka dan jika enggan mematuhi arahan, kami akan menyita barangan mereka serta mengenakan kompaun," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan Harian Metro Isnin lalu mengenai rakyat Filipina dipercayai pembantu rumah mengambil kesempatan pada Hari Krismas untuk berniaga di perkarangan dan di luar gereja St John, Jalan Gereja.

Lebih sepuluh penjual menjual pelbagai barangan termasuk syampu dan pakaian dari Filipina. Mereka juga menawarkan perkhidmatan menggunting rambut dan mengecat kuku.

■ Watan Jumaat 6 Januari 1995

DBKL serbu penjaja tanpa lesen

Oleh
RAMLEE ABDUL RAHMAN

KUALA LUMPUR, Khamis : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini sekali lagi menyerbu penjaja-penjaja tanpa lesen yang berniaga menghalang laluan orang ramai di sekitar ibukota.

Dalam operasi itu sejumlah besar barang perniagaan dan makanan yang dianggarkan bernilai RM-10,000 dirampas.

Ketua Operasi Tindakan Khas, Bahagian Kebersihan dan Penjaja DBKL, Inspektor Malek Mohd Rashid berkata operasi ini bertujuan memastikan semua peniaga mempunyai permit perniagaan yang sah dan berniaga tanpa menghalang laluan orang-ramai.

"Kebelakangan ini ramai peniaga menjalankan perniagaan tanpa permit dan sering menghalang laluan orang-ramai," katanya.

Menurutnya lagi, operasi ini dijalankan berdasarkan aduan orang-ramai mengenai sikap setengah-setengah peniaga makanan menghalang bahu jalan dengan meletakkan kerusi meja yang menganggu laluan mereka," ujarnya.

Kawasan yang menjadi tumpuan itu adalah di Jalan Tunku Abdul Rahman, Lorong Haji Taib, Jalan Sultan Sulaiman 1 dan Jalan Alor.

Antara barang yang dirampas ialah kerusi, meja, janarator, basikal roda tiga, jam tangan, baju, seluar, kaset dan stall bergerak.

Operasi yang bermula jam 8.30 hingga 12.30 tengah malam membabitkan dua pegawai dan 28 anggota Bahagian Kebersihan Dan Penjaja DBKL.

DBKL juga mengeluarkan beberapa kompaun kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen Undang-Undang (3) kerana berniaga tanpa pernit, Seksyen 46 Menyebabkan Halangan, Seksyen 47 Kekotoran Penjaja dan Undang-Undang Kecil mendirikan Canopy tanpa kebenaran.

Kesemua barang yang dirampas disita dan ditahan di Stor Penguatkuasa Kebersihan Dan Penjaja DBKL Jalan Samping, Pudu. Operasi ini dijalankan dari masa ke semasa.

Terdahulu daripada itu, Bahagian Penguatkuasa Bahagian Kebersihan dan Penjaja, Kuala Lumpur merampas 3 buah lori kecil di pasar malam dan di Jalan Tun Razak.

WATAN : 8-2-95

DBKL rampas gerai

SEPASUKAN anggota penguatkuasa DBKL merampas sebuah gerai yang tidak mempunyai permit berniaga dalam Operasi Gerai petang semalam.

Lebih 45 buah gerai diperiksa dan 9 buah gerai dikenakan tindakan sita kerana melanggar undang-undang kecil perniaga - Foto: *Abdul Harris Johod.*

Watan Rabu 8 Februari 1995

DBKL sita sembilan gerai



Dua pegawai penguatkuasa DBKL memeriksa permit salah sebuah gerai di Chow kit dalam operasi petang semalam.

Oleh
Ramlee Abdul Rahman

KUALA LUMPUR, Selasa : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mensita sembilan buah gerai di sekitar Chow Kit dalam Operasi Gerai kerana melakukan beberapa kesalahan di bawah undang-Undang Kecil Penjaja, petang tadi.

Dalam operasi yang sama, DBKL mengeluarkan 29 kompaun daripada 45 buah gerai makanan dan buah-buah yang diperiksa di bawah Seksyen 46, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 kerana menghalang pejalan kaki.

DBKL juga mengeluarkan dua notis amaran kepada dua penjaja kerana tidak mengutamakan kebersihan gerai mereka. Tindakan itu diambil dibawah Seksyen 46 akta yang sama.

Selain mengeluarkan kompaun dan notis amaran, DBKL mengambil tindakan ke atas lima penjaja kerana melakukan beberapa kesalahan seperti menyalahgunakan permit yang bercanggah di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja.

Operasi yang bermula dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang menumpukan sasaran di sekitar Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Bot dan Jalan Haji Taib.

Operasi yang diketuai oleh Penolong Pengarah II Direktorat Penguatkuasa DBKL, Tuan Idzawi Raja Ismail membabitkan 39 anggota dan lima pegawai.

Ini merupakan pemeriksaan pertama sepanjang seminggu umat Islam menjalankan ibadat berpuasa.

Pemeriksaan ini bertujuan memastikan semua penjaja menjaga kebersihan gerai mereka dan mengikut peraturan yang disediakan oleh DBKL.

LAMPIRAN 6

Beberapa keratan akhbar mengenai kegiatan menjaja di kalangan warga asing

PENIAGA ASING JUAL MURAH

Oleh Norliza Abdullah

KUALA LUMPUR: Harga barang keperluan harian yang dijual oleh peniaga asing sekitar Chow Kit didapati lebih murah daripada yang ditawarkan oleh peniaga tempatan.

Tindakan mereka menawarkan harga barangan dengan kadar yang lebih rendah seolah-olah cuba memonopoli perniagaan di kawasan itu dan ini melanggar peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

Tinjauan di beberapa kedai runcit yang diusahakan oleh pendatang asing sekitar kawasan berkenaan mendapati mereka menurunkan harga barang kawalan di antara 10 sen dan 50 sen.

Harga gula, tepung, susu dan gas didapati lebih murah daripada harga sepatutnya.

Ketika ditanya mengapa barang kawalan itu dijual dengan harga yang lebih rendah, seorang peniaga terbabit berkata, ia salah satu usaha untuk menarik lebih ramai pelanggan ke situ.

Tindakan mereka menyebabkan pekedai di kawasan berhampiran kekurangan pelanggan.

Seorang peniaga tempatan di kawasan berdekatan ketika ditemui berkata, peniaga asing menjual dengan harga yang lebih murah kerana mereka mendapat untung bersih dan tidak perlu membayar cukai pendapatan serta lesen perniagaan.

Katanya, peniaga asing juga bertindak ganas apabila mereka ditegur oleh peniaga tempatan lain.

"Mereka mengugut mencederakan sesiapa yang cuba mengganggu," katanya.

Tinjauan juga mendapati peniaga itu menjalankan aktiviti mereka pada waktu petang hingga malam untuk mengelak tindakan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

HARIAN METRO, ISNIN, 26 DISEMBER 1994

Gereja St John penuh warga Filipina

:UALA LUMPUR: Suasana ambutan Hari Krimas di ;ereja St John di Jalan Ge-eja di sini, semalam se-lah-olah di Filipina apabila ebih 1,500 rakyat negara itu urut merayakannya di situ.

Mereka yang kebanyak-nnya pembantu rumah ang bekerja di Lembah Klang berkumpul sejak awal agi lagi bagi menyertai pacara sembahyang khas.

Walaupun rakyat tempatan eragama Kristian turut da-am upacara sembahyang itu amun bilangan mereka kecil erbanding rakyat Filipina.

Meskipun setiap Ahad rak-at Filipina berkumpul di ge-eja itu sejak beberapa tahun alu, namun semalam suasana i situ berlainan sekali apabila nasing-masing mengenakan aju baru dan mengucapkan alam Krismas di antara satu ama lain.

Sebilangan mereka turut bertukar-tukar hadiah manakala yang lain membelanja kawan makan di gerai berdekatan gereja yang menjual makanan Filipina.

Pertemuan itu turut digunakan untuk bertukar-tukar khabar di samping bergambar bersama teman.

Pondok telefon di sekitar gereja turut menjadi tumpuan mereka untuk mengucapkan salam Krismas kepada kaum keluarga di tanah air.

Kira-kira jam 12.10 tengah hari apabila upacara sembahyang khas tamat suasana bertambah meriah apabila rakyat Filipina terbabit keluar beramai-ramai dari gereja dan memenuhi jalan di sekitar gereja.

Penjual barangan Filipina yang meletakkan barangan jualan mereka di atas jalan raya serta van menjadi tumpuan mereka.

Lebih 10 penjual membuka perniagaan di pekarangan gereja serta di luar gereja. Mereka menjual pelbagai barangan dari sekecil-kecil botol syampu hinggalah pakaian dari Filipina.

Sementara itu, beberapa pembantu rumah yang ditemui berkata, mereka lebih suka menyambut Krimas di gereja itu kerana di situlah kebanyakan rakyat Filipina negara ini berkumpul.



MERIAH...rakyat Filipina mengunjungi Gereja St John.

HARIAN METRO, RABU, 4 JANUARI 1995

DBKL TIMBANG BERI LESEN

Oleh C Ramasamy

KUALA LUMPUR: Permintaan sebilangan peniaga di sekitar Gereja St John di Jalan Gereja di sini, untuk berniaga secara sah di situ setiap pagi Ahad dan hari perayaan lain, akan dipertimbangkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengerusi Jawatankuasa Jabatan Pengurusan Penjaja dan Peniaga Kecil DBKL, Zakaria Salleh, berkata pihaknya akan meneliti permintaan peniaga itu dengan mengambil kira Undang-undang Kecil Penjaja (Wilayah Persekutuan) 1979.

"Saya akan membawa perkara itu kepada perhatian jabatan supaya permintaan penjaja terbabit diberikan pertimbangan yang sewajarnya," katanya.

Beliau berkata tiada sebab mengapa peniaga itu tidak boleh berniaga secara sah sekiranya permintaan mereka itu sejajar dengan undang-undang kecil serta peraturan yang digariskan oleh DBKL.

Pelbagai perkara, katanya, termasuk kesesuaian kedudukan peniaga serta kelancaran lalu lintas di sekitar kawasan gereja perlu diperhitungkan sebelum peniaga terbabit boleh dibenarkan berniaga.

Beliau bagaimanapun berkata pihaknya tidak akan bertolak dengan rakyat Filipina berniaga di sekitar gereja itu pada setiap pagi Ahad.

"Permintaan peniaga dari kalangan rakyat tempatan boleh dipertimbangkan tetapi jabatan akan tetap tegas terhadap tindakan rakyat Filipina menjalankan perniagaan," katanya yang juga Ahli Lembaga Penasihat DBKL.

Harian Metro semalam melaporkan peniaga di sekitar gereja itu mahu DBKL membenarkan mereka menjalankan perniagaan secara sah supaya mereka tidak perlu melarikan diri setiap kali anggota penguatkuasa datang.

Peniaga terbabit yang terdiri daripada rakyat Malaysia yang berkahwin dengan wanita Filipina menjual pelbagai barangan negara itu termasuk pakaian dan makanan sejak beberapa tahun lalu.

Jualan mereka mendapat sambutan daripada kalangan rakyat Filipina di negara ini yang berkumpul setiap pagi Ahad untuk bersembahyang di gereja itu.

Sementara itu, jurucakap Direktorat Penguatkuasaan DBKL memberitahu Harian Metro, pihaknya mungkin akan menempatkan semula anggota di kawasan gereja itu setiap Ahad bagi memastikan tidak ada rakyat Filipina berniaga di situ.

Menurutnya, langkah itu yang dipraktikkan sejak beberapa bulan lalu tidak dilaksanakan akhir-akhir ini setelah kegiatan mereka terkawal.

HARIAN METRO, KHAMIS, 5 JANUARI 1995

Filipina: Peniaga buat bantahan

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dianggap tidak adil kepada peniaga tempatan terutama penjaja pasar malam jika memberi lesen perniagaan kepada peniaga di Gereja St John yang kebanyakannya rakyat Filipina.

Setiausaha Persatuan Penjaja Pasar Malam Bumiputera Wilayah Persekutuan/Selangor, Mohamad Yusof, meminta DBKL mengkaji dengan teliti sebelum membuat keputusan permintaan peniaga terbabit.

"Adalah tidak adil jika DBKL meluluskan permintaan mereka, sedangkan sesetengah penjaja pasar malam terpaksa menghadapi pelbagai masalah untuk menjalankan kegiatan mereka," katanya kepada Harian Metro semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan akhbar ini mengenai permintaan peniaga barangan keluaran Filipina agar DBKL membenarkan mereka berniaga di kawasan berhampiran gereja berkenaan.

Laporan akhbar ini semalam menyebut peniaga di gereja itu meminta DBKL membenarkan mereka menjalankan perniagaan di situ setiap Ahad serta hari perayaan lain.

Mereka mengharapkan kebenaran itu untuk menjalan perniagaan secara sah tanpa perlu melarikan diri setiap kali penguatkuasa datang.

Mohamad berkata DBKL hendaklah memberi layanan yang setimpal kepada penjaja pasar malam, termasuk membenarkan mereka berniaga di kawasan yang diharamkan kebenaran berniaga diberikan kepada peniaga di Jalan Gereja di sini.

Persatuan menganggap DBKL memilih kasih jika kebenaran itu diberi kepada peniaga berkenaan.

Beliau berkata berdasarkan laporan akhbar itu, kebanyakan peniaga di Jalan Gereja itu mengakui ada sebilangan pembantu rumah Filipina melanggar syarat permit kerja mereka dengan berniaga.

HARIAN METRO : 5-7-95

PPPA sedia bantu egah jualan langsung

UALA LUMPUR: Pasu-an Petugas Pekerja sing (PPPA) bersedia ekerjasama dengan ba-agian penguatkuasa Ke-nenterian Perdagangan alam Negeri dan Hal hwal Pengguna untuk nembanteras kegiatan ualan langsung di kala-ngan rakyat asing.

Pengarah Operasinya, Penolong Pesuruhjaya Ahmad Bakhtiar Sulaiman, berkata walaupun pihak berkuasa tempatan juga boleh bertindak, pihaknya sedia membantu termasuk daripada bahagian penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Kami tiada masalah untuk membantu mereka kerana kegiatan itu bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabar Kamin, memberitahu Harian Metro pihaknya akan bertindak tegas membanteras kegiatan itu.

"Mereka tidak boleh menjalankan perniagaan terutama dalam bentuk perniagaan langsung. Hanya mereka yang berlesen saja dibenarkan menjalankan kegiatan itu," katanya.

Sehubungan itu, beliau membayangkan tidak teragak-agak bertindak tegas menahan rakyat asing yang terbabit termasuk menghantar pegawai penguatkuasa menjalankan siasatan.

"Kami juga merayu orang ramai yang mempunyai maklumat mengenainya menyalurkannya kepada kami terutama kawasan yang sering menjadi tumpuan rakyat asing itu," katanya.

HARIAN METRO, RABU, 5 JULAI 1995

BANTERAS PENDATANG BERNIAGA

Oleh Hamid Karim

LANG: Lebih 100 orang ıkyat asing dipercayai ber-ırak bebas menjual pelba-ıi barangan seperti per-ıaidani di kawasan peru-ıahan di Lembah Klang se-ılah memasuki negara ini ıenggunakan visa atau asport lawatan sosial.

Kegiatan penjaja asing ıang bergerak dari rumah ıe rumah dengan menggu-ıakan van, motosikal dan ıasikal kadangkala menim-ıulkan kebimbangan di ka-ıangan penghuni rumah yang dikunjungi.

Berikutan itu, pihak ber-kuasa memandang serius kegiatan rakyat asing ini yang dikatakan semakin berleluasa sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pengarah Operasi Pasu-kan Petugas Pekerja Asing (PPPA) Penolong Pesuruh-jaya Ahmad Bakhtiar Sulai-man, berkata kerajaan se-memangnya tidak pernah memberi kebenaran kepada rakyat asing itu untuk ter-babit dalam perniagaan jua-lan langsung.

LAZARAH..berniaga.

"Kami akan bertindak se-gera. Bagaimanapun, majlis berkuasa tempatan juga mempunyai kuasa bertindak termasuk Kementerian Per-dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna," kata-nya.

Beliau memberitahu Ha-rian Metro, pembabitan rakyat asing dalam bentuk perniagaan itu perlu diban-teras kerana ia bertenta-ngan undang-undang dan peraturan.

Ahmad Bahktiar mengu-las pembabitan berleluasa rakyat asing di sekitar Lem-bah Klang terutama di Shah Alam, Klang dan Puchong yang menjadi agen jualan langsung pihak tertentu sejeka beberapa bulan ke-belakangan ini.

Tinjauan Harian Metro semalam, mendapati seba-hagian besar daripada rak-yat asing itu menggunakan basikal, sementara yang lain menaiki motosikal men-jual pelbagai barangan da-ripada rumah ke rumah.

Bagaimanapun, kekera-pan mereka mengunjungi kediaman penduduk teruta-ma di sekitar Klang menye-babkan ada antara mereka menggesa pihak berkuasa bertindak segera.

Ini kerana kehadiran rak-yat asing yang menawarkan kemudahan jual beli secara ansuran itu menimbulkan rasa kurang selesa.

Seorang rakyat asing ter-babit, Lazarah, 20, yang di-temui berbasikal sejauh le-bih 20 kilometer semalam berkata beliau tinggal di se-buah rumah di sekitar Pu-chong dan digajikan oleh pi-hak tertentu menjalankan perniagaan itu.

Ketika ditemui di Kam-pung Jalan Kebun, Klang, Lazarah yang mendakwa baru tiba ke negara ini sejak sebulan lalu menjelaskan ramai rakannya yang lain menaiki motosikal dan ke-reta.

"Lebih 100 kawan berniaga macam ini," katanya.

HARIAN METRO : 5-8-96

Indon niaga tanpa permit

KUALA LUMPUR: Lebih 50 peniaga Indonesia dipercayai beroperasi secara haram di sepanjang Jalan Raja Alang berikutan tindakan pihak berkuasa menghalang perniagaan mereka kawasan Pasar Chow Kit.

Dipercayai peniaga berkenaan pernah beroperasi tanpa lesen di Pasar Chow Kit dan tindakan dari pihak berkuasa menyebabkan mereka terpaksa mencari tempat baru untuk beroperasi.

Peniaga itu dipercayai beroperasi antara jam 2 hingga 8 pagi setiap hari dan membersihkan tapak perniagaan sebaik sahaja selesai bagi mengelirukan pihak berkuasa dari mengesan perniagaan haram mereka.

Menurut seorang peniaga di Pasar Chow Kit, Majid Ahmad, 47, kehadiran peniaga Indonesia sememangnya menjejaskan perniagaan mereka kerana harga yang ditawarkan adalah murah berbanding harga di pasar Chow Kit.

Menurutnya, pendatang itu menjual sayur-sayuran yang diambil dari Hulu Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam dengan harga yang lebih murah kerana mereka tidak menanggung kos penyewaan seperti peniaga lain yang berlesen.

Beliau mengakui perniagaannya terjejas semenjak peniaga Indonesia menjalankan operasi secara haram di kawasan berkenaan.

MAJID...terjejas.

Perniagaan haram itu turut menimbulkan masalah kesesakan lalu lintas terutama jika sayur-sayuran belum habis dijual sewaktu orang ramai pergi ke tempat kerja ketika awal pagi.

Seorang peniaga lain yang ditemui, Rosdi Hamid 30, mengakui ramai peniaga Indonesia yang menjalankan perniagaan secara haram di sepanjang Jalan Raja Alang.

Mereka berniaga antara jam 2 hingga 5 pagi setiap hari kerana waktu ini adalah waktu yang paling sibuk.

HARIAN METRO : 7-4-97

PENIAGA HARAM DILINDUNGI

Oleh Raja Nurfatimah Mawar

KUALA LUMPUR: Hasrat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan terhadap penjaja haram di kalangan warga asing di ibu kota, tidak kesampaian selagi mereka dilindungi pemilik lesen asal gerai berkenaan.

Hubungan penjaja tempatan yang mengalibabakan lesen mereka kepada penjaja asing dikatakan begitu rapat sehingga pihak berkuasa tidak menyangka sesebuah gerai itu sebenarnya diuruskan penjaja asing.

Pegawai Perhubungan Awam DBKL, Rozielawatie Rahmad, berkata pendatang asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan walaupun mereka menyewa gerai daripada penjaja tempatan.

Menurutnya, DBKL akan bertindak tegas terhadap penjaja tempatan yang didapati mengalibabakan lesen mereka kepada warga asing.

Katanya, pendatang asing bukan saja tidak layak memohon lesen bagi menjalankan perniagaan, mereka juga tidak dibenarkan bekerja sebagai pembantu gerai makanan.

"Walaupun pendatang asing berkenaan mempunyai dokumen perjalanan yang sah, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Undang-undang Perlesenan Penjaja Gerai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur jika didapati menjalankan perniagaan secara haram.

"Jika sabit kesalahan penjaja asing terbabit boleh di denda sehingga RM1,000 dan peralatan perniagaannya dirampas.

"Gerai pendatang asing yang dirampas akan dilupuskan, manakala gerai penjaja tempatan akan disita sehingga mereka menjelaskan kompaun yang dikenakan," katanya.

Rozielawatie berkata, penjaja asing yang ditahan juga akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.

Bandar raya kini bukan lagi dipenuhi penjaja haram daripada warga Indonesia, Thailand, malah dari Filipina.

Menurutnya, tindakan DBKL membekukan pengeluaran lesen penjaja dan berniaga gerai untuk menyekat perbuatan penjaja tempatan menyalahgunakan pengeluaran lesen untuk mendapatkan sumber kewangan segera.

DBKL mengenal pasti beberapa kawasan penjaja di sekitar ibu kota yang menjadi tempat pendatang asing menjalankan perniagaan.

Antara kawasan terbabit ialah di sekitar Jalan Chow Kit, Jalan Haji Hussein, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Haji Taib, Lorong Haji Taib, Jalan Semarang, Jalan Bunus 6, Jalan Masjid India, Jalan Tun Perak dan kawasan sekitar Menara Maybank.

Menurutnya, pihaknya akan menjalankan operasi berterusan dalam membendung masalah penjaja asing berleluasa.

Sehubungan itu, katanya operasi meroboh dan membersihkan kawasan penjaja asing akan dijalankan dari semasa ke semasa.

BERITA HARIAN : 27-5-98



Pasar lambak dikendali secara haram

SIBUK... pasar lambak yang dikendalikan pendatang rakyat Indonesia di kawasan setinggan di sekitar Lembah Klang semakin berleluasa.

Keadaan dan kesibukan pasar berkenaan seperti di Chow Kit yang mana peniaga menjual pelbagai barangan untuk keperluan pendatang yang menetap di kawasan itu.

Walaupun tujuan perniagaan itu untuk memudahkan pendatang membeli-belah, pihak berkuasa termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu mengambil tindakan berikutan peniaga tidak mempunyai lesen.

Sebelum ini, ramai peniaga tempatan yang dikenakan tindakan termasuk geral mereka diroboh kerana berniaga secara haram dan sepatutnya ia juga dilaksanakan terhadap pasar lambak di penempatan pendatang Indonesia. — Gambar A Bakar Onn.

Utusan Malaysia - 10/11/98

Warga asing bebas berniaga

DALAM kegawatan ekonomi yang melanda negara, pelbagai cara dilakukan oleh kebanyakan penduduk ibu kota bagi meneruskan kehidupan seperti berniaga di kaki-kaki lima bangunan dan sebagainya.

Bagaimanapun, alasan tersebut bukan bererti sesiapa pun bebas untuk berniaga tanpa lesen, apatah lagi jika aktiviti itu dilakukan oleh rakyat asing yang hanya memegang pas lawatan kerja sementara.

Bagaimanapun, pemandangan begini di ruang legar Kompleks Kotaraya pada setiap Ahad bukanlah perkara baru.

Kawasan perniagaan di situ dimonopoli oleh para pendatang Filipina sejak beberapa tahun lalu.

Sehingga kini, tiada tindakan tegas diambil oleh pihak berkuasa untuk membersihkan kawasan berkenaan daripada peniaga-peniaga haram.

Malah kegiatan mereka semakin berleluasa. Mereka menjual barangan seperti kosmetik, buku, setem dan banyak lagi.

● **Warganegara Filipina sibuk tawar-menawar dengan bakal pembeli di ruang legar Kompleks Kotaraya di Kuala Lumpur, semalam.**

11 / Metro

HARIAN METRO - 9/4/99

GERAI HARAM TAPAK BINAAN

Oleh Roslan Ibrahim

KUALA LUMPUR: Rakyat asing terutama yang terbabit dalam sektor pembinaan mendapat keuntungan lumayan dengan membuka gerai menjual makanan dan barangan runcit secara haram di tapak pembinaan.

Walaupun kegiatan itu sudah lama dijalankan, pihak berkuasa tidak menyedarinya, menyebabkan pertumbuhan gerai haram di tapak pembinaan kian berleluasa.

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Pekedai Kecil Bumiputera Wilayah Persekutuan, Mithlan Samijoo, berkata kegiatan rakyat asing itu menjejaskan pendapatan peniaga tempatan.

Menurutnya, kebiasaannya rakyat asing terbabit akan membeli sayur dan barangan lain secara borong untuk diagihkan ke gerai haram di tapak pembinaan.

"Tindakan mereka menyebabkan peniaga tempatan sukar mendapat bekalan dan terpaksa bersaing untuk mendapatkan harga berpatutan.

"Rakyat asing terbabit boleh membeli bekalan sayur dan barangan lain dengan harga tinggi kerana mereka tidak perlu membayar sewa gerai dan kemudahan lain," katanya kepada Harian Metro, di sini, semalam.

Mithlan bimbang jika kegiatan itu berleluasa, pendapatan peniaga tempatan akan terjejas manakala rakyat asing memperolehi keuntungan berlipat ganda.

Katanya, rakyat asing berkenaan bukan sahaja mendapat upah dengan bekerja sebagai buruh binaan, malah melalui perniagaan gerai haram di tapak pembinaan.

"Melalui perniagaan gerai haram dan buruh binaan, rakyat asing dapat menghantar wang yang banyak ke negara masing-masing sehingga menjejas kewangan negara," katanya.

Menurutnya, di sesetengah tapak pembinaan, rakyat asing turut menjual minuman keras termasuk kepada penduduk tempatan sehingga menyebabkan pelbagai masalah sosial.

TELAH DIBAKSKAN
PADA: 15/9/99
2623028
2857295
2825578
7827161

Harian Metro
14 SEP 1999

GERAI HARAM BIAK TIKUS

HARYATI Hidayat Ali dari Damansara Jaya, Kuala Lumpur, meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan terhadap penjaja yang membuka gerai haram di Taman Tun Dr Ismail (TTDI).

Menurutnya, gerai haram itu banyak dibuka terutama di sekitar Jalan Burhanuddin Helmi, menyebabkan lorong di situ sempit berikutan dipenuhi gerai.

"Setiap lorong di jalan itu ada gerai haram yang menyebabkan kesesakan lalu lintas selain mendorong pembiakan tikus dan nyamuk," katanya.

● PEGAWAI Akhbar DBKL, Rozielawati Rahmat, berkata pihaknya akan membuat tinjauan ke tempat dimaksudkan bagi memastikan kebenaran aduan itu.

Menurutnya, tindakan sewajarnya akan diambil secepat mungkin terhadap penjaja terbabit bagi memastikan keselesaan dan keselamatan orang ramai terutama penduduk setempat.

TELAH DIFAKSKAN
PADA: 16/9/99
2623528
4268260

Harian Metro
15 SEP 1999

PELANCONG BERNIAGA

Oleh Ahmad Shahrul Nizam Muhammad

KUALA LUMPUR: Kawasan sekitar Jalan Chow Kit, di sini, dipercaya menjadi 'lubuk' pelancong asing untuk menjalankan pelbagai jenis perniagaan tanpa bimbang tindakan pihak berkuasa.

Kebanyakan pelancong terbabit tidak bimbang dengan kehadiran pihak berkuasa kerana mereka mampu melepaskan diri dengan menggunakan pasport lawatan yang dimiliki, selain mendapat bantuan penduduk tempatan.

Pengerusi Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Dr Azman Atar Othman, berkata pelancong terbabit menggunakan pasport mereka untuk berniaga secara haram di negara ini walaupun ia satu kesalahan.

Menurutnya, selain menggunakan pasport sebagai bukti kemasukan mereka secara sah ke negara ini, warga asing berkenaan berniaga di kawasan yang ramai peniaga tempatan.

"Saya mengesan kegiatan itu ketika menjalankan pemeriksaan bersendirian di kawasan berkenaan.

"Mereka memiliki pasport melancong ke negara ini tetapi mengambil kesempatan menjalankan perniagaan di ibu kota terutama di sekitar Chow Kit," katanya.

Selain itu, katanya, kegiatan warga asing ini sukar ditangani kerana mendapat bantuan daripada penduduk tempatan.

Beliau berkata, warga asing ini akan menjalankan kegiatan berhampiran kumpulan besar peniaga tempatan lain di Chow Kit.

Menurutnya, mereka lebih gemar berniaga di kawasan yang sesak untuk memudahkan usaha melarikan diri jika operasi dijalankan.

"Selain itu, juga sikap penduduk tempatan yang menyewakan lesen kepada warga asing juga membantu kepada pertambahan peniaga warga asing di Chow Kit.

"Saya berharap, penguatkuasa mengambil tindakan tegas terhadap peniaga terbabit termasuk merampas lesen dan memberikan kepada mereka yang jujur untuk menjalankan perniagaan sendiri," katanya.

UTUSAN MALAYSIA : 25-4-2000

Penjaja asing semakin berleluasa

Oleh
NORIZAN ABDUL MUHID
dan ROSNIZA MOHAMAD

TEE LEE TAT

NORDIN BAHARIN

MOHD. SAYUTI

KUALA LUMPUR 24 April — Penjaja tempatan yang beroperasi di ibu negara dan beberapa kawasan sekitarnya melahirkan kebimbangan terhadap pertambahan jumlah penjaja asing yang bergiat aktif tanpa sebarang tindakan daripada pihak berkuasa.

Menurut mereka, kegiatan penjaja asing ini bukan sahaja menyalahi undang-undang malah ia secara tidak langsung telah turut menjejaskan pendapatan penjaja tempatan.

Tinjauan *Utusan Kota* di beberapa tempat di ibu negara mendapati, ramai penjaja asing menjalankan perniagaan dengan sewenang-wenangnya tanpa sebarang rasa bersalah kerana tindakan penguatkuasaan yang longgar.

Keadaan seperti itu dapat dilihat dengan jelas di beberapa kawasan utama seperti di Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Lorong Masjid Pakistan, Pasar Keramat, Pandan Indah, Pandan Mewah dan bandar Ampang.

Seorang peniaga pakaian di Chow Kit, **Tee Lee Tat**, 40, berkata, pihak berkuasa perlu bertindak tegas untuk menangani kegiatan penjaja asing ini kerana ia boleh menjadi semakin serius jika tidak dicegah.

Menurutnya, nasib penjaja tempatan akan terjejas kerana penjaja asing turut menjalankan kegiatan tanpa sebarang tindakan daripada pihak berkuasa.

"Suatu hari nanti, tidak mustahil pasar Chow Kit akan bertukar wajah menjadi Pasar Isnin seperti di Jakarta kerana dikuasai oleh pendatang asing," jelas beliau.

Nordin Baharin, 43, yang menjalankan perniagaan di Jalan Raja Bot di sini pula berkata, tindakan penguatkuasaan yang longgar telah menyebabkan ramai pendatang semakin berani menjalankan perniagaan.

Jelas beliau, kebanyakan pendatang asing yang menjalankan perniagaan tidak bergantung sepenuhnya kepada pulangan keuntungan yang lumayan sebaliknya menganggap perniagaan tersebut sebagai pendapatan sampingan.

LAPORAN Kota

Gulung tikar

"Berbanding peniaga tempatan, mereka bergantung sepenuhnya kepada pulangan pendapatan dan ramai di antara mereka terpaksa gulung tikar kerana tidak terlalu banyak saingan," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA : 25-4-2000

Bertindak terhadap peniaga mengalibabakan lesen

KUALA LUMPUR 24 April – Pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta bertindak tegas terhadap penjaja yang 'mengalibabakan' lesen mereka kepada pendatang asing.

Yang Dipertua Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Wilayah Persekutuan (PKWP), Baharim Razak berkata, langkah itu penting bagi menyekat kegiatan penjaja yang cuba mendapat keuntungan mudah dengan memberikan lesen mereka kepada pendatang.

Menurut beliau, sikap meraih keuntungan 'atas angin' dengan menyewakan lesen kepada pendatang asing telah menyebabkan peniaga tempatan lain mengalami kerugian kerana terpaksa bersaing dengan pendatang asing.

BAHARIM RAZAK

Dikhuatiri

"Masalah ini perlu diatasi segera kerana jika ia dibiarkan dengan lebih lama dikhuatiri akan menjadi barah dan penyakit yang tidak mungkin dapat disembuhkan," katanya kepada *Utusan Kota*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas aktiviti penjajaan yang semakin berleluasa di kalangan pendatang sekitar ibu negara.

Selain itu, Baharim memberitahu, tindakan tegas juga harus dikenakan terhadap para penjaja asing yang menjalankan perniagaan mereka sewenang-wenangnya di ibu negara dan sekitarnya.

Menurut beliau, faktor penguatkuasaan yang lemah dan tidak berterusan telah menyebabkan kegiatan penjaja asing terus berkembang sehingga memberi kesan kepada penjaja tempatan.

"Pihak berkuasa dilihat hanya bertindak ke atas warga asing ini pada waktu-waktu tertentu sahaja dan tidak melakukan operasi penguatkuasaan secara berterusan," jelas beliau.

Katanya, pertambahan bilangan penjaja asing di beberapa tempat sekitarnya telah menyebabkan peniaga tempatan terpaksa menanggung kerugian kerana terpaksa bersaing dengan pendatang.

"Kebanyakan pendatang asing ini tidak bergantung sepenuhnya kepada pendapatan perniagaan yang dijalankan memandangkan sebahagian pendapatan mereka disalur keluar ke negara asal masing-masing.

"Sedangkan peniaga tempatan, mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil dari perniagaan yang dijalankan," ujarnya lagi.

Tertipu

Sementara itu, PBT juga digesa supaya lebih teliti ketika menjalankan operasi dan tidak mudah tertipu dengan helah penjaja asing supaya tindakan yang lebih berkesan dapat diambil terhadap mereka.

"Di kalangan peniaga asing ini, mereka ini sudah boleh membaca pergerakan pihak berkuasa ketika melakukan operasi penguatkuasaan malah mereka juga sudah siap sedia menghadapi tindakan yang diambil ke atas mereka," tambahnya.

Sehubungan itu Baharim berkata, pihaknya telah mengambil inisiatif dengan persatuan peniaga di ibu negara supaya masalah 'mengalibabakan' lesen dapat diatasi.

"Kita mempunyai 10 cawangan antaranya di Jalan Ipoh, Sentul, Sungai Besi, Bandar Baru Wangsa Maju dan Datuk Keramat dan saya yakin masalah ini tidak berlaku di kawasan cawangan pihak persatuan," ujar beliau.

Menarik

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Penjaja Jalan Ipoh, Abdul Ghani Hassan memberitahu, kegiatan penjaja asing sukar diatasi memandangkan barangan yang dijual turut menarik minat pelanggan tempatan.

"Kebiasaannya mereka (peniaga asing) menjual barangan seperti makanan dan pakaian dengan harga yang lebih murah berbanding peniaga tempatan.

"Keadaan ini menyebabkan peniaga tempatan terpaksa bersaing dengan pendatang asing dan oleh kerana terlalu kuat saingan ada di kalangan mereka terpaksa gulung tikar, lebih-lebih lagi ketika ekonomi negara di dalam keadaan yang kurang memuaskan," katanya.

LAMPIRAN 7

Senarai ruang menjaja yang dimajukan oleh pihak swasta. Pemilihan penjaja dan kadar sewa ditetapkan oleh DBKL

SENARAI LOKASI RUANG NIAGA SWASTA

Bil.	Lokasi	Bil. Gerai
1.	Menara Promet Jalan Sultan Ismail	16
2.	Wisma MBSB Jalan Dungun	5
3.	Bangunan MBF Jalan Ampang	6
4.	Wisma Jernih Jalan Sultan Ismail	7
5.	Bangunan Arab Malaysian Jalan Raja Chulan	10
6.	Pasar Budaya (Lantai Mezzanine) Jalan hang Kasturi	19
7.	Pasar Budaya (Kiosk) Jalan Hang Kasturi	20
8.	Pernas International Jalan Sultan Ismail	17
9.	Plaza Gerai Pertama (Pertama Complex) Jalan Tuanku Abdul Rahman/ Jalan Dang Wangi	27
10.	The Mall Metroplex Jalan Putra	24
11.	Menara Shell Jalan Dungun	7
12.	Menara UBN Jalan Sultan Ismail	9
13.	Bangunan Amoda Jalan Imbi	8
14.	Menara Maybank Jalan Tun Perak	36
15.	Plaza IBM Jalan Tun Mohd. Fuad Taman Tun Dr. Ismail	9
16.	Bangunan Bank Industri Jalan Sultan Ismail	11
17.	Menara Daya Bumi (The Store) Jalawn Sultan Hishamuddin	9
18.	Menara Boustead Jalan Raja Chulan	10
19.	Plaza Pudu Jalan Landak, Pudu	15
20.	Bangunan Bank Negara Malaysia (Medan Kupang) Jalan Kuching	9
21.	Sudut Selera UDA Jalan Tun H.S. Lee	23
22.	Bangunan Jaya Jusco Taman Maluri Cheras	19
23.	Bangunan Jaya Jusco Wangsa Maju Setapak	1
24.	Bangunan Plaza Yow Chuan Jalan Tun Razak	9

Bil.	Lokasi	Bil. Gerai
25.	Jolly Green Jalan Telawi, Bangsar	39
26.	Bangunan City Square Jalan Tun Razak	4
27.	Bangunan Kassim Chan Jalan Changkat Raja Chulan	4
28.	Wisma Semantan Jalan Gelenggang/ Jalan Semantan, Damansara Heights	20
29.	Bangunan UDA Ocean Jalan Sultan/ Jalan Tun H.S. Lee	8
30.	Wisma Goldhill Jalan Raja Chulan	8
31.	Wisma Inai Jalan Tun Razak	8
32.	Wisma Cyclecarri Jalan Raja Laut	13
33.	Plaza Atrium Lorong Changkat Raja Chulan	9
34.	Wisma Sime Darby Jalan Raja Laut	2
35.	Plaza Phoenix Lot 2794 Batu 6, Jalan Cheras	6
36.	Menara Lion 165 Jalan Ampang	16
37.	Wisma Genting Jalan Sultan Ismail	16
38.	Plaza Raja Chulan Tingkat 4, Jalan Raja Chulan	9
	JUMLAH	488

LAMPIRAN 8

Senarai pusat menjaja yang dibina dan ditadbir oleh DBKL. Pusat-pusat menjaja ini adalah berbentuk gerai berkunci

SENARAI LOKASI GERAI BERKUNCI

Bil.	Lokasi	Bil. Gerai
1.	Medan Selera Jalan Raja Muda TPCA	36
2.	Jalan Raja Bot/Jalan Hj. Hussein	64
3.	Jalan Raja Alang (Shell)	41
4.	Lorong Raja Bot	44
5.	Jalan Tuanku Abdul Rahman (Sebelah 495/497)	20
6.	Jalan Bonus 6 (Sebelah Kedai No. 159)	12
7.	Medan Bonus (Sebelah Kedai No. 101)	9
8.	Medan Bonus (Sebelah Kedai No. 107)	12
9.	Jalan Raja Alang (Gerai Sapuan)	26
10.	Aked Ibu Kota	28
11.	Sebelah No. 11 Leboh Ampang	10
12.	Taman Ibu Kota	24
13.	Jalan Duta	36
14.	Jalan Semantan	16
15.	Hentian Putra	18
16.	Jalan Genting Kelang	26
17.	Pasarama Kota	28
18.	Jalan Melayu	12
19.	Kompleks Munshi Abdullah	82
20.	Jalan Jujur (Bandar Tun Razak)	24
21.	Jalan Ikhlas (")	18
22.	Jalan Choo Cheng Khay	7
23.	Jalan Bellamy	3
24.	Jalan Kuari	4
25.	Jalan Thavers (Kg. Pandan)	21
26.	Jalan Tun Sambanthan (Pine)	11
27.	Jalan Chenderasari (Perangkaan)	12
28.	Jalan Chenderasari (Kementerian Kesihatan)	5
29.	Kg. Kerinchi	60

Bil.	Lokasi	Bil. Gerai
30.	Jalan Lobak, Taman Cheras	15
31.	Taman Sg. Besi	10
32.	Jalan Tenteram (Bandar Tun Razak)	30
33.	Jalan Sultan Mohamad	9
	JUMLAH	773

LAMPIRAN 9

Senarai pasar-pasar berbangunan yang dibina dan ditadbir oleh DBKL

Bil.	Nama Pasar	Jumlah Penjaja
1.	Pasar Raja Bot	1,151
2.	Pasar Pudu	1,668
3.	Pasar Besar Gombak	218
4.	Pasar Besar Cheras	231
5.	Pasar Besar Taman Tun Dr Ismail	262
6.	Pasar Kg. Datuk Keramat	480
7.	Pasar Sentul Pasar	376
8.	Pasar Sentul Jalan Ipoh	66
9.	Pasar Kg. Batu 5	89
10.	Pasar Jinjang Utara	446
11.	Pasar Air Panas, Setapak	185
12.	Pasar Bukit Bintang/Jalan Kampung	159
13.	Pasar Jalan Klang Lama Batu 4½	401
14.	Pasar Taman Cheras	188
15.	Pasar Selayang	850
16.	Pasar Wangsa Maju Seksyen 1	31
17.	Pasar Wangsa Maju Seksyen IV	16
18.	Pasar Pekan Sg. Besi	195
19.	Pasar FRI, Jalan Kepong	139
20.	Pasar Salak South Main Street	101

21.	Pasar Wangsa Maju Seksyen 10	-
22.	Pasar Jalan 22, Salak South	102
23.	Pasar Jalan 28, Salak South	55
24.	Pasar Blok A, Jalan Tun Razak	206
25.	Pasar Borong Kuala Lumpur	464
26.	Pasar Salak Jaya (Site & Services)	24
	JUMLAH	8,103

LAMPIRAN 10

Senarai pasar terbuka di bawah kawalan DBKL

Bil.	Nama Pasar	Jumlah Penjaja
1.	Pasar Terbuka Taman Pertama	50
2.	Pasar Terbuka Jalan Kijing	63
3.	Pasar Terbuka Menteri	130
4.	Pasar Terbuka Maluri	60
5.	Pasar Terbuka Jalan Gajus	11
6.	Pasar Terbuka Ikhlas/Jalan Jujur	70
7.	Pasar Terbuka Taman Mulia	38
8.	Pasar Terbuka Taman Brunei Barat	15
9.	Pasar Terbuka Lorong Drury	120
10.	Pasar Terbuka Taman Bukit Anggerik	100
11.	Pasar Terbuka Taman Len Seng	25
12.	Pasar Terbuka Taman Connought	55
13.	Pasar Terbuka Taman Taynton View	29
14.	Pasar Terbuka Taman Midah	75
15.	Pasar Terbuka Taman Segar	20
16.	Pasar Terbuka Kg. Cheras Baru	80
17.	Pasar Terbuka Jalan Lazat	45
18.	Pasar Terbuka Selesa	90
19.	Pasar Terbuka Jalan Sepadu	40
20.	Pasar Terbuka Gempita 2	83
21.	Pasar Terbuka Jalan Ara Kiri	56

Bil.	Nama Pasar	Jumlah Penjaja
22.	Pasar Terbuka Jalan Padang Belia	35
23.	Pasar Terbuka Jalan 16, OUG	35
24.	Pasar Terbuka Jalan 29, OUG	50
25.	Pasar Terbuka Sri Petaling	68
26.	Pasar Terbuka Jalan Hang Tuah 3	84
27.	Pasar Terbuka Bandar Baru Sentul 1C	180
28.	Pasar Terbuka Taman Kok Doh	67
29.	Pasar Terbuka Batu 5, Jalan Gombak	20
30.	Pasar Terbuka Bandar Baru Sentul 1A	25
31.	Pasar Terbuka Jalan Union (Rumahpangsa Sri Terengganu)	38
32.	Pasar Terbuka Jalan Tiong Nam	69
33.	Pasar Terbuka Lorong Persiaran Segambut	65
34.	Pasar Terbuka Jinjang Selatan	165
35.	Pasar Terbuka Jalan Rejang	120
36.	Pasar Terbuka Sek. 2, Wangsa Maju	50
37.	Pasar Terbuka Jalan Genting Klang	137
38.	Pasar Terbuka Jalan Kemunting	30
39.	Pasar Terbuka Desa Setapak	20
40.	Pasar Terbuka Jalan Ipoh	120

Bil.	Nama Pasar	Jumlah Penjaja
41.	Pasar Terbuka Emas Tulin	65
42.	Pasar Terbuka Lorong Balam	54
43.	Pasar Terbuka Kepong Baru Jalan 75, 79, 81 & 83	233
44.	Pasar Terbuka Jalan 133, Kepong	48
45.	Pasar Terbuka Taman Bukit Maluri	92
46.	Pasar Terbuka Taman Intan Baiduri	141
47.	Pasar Terbuka Taman Wahyu	7
48.	Pasar Terbuka Taman Miharja Fasa 1	30
49.	Pasar Terbuka Jalan Punai	4
50.	Pasar Terbuka Jalan Merlimau	270
51.	Pasar Terbuka Bandar Baru Sentul	185
52.	Pasar Terbuka Jalan Ikan Emas	250
53.	Pasar Terbuka Razak Mansion	80
	Jumlah	4,092

LAMPIRAN 11

Senarai lokasi pasar malam yang dilesenkan oleh DBKL

	NAMA PASAR MALAM	PARLIMEN	BIL
ISNIN			
1.	JALAN SENTUL PASAR DALAM 4B	BATU	129
2.	TAMAN MULIA B.T.R	BTR	161
3.	JALAN AIR JERNIH AIR PANAS	T/WANGSA	95
4.	TAMAN KOPERASI POLIS FASA II	BATU	93
5.	TAMAN SRI SINAR SEGAMBUT	SEGAMBUT	95
6.	JALAN KANGSAR OFF JLN IPOH	SEGAMBUT	99
7.	PANGSAPURI KG. KERINCHI	L/PANTAI	105
8.	TAMAN LEN SENG CHERAS	BTR	150
9.	JALAN LAKSAMANA OFF CHOCHRANE	T/WANGSA	56
10.	SEKSYEN 1 WANGSA MAJU	W/MAJU	157
			1140
SELASA			
1.	JALAN AIR BAH SETAPAK	T/WANGSA	54
2.	JALAN RADIN ANOM SRI PETALING	SEPUTIH	281
3.	RUMAH PANJANG JINJANG A	KEPONG	54
4.	KG. KASIPILLAY OFF JLN IPOH	SEGAMBUT	184
5.	JALAN 133 KEPONG	KEPONG	55
6.	TAMAN INTAN BAIDURI KEPONG	SEGAMBUT	97
7.	TAMAN DESA BAKTI	KEPONG	40
8.	KG. PASIR LAMA JLN KLANG LAMA	L/PANTAI	69
9.	TAMAN KOK LIAN KEPONG	BATU	18
10.	TAMAN PERTAMA CHERAS	CHERAS	145
11.	PANGSAPURI RAZAK MANSION	SEPUTIH	165
12.	JALAN BANGSAWAN BANDAR TUN RAZAK	BTR	143
13.	TAMAN DATUK SENU SENTUL	BATU	217
14.	JALAN CEMUR PEKELILING	B/BINTANG	206
15.	PANGSAPURI GOMBAK 1A	W/MAJU	101
			1829
RABU			
1.	JALAN PANTAI DALAM	L/PANTAI	96
2.	JALAN GEMPITA SALAK SELATAN	SEPUTIH	134
3.	DESA PETALING	BTR	78
4.	SEKSYEN 10 WANGSA MAJU	W/MAJU	23
5.	JALAN K TAMAN BATU	BATU	92
6.	JALAN CHENGAL TAMAN SETAPAK	W/MAJU	167
7.	TAMAN CONNAUGHT	BTR	238
8.	JALAN KUDIS ENTERPRENOUS PARK	SEPUTIH	153
9.	PANGSAPURI SRI PAHANG	L/PANTAI	92
10.	PANGSAPURI SRI MELAKA	BTR	78
11.	JALAN KOLAM AIR OFF JLN IPOH	SEGAMBUT	19
12.	JALAN WIRA KG. PANDAN	T/WANGSA	251
13.	TAMAN BERINGIN JINJANG UTARA	BATU	188
14.	KG. MALAYSIA TAMBAHAN SG BESI	BTR	71
15.	KUATERS HOSPITAL JLN PAHANG	T/WANGSA	47
			1727

KHAMIS

1.	PANGSAPURI SRI TRENGGANU SENTUL	BATU	106
2.	JALAN KAS KAS TAMAN CHERAS	CHERAS	144
3.	TAMAN SRI SENTOSA KLANG LAMA	L/PANTAI	171
4.	PANGSAPURI PKNS JLN KUCHING	BATU	90
5.	JALAN IKAN EMAS BATU 3 1/2	BTR	177
6.	TAMAN SRI RAMPAI JLN 46/26	W/MAJU	272
7.	JALAN HUJAN EMAS OUG	SEPUTIH	208
8.	JALAN JUJUR BANDAR TUN RAZAK	BTR	116
9.	JALAN PERHENTIAN SENTUL	SEGAMBUT	52
10.	KG. HJ ABDULLAH HUKOM	SEPUTIH	61
11.	TAMAN TAYTON CHERAS	CHERAS	82
12.	JALAN BERHALA OFF BRICKFIELDS	B/BINTANG	142

			1621
			====

JUMAAT

1.	TAMAN MELATI GOMBAK	W/MAJU	148
2.	BANDAR BARU SENTUL	BATU	245
3.	TAMAN KOK DOH SEGAMBUT	BATU	230
4.	JALAN MANIS TAMAN SEGAR	CHERAS	121
5.	JALAN SIBU 6 TAMAN WAHYU	BATU	37
6.	TAMAN SRI INDAH SRI PETALING	SEPUTIH	65
7.	JALAN ANG SENG BRICKFIELDS	L/PANTAI	81
8.	TAMAN DESA JALAN KLANG LAMA	SEPUTIH	148
9.	TAMAN SEPUTIH OFF SYED PUTRA	B/BINTANG	42
10.	KG. CHERAS BARU	CHERAS	145

			1262
			====

SABTU

1.	JALAN REJANG SETAPAK JAYA	W/MAJU	247
2.	KG. PANTAI DALAM	L/PANTAI	325
3.	JALAN TUANKU ABD RAHMAN	B/BINTANG	377
4.	JALAN UDANG SIAR SEGAMBUT	SEGAMBUT	122
5.	JALAN TELAWI BANGSAR	L/PANTAI	210
6.	JALAN KELAB JINJANG UTARA	KEPONG	121
7.	JALAN LAZAT TAMAN BUKIT INDAH	SEPUTIH	122
8.	TAMAN BUKIT ANGGERIK CHERAS	BTR	170
9.	JALAN HUJAN BATU OUG	SEPUTIH	72
10.	JALAN BALAI POLIS SG. BESI	BTR	77
11.	TAMAN MIHARJA JALAN LOKE YEW	CHERAS	95
12.	TAMAN MIDAH CHERAS	CHERAS	222
13.	AU2 TAMAN SRI KERAMAT	T/WANGSA	153

			2313
			====

AHAD

1.	TAMAN BUKIT MALURI KEPONG	KEPONG	182
2.	TAMAN JINJANG BARU (TITIKAYA)	KEPONG	103
3.	JALAN MERGASTUA KEPONG	KEPONG	155
4.	JLN WAN KADIR TMN TUN DR ISMAIL	SEGAMBUT	191
5.	JALAN PERKASA 1 TAMAN MALURI	T/WANGSA	230
6.	JALAN KUCHAI TAMAN GEMBIRA	SEPUTIH	102
7.	JALAN KELAPA GADING SEGAMBUT	SEGAMBUT	147
8.	PANGSAPURI SRI SELANGOR	B/BINTANG	105

			1215
			====

RUMUSAN

JUMLAH KAWASAN	=	83
JUMLAH PENJAJA	=	11,107

LAMPIRAN 12

Senarai tapak penjaja yang telah dipindahkan di bawah program penyusunan dan penempatan semula penjaja di jalanan ke lokasi yang lebih sesuai

PENJAJA-PENJAJA YANG TELAH DIPINDAHKAN SEPANJANG TAHUN 1997

Bil	Lokasi Asal	Tapak Pemindahan	Jumlah Penjaja Terlibat
1.	Jalan Tuanku Abdul Rahman	Jalan Haji Taib	370
2.	Jalan Tun Razak / Jalan Ipoh (Seluruh Plaza Pekeliling)	Gerai berkunci DBKL Jalan Duta	8
3.	Taman Pertama Jalan Cheras (Berhampiran Veladrom)	Tapak Pasar Taman Mulia Bandar Tun Razak dan di lain- lain tempat di sekitar Cheras	26
4.	Gerai makan dan pasar flat Sri Kota Bandar Tun Razak	Tapak Pasar Taman Mulia Bandar Tun Razak	35
5.	Taman Midah (tepi jalan Cheras)	Telah mencari tapak sendiri di sekitar Cheras	8
6.	Taman Connaught Cheras	Bhg. Belakang kawasan berdekatan	26
7.	Lorong Dang Wangi dan Medan Tunku	Ruang niaga swasta Public Bank Jalan Ampang	15
8.	Jalan Ampang (berhampiran tanah perkuburan, hadapan BSN)	Telah mencari tapak sendiri	15
9.	Lorong bersebelahan Wisma Central Jalan Ampang	Ruang niaga swasta Public Bank Jalan Ampang	15
10.	Jalan Hampshire / Jalan Ampang (hadapan MBF)	- Sama -	5
11.	Jalan Silang / Lebuh Ampang	Ruang niaga Swasta Oriental Bank dan gerai-gerai berkunci DBKL	15

12.	Jalan Masjid India dan Lorong sekitar W.T. Kiat	Belakang wisma Shen	15
13.	Lorong Tuanku Abdul Rahman, tepi flat Selangor Manusion	Belakang Wisma Shen telah telah cari tapak sendiri	32
14.	Dapur bergerak depan Colisum	Telah cari tapak sendiri	1
15.	Dapur bergerak Jalan Melayu	- Sama -	2
16	Dapur bergerak Jalan Tun Razak (sebelah BERNAMA)	Di Kepong dan Selayang	4
17.	Jalan Chow Kit	Lorong belakang di persekitaran	8
18.	Lot 2347 Jalan Raja Bot	Gerai sementara UDA sebelah KOPASAR	39
19.	Jalan Haji Husain hadapan Wisma HOCK ANN	Tapak baru berdekatan di sekitaran	7
20.	Jalan Bukit Bintang persimpangan Sultan Ismail ke bangunan KCF	Bhg. belakang lorong/Jalan Alor dan Food Court Swasta	52
21.	Jalan Bukit Bintang dari persimpangan Changkat Bukit Bintang sehingga Jalan Pudu	Telah cari tapak sendiri	3
22.	Lorong Tuanku Abdul Rahman Hadapan Komplek Munshi Abdullah	-Sama-	11
23.	Komplek munshi Abdullah	Gerai-gerai berkunci DBKL dan tapak pasar	34
24.	Dapur bergerak jalan Loke Yew	Jalan Lombong Cheras	2
25.	Jalan Sisir (Jalan Hang Lekir)	Telah Cari Tapak Sendiri	10

JUMLAH 758

PENJAJA - PENJAJA YANG TELAH DIPINDAHKAN TAHUN 1988

Bil.	Lokasi Asal	Tapak Pemindahan	JUMLAH PENJAJA Terlibat
.	Jalan DoraiSamy, Jln. Kemunting dan Jln. Raja Abdullah	Lorong Doraisamy	16
2.	Jalan Ipoh (Dari Batu Kantomen ke bulatan Kg. Batu)	Lorong belakang berhampiran	13
3.	Jalan San Peng dari stor DBKL hingga hadapan Telekom	Sebahagian pasar Merlimau dan Lorong Belakang berdekatan tapak asal	19
4.	Jalan Semarak tepi perhentian bas (jual surat khabar)	Telah mencari tapak sendiri	1
5.	Jalan Tun Razak off Jalan Pasar (Hadapan Wisma Indah)	-Sama-	4
6.	Jalan Klang Lama Batu 5 (Hadapan Bandar Park OUG)	Penjaja dipindakan ke lorong 2/137C Jalan Klang Lama	5
7.	Jalan Cheras dari Balai Polis sehingga Stadium Babminton	Penjaja memcari tapak sendiri	3
8.	Lengkok Raja Laut (Hadapan Panggung Federal)	Lorong Ipoh 6	14
9.	Lorong Masjid India	Lorong Bonus 2	7
10.	Jalan Ara (hadapan Supermarket TMc) Lorong Ara Kiri 1 (hadapan BBMB) Hadapan Rukun Tetangga	Lorong Ara Kiri 3	4 5 4
11.	Lorong Bandar 15 Lorong Bandar 17 (berhampiran Pasar Seni)	Lorong Bandar 13 Lorong Bandar 11 Lorong Yap Ah Loy	41
12.	Penjaja diatas bahu jalan, Jalan Silang, Jalan Petaling/ Jalan Cheng Lock, dan sebelah Guardian	Lorong Bandar 20 & 24, Lorong Panggung 2 & 4 belakang Kota Raya, Belakang Panggung Rex Jalan Sultan, Lorong Canton, Lorong Bandar 16	134
13.	Jalan Salak Sounth berhampiran pejabat Pos Stesen LRT	Mencari tapak sendiri	4
14.	Jalan Tuanku Abdul Rahman /Jalan Sultan Sulaiman (hadapan Bangunan UMNO	Mencari tapak sendiri	2

JUMLAH 276

LAMPIRAN 13

Beberapa keratan akhbar mengenai pengiktirafan kerajaan terhadap penjaja dan penetapan hari penjaja

HARIAN METRO : 23-11-95

Hari Penjaja 18 November

KUALA LUMPUR: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengisytiharkan dan menetapkan tarikh 18 November setiap tahun sebagai Hari Penjaja.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, tahun ini sambutan Hari Penjaja peringkat kebangsaan akan diadakan pada 1 Disember di Hotel Dynasty di sini.

Ia dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pengisytiharan Hari Penjaja bertujuan memberikan pengiktirafan kepada masyarakat penjaja di atas sumbangan mereka terhadap pembangunan sosioekonomi negara," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya, semalam.

Menurutnya, sambutan hari itu juga bagi merangsangkan lagi penjaja agar dapat meningkatkan lagi prestasi dan mengamalkan etika perniagaan baik, mementingkan kebersihan dan menawarkan harga berpatutan.

"Penjaja yang menyediakan makanan enak dengan harga yang berpatutan akan dapat menarik ramai pelanggan, malah pelancong asing," katanya.

Dr Ting berkata, penjaja bukan saja penting bagi menyediakan makanan bersih dengan harga berpatutan tetapi juga mewujudkan peluang pekerjaan.

"Ada lebih 200,000 penjaja berlesen di seluruh negara dan mereka menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih sejuta penduduk negara ini," katanya.

Menurutnya, penjaja juga perlu mengekalkan imej bersih sebagai cara menarik perhatian orang ramai mengunjungi kedai atau gerai mereka.

Dr Ting berkata, sempena sambutan Hari Penjaja pelbagai aktiviti diadakan termasuk Konvensyen Penjaja.

"Dalam konvensyen itu nanti enam kertas kerja berkaitan penjaja dan kerajaan akan dibentang dan dibincangkan," katanya.

H/Metro 23/11/95

UTUSAN MALAYSIA: 2-12-1995

Resolusi penjaja dan peniaga kecil

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Konvensyen Penjaja 1995 yang berakhir petang ini mahukan supaya Syarikat Jaminan Kredit (CGC) diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) kerana ia lebih sesuai dengan peranan dan kepentingan masyarakat penjaja dan peniaga di negara ini.

Saranan itu adalah antara beberapa resolusi hasil pembentangan tujuh kertas kerja pada konvensyen yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada sebelah paginya.

Langkah meletakkan CGC di bawah KPU bertujuan memudahkan urusan pemberian pinjaman selaras dengan peruntukan bantuan kewangan yang telah disalurkan oleh kerajaan untuk membantu para peniaga dan penjaja di negara ini.

Resolusi-resolusi lain yang telah ditetapkan termasuklah gesaan supaya syarikat kewangan di negara ini mengakui kewujudan golongan penjaja dan peniaga kecil.

Bank-bank dan syarikat kewangan harus memberikan keutamaan kepada masyarakat penjaja yang dikatakan menghadapi banyak masalah mendapatkan pinjaman terutama peniaga dan penjaja yang tidak mempunyai premis statik (kekal).

Konvensyen itu juga berpendapat, satu gabungan lebih besar harus diwujudkan di kalangan persatuan penjaja dan peniaga kecil di negara ini supaya gerakan dan suara mereka menjadi lebih bermakna.

Kelompok

Gabungan itu bukan saja melibatkan satu kelompok masyarakat penjaja malah ia harus dianggotai oleh penjaja Melayu, Cina dan India secara usaha sama.

Di peringkat negeri, satu jawatankuasa penjaja harus diwujudkan untuk memudahkan kawalan dan bertujuan memberikan sistem kerja yang lebih jelas.

Jawatankuasa itu pula dimestikan berganding bahu dengan pihak berkuasa tempatan negeri supaya pelarasan dapat dibuat dari segi pengawasan dan pengurusan serta penyelesaian masalah.

BERITA HARIAN : 19-6-95

18 November diisytihar Hari Penjaja

KUALA LUMPUR, Jumaat – Kerajaan hari ini mengisytiharkan 18 November setiap tahun Hari Penjaja peringkat kebangsaan sebagai mengiktiraf sumbangan golongan itu dalam pembangunan negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata ini dapat menggalakkan penjaja meningkatkan prestasi mereka, termasuk mengamalkan etika perniagaan yang baik, menjaga kebersihan premis perniagaan serta memastikan harga makanan berpatutan.

Menurutnya, satu jawatankuasa khas sedang merangka pelbagai kegiatan sempena sambutan yang bermakna itu. Antara acara yang dipersetujui ialah penyampaian anugerah Tokoh Penjaja kepada penjaja yang cemerlang dari segi prestasi, kebersihan dan sambutan daripada orang ramai.

Beliau berkata, pengisytiharan itu yang diluluskan Kabinet, Rabu lalu adalah satu pengiktirafan kepada kira-kira 200,000 penjaja di seluruh negara.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkannya Hari Penjaja yang pertama di ibu negara. Sambutan itu juga boleh dijadikan satu acara tarikan pelancong dengan menyajikan pelbagai jenis makanan penjaja.

DR TING CHEW PEH
...Iktiraf sumbangan

"Sambutan tahun depan bagaimanapun akan diadakan di peringkat negeri secara bergilir-gilir dengan ketua menteri atau menteri besar bertanggungjawab melancarkannya. Orang ramai juga menyertai sambutan itu bagi menunjukkan sokongan kepada penjaja," katanya dalam sidang akhbar mengenai acara tahunan yang terbaru itu di pejabatnya, hari ini.

Katanya, sambutan itu akan turut dijayakan oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan pihak berkuasa tempatan.

LAMPIRAN 14

Beberapa keratan akhbar mengenai gangguan awam yang telah wujud hasil daripada kegiatan menjaja

The Malay Mail, Saturday, April 10, 1999

'GET STALLS OFF THE WALKWAYS'

☐ JAY does not understand why stalls are allowed to do business along pedestrian walkways.

He says the problem is rampant, especially along Jalan Sultan Abdul Samad and Lorong Chan Ah Tong in Brickfields.

"The stalls along Jalan Sultan Abdul Samad are open in the evenings. During weekends, they operate in the mornings," he says.

"A particular stall at Lorong Chan Ah Tong is open throughout the day and has even expanded its operations by placing a partition between a block of flats and the walkway."

Jay says these stalls obstruct pedestrians and cause a lot of inconvenience.

"They are also an eyesore because water used for washing utensils is thrown on the road," he says.

He hopes that the authorities will act on the complaint before the situation worsens.

■ *City Hall's Press officer Zakaria Mohd Lazim says it is wrong for the stalls to operate along walkways.*

He says its Hawkers and Petty Traders Management Division will be informed to look into it.

"Our officers will visit the stalls and if they are found to be operating without licences, they will be issued with compounds and their stalls confiscated," he says.

HARIAN METRO, RABU, 14 APRIL 1999

Oleh Srihanasham Noordin

PENIAGA PASAR PAGI BISING

SAZALI Ibrahim dari Jalan 27/154, Taman Bukit Anggerik, Cheras, Kuala Lumpur, mendakwa peniaga pasar pagi berhampiran rumahnya mengganggu ketenteraman penduduk.

Menurutnya, pasar pagi yang beroperasi setiap hari dari jam 5 pagi hingga 12 tengah hari sejak lebih lima tahun lalu itu menimbulkan pelbagai masalah kesihatan, kebersihan dan kesesakan lalu lintas.

"Peniaga tidak mementingkan kebersihan dan membiarkan darah sembelihan ayam dan kotoran lain masuk ke dalam longkang sehingga menyebabkan ia tersumbat.

"Rumah saya juga dimasuki air setiap kali hujan lebat berikutan longkang tersumbat. Jadi, saya minta kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyelesaikan masalah ini," katanya.

● PEGAWAI Akhbar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Rozielawati Rahmat, berkata pihaknya akan menyiasat sama ada aduan itu benar atau tidak secepat mungkin.

Menurutnya, jika peniaga didapati melakukan kesalahan seperti yang didakwa, DBKL akan mengeluarkan kompaun kepada mereka.

"Siasatan lanjut akan dilakukan di tapak pasar pagi itu secepat mungkin bagi memastikan keselesaan dan keselamatan penduduk berhampiran terjamin," katanya.

GANGGU... antara lorong di belakang bangunan yang menjadi sasaran penjaja beroperasi.

Penjaja jejas tugas pembersihan lorong

KUALA LUMPUR, Isnin – Kehadiran peniaga di lorong belakang bangunan sekitar ibu kota menyukarkan pekerja Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) membersih dan mengangkut sampah dari kawasan itu.

Berikutan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diminta bertindak terhadap peniaga terbabit kewujudan warung mereka bukan sahaja menyukarkan tugas malah menghalang lalu lintas serta mencemarkan kawasan berkenaan.

Ketua Eksekutif Alam Flora, Mohamed Siraj Abdul Razak, berkata tugas membersihkan sampah-sarap di lorong belakang bangunan sering tidak dapat dilakukan dengan sempurna berikutan kehadiran peniaga terbabit.

"DBKL perlu mengambil tindakan segera terhadap peniaga terbabit kerana kehadiran mereka ternyata menganggu tugas pekerja Alam Flora membersih dan mengangkut sampah," katanya kepada *Berita Harian* di sini.

Menurutnya, peniaga terbabit juga sering melonggokkan sampah-sarap sesuka hati berhampiran gerai mereka dan tidak menggunakan tong sampah yang disediakan.

"Selain itu, Alam Flora kesal sikap segelintir peniaga yang sering menjadikan lorong belakang bangunan sebagai tempat melonggokkan sampah," katanya.

SIRAJ... minta ambil tindakan

Beliau berpendapat, tugas menjaga dan memastikan kebersihan bandar raya bukan tugas Alam Flora semata-mata tetapi tanggungjawab semua pihak.

Sehubungan itu, masalah warung yang menghalang laluan dan melonggok sampah di lorong belakang bangunan tidak sepatutnya dibiarkan begitu sahaja kerana ia boleh menjejaskan imej ibu negara sekali gus reputasi Alam Flora.

"Keadaan itu akan mencetuskan anggapan di kalangan orang ramai terhadap Alam Flora tanpa mengetahui keadaan sebenar," katanya.

Sementara itu, tinjauan *Berita Harian* di sekitar Chow Kit dan Lorong Haji Taib mendapati beberapa peniaga menggunakan lorong di belakang bangunan untuk mendirikan warung.

Lorong belakang bangunan di situ juga menjadi sasaran penagih dadah dan kutu rayau melepak.

Kewujudan warung itu bukan sahaja menghalang lalu lintas malah tidak sesuai kerana ia didirikan berhampiran tempat pembuangan sampah.

Ini dikhuatiri menjejaskan mutu makanan dan minuman yang dijual kepada orang ramai.

Utusan Kota

Laluan pejalan kaki dijadikan tempat niaga

Laporan KOTA

h
RIZAN ABDUL MUHID

KUALA LUMPUR 3 Okt. — Dewan Bandaraya Kuala Lumpur DBKL) didesak bertindak tegas menangani kumpulan warga Filipina yang menggunakan laluan pejalan kaki di hadapan pusat membeli-belah Kotaraya, di sini, sebagai tempat perniagaan.

Mereka yang ditemui melahirkan rasa tidak puas hati dan kurang selesa ketika melalui laluan pejalan kaki di kawasan itu ekoran aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh warga asing.

Menurut mereka, jika dulu warga asing hanya menjalankan kegiatan mereka pada hujung minggu saja, tetapi kini mereka lebih berani menjalankan perniagaan hampir setiap hari.

Warga asing kebanyakannya menjual pelbagai jenis peralatan kosmetik, ibat kecantikan dan perkhidmatan membaiki kasut.

Seorang bekas penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Haslinda Nikmat, 23, memberitahu, warga asing kadang kala bertindak kasar ketika menawarkan barangan yang dijual kepada orang ramai yang melalui kawasan itu.

"Selain menyebabkan kesesakan di laluan ini, mereka juga sering meninggikan suara dan mengeluarkan kata-kata yang kurang sopan, terutama ketika menawarkan barangan yang dijual kepada orang ramai.

"Walaupun harganya lebih murah berbanding di kedai, tetapi barangan yang dijual tidak bermutu dan tidak diktiraf oleh pusat kesihatan," ujarnya.

Kakitangan sebuah bank tempatan, Zainuddin Ujang, 35, berkata, beliau sukar melalui kawasan pejalan kaki yang disediakan itu ekoran laluan berkenaan semakin dipenuhi oleh warga asing yang menjalankan perniagaan.

"Keadaan ini menyusahkan orang ramai yang terpaksa mengejar masa atas urusan penting yang perlu dilaksana segera," katanya.

Beliau menggesa DBKL menjalankan pemeriksaan yang lebih kerap di kawasan itu bagi mengelakkan kegiatan itu semakin berleluasa.

Seorang pegawai bank, Nizam Abas, 28, pula memberitahu kebanyakan warga asing tidak mempedulikan kesesakan yang berlaku di laluan pejalan kaki berkenaan.

"Orang ramai yang melalui laluan berkenaan pula yang terpaksa mengelak daripada bertembung dengan mereka.

"Sekiranya mereka berhasrat menjalankan peniagaan, mereka sepatutnya memilih tempat yang sesuai. Bukan di tempat atau laluan pejalan kaki yang dikhaskan untuk kegunaan orang ramai," ujarnya.

Sementara itu, seorang pensyarah kolej swasta, Danial Wong, 36, berpendapat, DBKL sepatutnya sudah lama mengatasi masalah berkenaan memandangkan ia telah timbul sejak beberapa tahun lalu.

"DBKL wajar menjalankan pemeriksaan yang lebih kerap di kawasan ini untuk memastikan masalah berkaitan dapat diatasi sepenuhnya," katanya.

HASLINDA NIKMAT

ZAINUDDIN UJANG

NIZAM ABAS

WARGA asing yang menjaja termasuk menyediakan perkhidmatan membaiki kasut ini tidak mempedulikan orang ramai yang melalui laluan pejalan kaki berhampiran pusat membeli-belah Kotaraya di Kuala Lumpur. — Gambar ABY BAIZURA HARUN.

Harian
Metro
10 MAY 2000

TELAH DIFAKSKAN
PADA: 11/5/2000

WARUNG MAKAN BAU BUSUK

HUSIN Said dari Blok A2, Desa Pandan, Kuala Lumpur meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan terhadap gerai makan di tepi jalan menghala Kampung Pandan.

Dia mendakwa gerai makan di kawasan berkenaan menimbulkan bau busuk dan kotor menyebabkan penghuni di kawasan perumahan berhampiran terpaksa berhadapan dengan keadaan berkenaan.

Menurutnya, ada 20 gerai makan yang beroperasi bermula 12 tengah hari dan berakhir kira-kira 3 pagi.

Selain itu, katanya pentaga terbabit menggunakan tong sampah disediakan pengurusan perumahan walaupun tidak membayar perkhidmatan sebagaimana dilakukan penduduk setiap bulan.

● PEGAWAI akhbar DBKL, Zakaria Mohamed Lazim, berkata penduduk seharusnya mengajukan masalah itu kepada pihak pengurusan perumahan bagi membolehkan tindakan diambil.

Katanya, selain itu DBKL akan memantau keadaan di kawasan berkenaan dengan kerjasama Alam Flora bagi memastikan tahap kekotoran sebagaimana didakwa penghuni di blok terbabit.

Menurutnya, DBKL juga akan memastikan pemilik gerai mempunyai lesen perniagaan.

Pengawali
1. Jab Kan Pe. [illegible]
2. D. Pemasaran
3. Jab. Peng. Penjaga & P. [illegible]
Perhatian & Tindakan

[illegible]
PEGA[illegible]
DEWAN [illegible]

LAMPIRAN 15

Beberapa keratan akhbar mengenai penjaja yang menjaja tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan

WATAN : 27-12-1995

Penjaja punca flet Hock Ann kotor

UMPUR, Selasa: Perbadanan Pe-Visma Hock Ann Tay Sing Chan a Dewan Banda-Lumpur (DBKL) bertanggungjawab terhadap masalah kekotoran sampah sarap di sekitar flet Hock Ann di tengah ibukota.

Mengulas laporan *Harian Watan* baru-baru ini menge-

Wan tunjukkan surat aduan penduduk kepada DBKL.



Harian Watan

...masalah penjaja ... sampah sarap, ... kawasan ... tidak ... SKUAD LEMBAH KLANG ... 1523640 S AM 207/208/209 ... membantu ... menangani masalah berkenaan.

...ai masalah berkenaan, beliau menegaskan, ahli jawatankuasa PPWHA yang mewakili penghuni di situ, sudah beberapa kali memuat aduan kepada DBKL berhubung sampah sarap termasuk pencemaran udara dan bunyi bising yang dilakukan oleh penjaja berhampiran di Jalan Haji Hussien.

"Malangnya, dalam surat balas itu, DBKL memberitahu bahawa masalah penjaja di kawasan ini sudah lama wujud dan sukar diselesaikan atas alasan penjaja di lokasi tertentu kebanyakannya berlesen," katanya kepada *Harian Watan*.

Sebaliknya Tay mendakwa, alasan DBKL itu tidak kukuh kerana sebelum tahun 1984, beberapa penjaja yang cuba menjaja di Jalan Haji Hussein pernah ditangkap dan dikenakan tindakan.

"Sekiranya usaha itu diteruskan, masalah penjaja yang mengotor kawasan di situ tidak timbul," katanya.

Menurut Tay, Pengarah Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil DBKL juga harus dipertanggungjawabkan kerana tidak mengkaji implikasinya terhadap kawasan terbabit termasuk menimbulkan kesulitan kepada 140 penghuni kerana membenarkan terlalu ramai peniaga di situ.

Berhubung dengan bangunan yang kelihatan tidak terurus serta keadaan lif yang sering rosak, Tay mengakui bahawa pihak jawatankuasa tidak dapat menyelengara bangunan yang sudah berusia 27 tahun itu dengan baik kerana masalah kewangan yang teruk.

"Masalah kewangan berpunca kerana keengganan sebahagian daripada penghuni membayar wang bulanan penyelegaraan. Sejak bayaran itu diadakan, bayaran tertunggak sehingga kini sudah melebihi RM 100,000.00. Disebabkan inilah, masalah lif dan beberapa perkara lain yang memerlukan kos yang tinggi tidak dilaksanakan," katanya.

Tay seterusnya memberitahu, bahawa pihaknya tidak mampu bertindak menuntut sebarang tunggakan kerana tidak ada undang-undang yang membolehkan mereka berbuat demikian.

Sampah sarap di kaki lima flet Hock Ann dikatakan berpunca dari peniaga berhampiran bangunan itu.

BERITA HARIAN, SABTU, 1 JUN 1996

Peniaga ganggu laluan pejalan kaki

JALAN Raja Muda Musa, Kampung Baru [illegible] masa lalu laluan [illegible] luas dan lapang serta selesa untuk kereta dan pejalan kaki. Bagaimanapun sekarang semuanya sudah berubah.

Ruang untuk pejalan kaki sudah tidak boleh digunakan lagi dan kereta tidak boleh bergerak dengan lancar kerana keadaan jalan sudah berubah.

Jalan ini ialah jalan yang paling sibuk di Kampung Baru dengan pejalan kaki yang terlalu ramai dan kebanyakan mereka adalah pekerja sektor awam dan swasta serta murid sekolah, terutama di waktu pagi dan petang.

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mencantikkan Kampung Baru dengan jalan yang baik, perparitannya kemas dan ruang pejalan kakinya luas dan cantik tetapi semuanya ini menjadi sia-sia apabila ia tidak dapat dimanfaatkan sebagaimana sepatutnya.

Segala permasalahan ini adalah berpunca daripada terlalu banyak gerai yang didirikan di baru jalan Jalan Raja Muda Musa sekarang.

Gerai ini tumbuh bagai cendawan tanpa sebarang pemerhatian daripada (DBKL). Kebanyakan gerai ini dibina di atas laluan pejalan kaki.

Hanya beberapa gerai yang menyewa dan membina gerai dengan baik. Gerai ini adalah daripada tuan tanah di Kampung Baru. Keadaan ini bertambah sesak sejak akhir 1995.

Apabila gerai memenuhi ruang pejalan kaki ditambah dengan meja makan yang diatur di tepi jalan raya kemudian dipenuhi kereta pengunjung gerai, maka sesaklah jalan itu dan sukarlah untuk dilalui oleh orang ramai.

Mereka terpaksa berjalan dalam keadaan susup-sasap di celah gerai, meja dan kerusi serta di antara motokar di situ.

Kita tidak bermaksud hendak menyekat perniagaan yang dijalankan oleh peniaga gerai itu.

Kita bangga dengan kegigihan mereka sebagai peniaga tetapi kita berharap biarlah cara perniagaan itu bersistem. Mereka berhak berniaga, orang ramai pun berhak untuk mendapatkan kemudahan laluan.

Saya hairan kenapa DBKL membiarkan saja keadaan ini berlanjutan. Adakah mereka mempunyai lesen berniaga dan dibenarkan berbuat demikian?

Adakah DBKL hendak menunggu aduan orang ramai baru hendak mengambil perhatian atau hendak menunggu sehingga keadaan menjadi lebih buruk baru bertindak?

Pembangunan Kampung Baru yang tergendala adalah kerana penduduk di sini tidak mahu pembangunan kononnya. Keadaan yang sedang berlaku ini akan memburukkan lagi nama Kampung Baru lagi seolah-olah penduduk di sini tidak bertamadun.

Adalah diharapkan DBKL lebih prihatin terhadap masalah ini.

Adalah dicadangkan supaya diadakan operasi membanci pengusaha pasar minggu sama ada orang asal atau pendatang yang menguasai tempat itu.

Jika peniaga ingin terus kekal berniaga di tepi Jalan Raja Muda Musa, pastikan mereka sanggup menyewa ruang daripada tuan rumah di situ sebagaimana sebilangan mereka yang berbuat demikian untuk memberi laluan [illegible] kaki [illegible] kalangan murid sekolah.

Kami [illegible] sana Kampung Baru kampung Melayu di bandar raya selesa, cantik dan menarik, aman dan sentosa.

Walaupun agak ketinggalan bukanlah bermakna orang di sini begitu bodoh dan tidak perlu kehidupan yang baik.

Apa juga yang buruk berlaku dibiarkan saja dan dianggap tidak perlu perhatian.

Biarlah Kampung Baru terus maju dan makmur bersama bandar raya Kuala Lumpur dengan pengnuninya sekali mendapat manfaat daripada kemajuan yang ada.

PENDUDUK PRIHATIN
Kampung Baru

Harian Metro 4/7/97

TELITI...penguatkuasa DBKL memeriksa lesen perniagaan dalam operasi terhadap penjaja di Jalan Tuanku Abdul Rahman, semalam.

Penjaja gemar buang sampah

KUALA LUMPUR: Sikap penjaja yang enggan menjaga kebersihan diri dan sering membuang sampah merata-rata memaksa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenakan tindakan lebih tegas ke atas mereka.

Selain itu, penjaja berkenaan juga dikesan menjaja di tepi jalan hingga menghalang lalu lintas, manakala penjaja pasar malam didapati membuang sampah merata-rata.

Walaupun mereka sudah beberapa kali dikenakan kompaun atau harta benda disita tetapi masih berdegil.

Penolong Pengarah Direktorat Penguatkuasaan, Yazid Samsudin, berkata usaha berterusan membersihkan Kuala Lumpur tetap dilakukan.

Menurutnya, Ops Bersih 97 yang dikuatkuasakan selama enam bulan sejak awal Jun lalu dijangka membersihkan bandar raya daripada semua kegiatan haram atau kurang sihat.

Katanya, jumlah notis kompaun yang dikeluarkan dalam Ops Bersih 97 kelima semakin berkurangan iaitu 197 berbanding 200 dalam operasi yang keempat pada 26 Jun lalu.

"Kami mengenakan kompaun terhadap 84 penjaja yang gagal mengikut arahan yang ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja & Gerai (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1989, Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan, 1979 dan Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan, 1985.

"Mereka tidak menjaga kebersihan diri, gerai, tidak menyediakan tong sampah di tapak penjaja, membuat sambungan haram dan menghalang lalu lintas," katanya.

Yazid berkata, pihaknya juga mengeluarkan 69 kompaun terhadap syarikat lori pembancuh simen yang gagal mengikut arahan dan beroperasi secara haram mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

BERITA HARIAN/KHAMIS, 16 OKTOBER 1997

TENGAH

Penjaja masih gagal jaga kebersihan

KUALA LUMPUR, Rabu – Tahap kebersihan di kalangan penjaja makanan di ibu kota masih mengecewakan dan reformasi segera perlu dilakukan bagi mengelakkan keadaan lebih buruk.

Penolong Pengarah (Penguatkuasaan dan Aduan) Jabatan Pengurusan Penjaja dan Pasar Malam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Nazari Abu Samah, berkata walaupun pelbagai kempen diadakan, penjaja masih mengulangi perbuatan sama.

Katanya, dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, pihaknya mengutip denda berjumlah RM786,780 daripada penjaja dan peniaga pasar malam yang melakukan pelbagai kesalahan.

"Jumlah denda itu meningkat berbanding RM355,590 yang dikutip dalam tempoh yang sama tahun lalu.

"Antara kesalahan yang banyak dikesan ialah penjaja makanan tidak memakai penutup kepala, apron, gerai kotor, membasuh pinggan di tepi longkang, membiarkan kucing berkeliaran dan menggunakan warga negara asing," katanya kepada *Berita Harian*.

Mengikut Seksyen 18 (1) Undang-undang Kecil Perlesenan DBKL, gerai yang sengaja membiarkan premis mereka kotor boleh didenda sehingga RM300 berbanding RM100 sebelum ini.

Katanya, seseorang penjaja rakyat tempatan juga boleh ditarik balik lesen perniagaan mereka jika dikenakan denda empat kali berturut-turut.

Beliau berkata, kebanyakan peniaga lebih mementingkan keuntungan sehingga mereka lupa terhadap aspek kebersihan termasuk menjaga gerai dan penjagaan makanan.

Sehubungan itu, bagi memudahkan kawalan dan pengawasan, DBKL akan melakukan pembangunan semula penjaja makanan di ibu kota dengan menempatkan mereka di pusat penjaja.

BERITA HARIAN : 16-12-97

DBKL kutip saman RM1j daripada penjaja

Oleh Roslan Ibrahim

KUALA LUMPUR, Isnin - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yakin dapat mengutip saman RM1 juta daripada pelbagai kesalahan yang dilakukan penjaja di sekitar ibu kota, tahun ini.

Penolong Pengarah (Aduan dan Penguatkuasaan), Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil Malam, Nazari Abu Samah, berkata kebanyakan kesalahan membabitkan masalah kebersihan dan penjagaan makanan.

Beliau berkata, dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, DBKL sudah mengutip kompaun berjumlah RM786,780, meningkat RM431,190 berbanding RM355,590 yang dikutip dalam tempoh yang sama tahun lalu.

"Daripada jumlah itu, kita mengeluarkan 5,436 saman dan 528 saman mahkamah kerana penjaja berkenaan gagal menjelaskan kompaun dalam tempoh yang ditetapkan.

"Kebanyakan kesalahan yang dilakukan penjaja ialah membiarkan gerai kotor, tidak memakai penutup kepala, apron, membasuh pinggan di tepi longkang, harga makanan mahal dan menggunakan warga negara asing," katanya.

Katanya, DBKL memandang berat mengenai aspek kebersihan kerana ramai penjaja masih mengabaikan perkara itu dan lebih mengutamakan keuntungan semata-mata.

Mengikut Seksyen 18 (1) Undang Undang Kecil Perlesenan DBKL, penjaja yang didapati sengaja membiarkan gerai mereka kotor boleh didenda sehingga RM300 berbanding RM100 sebelum ini.

Sementara itu, DBKL tidak mengeluarkan lagi lesen perniagaan air tebu dan air kelapa kerana kajian mendapati ia menjadi antara punca masalah kebersihan di sekitar ibu kota.

Penolong Pengarah (Bahagian Pasar), Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil DBKL, Anwar Mohd Zain, berkata pihaknya akan terus mengekalkan lesen sedia ada.

Bagaimanapun, katanya selepas tempoh lesen penjaja berkenaan tamat, DBKL tidak akan membaharuinya kerana jika mahu terus menjalankan perniagaan, mereka perlu menjual minuman yang sudah siap.

Mengenai kebanyakan warga asing di beberapa pasar malam di ibu kota, katanya DBKL mengakui perkara itu dan sentiasa menjalankan penguatkuasaan bagi membanteraisnya.

"Saya meminta setiap sama orang ramai membuat laporan kepada DBKL jika tahu pasar malam di kawasan mereka dimonopoli warga asing kerana ia akan menjejas pendapatan peniaga tempatan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA : 21-9-1999

Hanya 20% pemilik gerai sedia tong sampah

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) menganggarkan hanya 20 peratus pemilik gerai di ibu negara menyediakan tong sampah persendirian seperti yang diwajibkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pemangku Pengurus Pembersihan Alam Flora, Ben S. S. Chong memberitahu, sambutan dingin para peniaga mungkin berpunca daripada kurangnya pendedahan serta kempen mengenai pentingnya aspek kebersihan.

Katanya, kini terdapat lebih 5,000 peniaga mengusahakan peniagaan makanan di medan selera dan gerai-gerai terbuka di sekitar bandar raya.

"Kita sering mendapat laporan daripada pemilik gerai bahawa tong-tong sampah besar yang disediakan di kawasan mereka tidak dapat menampung longgokan sampah harian.

"Apabila diperiksa, Alam Flora mendapati kebanyakan pekedai tidak mempunyai tong yang diwajibkan, malah ada yang mendakwa tidak tahu mengenai syarat tersebut," katanya di sini, baru-baru ini.

Beliau ditemui ketika mengiringi Ahli Parlimen Segambut, Dr. Tan Kee Kwong melawat sekitar kawasan Kolam Air di Jalan Ipoh di sini.

Setiap gerai di ibu negara diwajibkan menyediakan tong sampah khas bersaiz 120 liter yang boleh diperoleh dari Pejabat Penjaja DBKL sejak awal tahun ini.

Mengangkut

Tong berharga RM100 itu perlu ditempatkan di kedai masing-masing bagi membolehkan Alam Flora mengangkut sampah mengikut jadual setiap hari.

Jelas Ben, pihaknya akan mencadangkan agar kempen bersama DBKL dapat dijalankan seberapa segera bagi memastikan pemilik gerai mendapat maklumat yang sebenar tentang kepentingannya.

"Kita tidak mahu mereka salah faham dan menganggapnya sebagai beban tambahan yang terpaksa mereka tanggung," katanya.

Utusan Kota

Pastikan penjaja berniaga ikut waktu

Oleh
NORIZAN ABDUL MUHID

KUALA LUMPUR, 6 Okt. – Pemandu kenderaan yang melalui kawasan Pusat Penjaja Lorong Haji Taib/Chow Kit di sini, memanta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memastikan para penjaja di situ memulakan perniagaan mengikut waktu yang telah ditetapkan.

Menurut mereka, perbuatan penjaja yang membuka gerai terlalu awal telah menghalang lalu lintas di kawasan itu.

Tinjauan *Utusan Kota* di kawasan berkenaan mendapati sesetengah peniaga di pusat penjaja itu memulakan perniagaan sejak pagi walaupun waktu operasi perniagaan yang dibenarkan hanya bermula pukul 6 petang hingga 12 malam.

Kegagalan penjaja terbabit mematuhi masa operasi yang dibenarkan telah menyebabkan sistem lalu lintas di kawasan itu menjadi kurang lancar.

Seorang pembantu akauntan, **Shah Azhar**, 23, berkata, kesesakan berkenaan agak teruk walaupun pada waktu pagi apabila ramai peniaga sudah memulakan perniagaan mereka di kawasan itu dengan menggunakan sebahagian jalan di Lorong Haji Taib.

"Mereka (penjaja) tidak salah berniaga di tempat yang dikenaskan tetapi tidak adil sekiranya urusan mereka turut menyusahkan orang lain," katanya.

Kerani pentadbiran, **Peh Boon Leong**, 57, yang bekerja di kawasan berhampiran mendakwa sejak pusat penjaja itu dibuka dua tahun lalu, tidak ramai penjaja yang menjalankan perniagaan di situ benar-benar mematuhi peraturan DBKL.

"DBKL wajar bertindak tegas ke atas penjaja berhubung masalah ini kerana ia sudah berlanjutan sejak pusat ini dibuka," ujarnya.

Pelajar kolej swasta, **Izandora Munawir**, 21, berkata, sudah tiba masanya DBKL bertindak sewajarnya terhadap penjaja di kawasan terlibat bagi mematuhi arahan yang ditetapkan oleh mereka.

"Masalah yang timbul ketika ini sudah berlarutan dalam tempoh yang sangat panjang dan DBKL perlu bertindak tegas mengatasi masalah ini.

"Saya yakin sekiranya pihak berkuasa terbabit bertindak lebih tegas, penjaja terbabit akan akur dengan peraturan yang disyaratkan kepada mereka," ujarnya.

AKTIVITI penjaja di Pusat Penjaja Jalan Haji Taib di luar waktu yang dibenarkan oleh DBKL dikatakan boleh menjejaskan kelancaran lalu-lintas di kawasan berkenaan.

Peniaga makanan, **Nik Salizal Ahmad Shuhaimi**, 25, berkata, sikap para penjaja terbabit sangat dikesali kerana mementingkan keuntungan dengan tidak mengendahkan arahan yang ditetapkan kepada mereka.

"Tempoh masa yang ditetapkan adalah bersesuaian memandangkan waktu operasi bermula pukul 6 petang dan kebanyakan di waktu ini lebih ramai yang akan mengunjungi pusat penjaja," katanya.

Sementara itu, suri rumah, **Roswati Abdullah**, 35, berkata, kesesakan kenderaan akan berlaku lebih teruk iaitu pada hari Ahad.

"Pada hari tersebut para penjaja akan memulakan operasi perniagaan mereka lebih awal dan apabila ditambah dengan bilangan orang ramai yang mengunjungi pusat penjaja, kelancaran kenderaan yang melalui jalan berhampiran akan terganggu," katanya.

LAMPIRAN 16

Beberapa keratan akhbar mengenai penjaja mengabaikan kebersihan sehingga menjadi punca penyebaran penyakit berjangkit

HARIAN METRO, JUMAAT, 13 JANUARI 1995

4,963 KES KERACUNAN

Oleh Zainuddin Zain

SHAH ALAM: Golongan penjaja perlu bersikap lebih positif terutama dari segi kebersihan untuk menjamin keselamatan pelanggan mereka.

Ini kerana kes keracunan makanan di negara ini di tahap mencemaskan dan perlu dibendung segera.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima laporan 4,963 kes sepanjang tahun 1990 hingga 1993.

Perangkaan itu juga menunjukkan peningkatan kes. Itu belum termasuk kes yang tidak dilaporkan.

Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Kesihatan KKM, Yusuff Mahmud, berkata melalui penyelidikan KKM, 38 peratus daripada keracunan makanan kerana cara penyimpanan makanan yang tidak selamat, 35 peratus kerana kebersihan diri, 16 peratus kerana peralatan atau tempat tercemar, enam peratus kerana sumber tidak selamat dan lima peratus kerana tersalah makan.

Menurutnya, pihaknya sudahpun melancarkan Kempen Kebersihan Makanan dua tahun lalu.

"Pengguna juga diberi penerangan dan kesedaran untuk mengunjungi gerai-gerai yang bersih dan selamat sahaja untuk melindungi keselamatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Taklimat dan penyerahan Bahan-Bahan Pendidikan Kesihatan kepada penjaja pada bulan Ramadan di Majlis Perbandaran Shah Alam sempena Kempen Makanan dan Kesihatan.

Lebih 1,000 penjaja menghadiri taklimat berkenaan.

"Lebih banyak kempen kesedaran dan seminar mengenai kebersihan perlu diadakan di masa hadapan supaya penjaja lebih teratur dan mementingkan kebersihan," katanya.

HARIAN METRO: 4-12-97

ANCAMAN PENYAKIT TAUN DI LEMBAH KLANG

SAH NASI LEMAK PUNCA TAUN

Oleh Mohd Nasri Zakariah

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengesahkan 70 peratus daripada pesakit taun di sekitar Lembah Klang mendapat penyakit itu disebabkan nasi lemak yang dimakan.

Ketua Bahagian, Epidemiologi Kawalan Mutu Makanan dan Air, Jabatan Kesihatan, DBKL, Dr Hayati Abdullah, berkata daripada siasatan, jabatannya mendapati mangsa berkenaan mengalami muntah dan cirit-birit selepas makan nasi lemak.

"Siasatan awal menunjukkan, kebanyakan mangsa mengatakan mereka mengalami muntah dan cirit-birit selepas makan nasi lemak yang dibeli dari gerai berhampiran kediaman mereka.

"Hasil siasatan turut membabitkan anggota keluarga mangsa," katanya.

Menurutnya, DBKL turut mengambil contoh najis anggota keluarga mangsa kajian.

"Dua puluh lima contoh air dari sekitar Lembah Klang turut diambil untuk dibuat kajian," katanya.

Di samping itu, katanya, keluarga terbabit diberi ubat pencegahan penyakit taun dan sembilan premis perniagaan serta kediaman diberi semburan pembasmi kuman taun.

Beliau berkata, Jabatan Kesihatan DBKL akan mengadakan pemeriksaan semua kedai dan gerai makanan sekitar Kuala Lumpur bagi memastikan pengusaha serta peniaga mematuhi langkah kesihatan proses penyediaan makanan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, HKL menerima lima kes baru wabak taun dari sekitar Lembah Klang menjadikan jumlah keseluruhan kes berkenaan meningkat daripada 47 dalam tempoh 24 jam sejak 12 tengah malam, 2 Disember.

Pengarah HKL, Dr Lim Kuan Joo, berkata HKL menerima sebanyak 58 kes baru pesakit yang mengalami muntah dan cirit birit termasuk lima yang disahkan sebagai mangsa taun.

"Pertambahan pesakit itu menjadi jumlah mereka yang menerima rawatan daripada HKL kepada 172 orang dan 47 daripadanya disahkan menghidap wabak taun," katanya.

Mangsa wabak berkenaan yang dibahagikan mengikut kawasan ialah Setapak (27), Gombak (10), Hulu Langat (6), Kuala Lumpur (2) dan setiap satu di Petaling Jaya serta Shah Alam.

Lim berkata, semua mangsa yang ditahan oleh HKL masih tidak dibenarkan pulang.

Muka depan Harian Metro semalam melaporkan nasi lemak dipercayai punca wabak taun merebak sekitar Lembah Klang sehingga 42 mangsa makanan berkenaan dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Nasi lemak berkenaan dibeli oleh keluarga mangsa dari gerai berhampiran dengan kediaman masing-masing sehingga memaksa mereka dikuarantinkan oleh HKL untuk mengawal daripada merebak.

Penjaja guna cili boh busuk sedia makanan

KUALA LUMPUR: Penjaja dipercayai menggunakan cili boh yang sudah busuk menyebabkan nasi lemak yang dijual menjadi punca kepada wabak taun merebak di Lembah Klang.

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Pekedai Bumiputera Wilayah Persekutuan, Mithlan Samijoo, berkata jika tidak disimpan di dalam peti sejuk, cili boh akan cepat busuk.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan penjaja supaya memeriksa cili boh yang mahu dimasak bagi memastikan ia tidak mendatangkan mudarat kepada pengguna.

Katanya, ada segelintir penjaja yang mengambil sikap mudah menyimpan cili boh yang tidak habis digunakan di tempat yang tidak sesuai.

"Cili boh itu kemudiannya dicampurkan dengan cili boh baru untuk masakan," katanya.

Mithlan juga meminta penjaja meningkatkan tahap kebersihan bagi mengelak merebaknya wabak taun.

Beliau mengulas laporan Harian Metro, semalam nasi lemak dipercayai punca wabak taun merebak sekitar Lembah Klang sehingga 42 mangsa makanan itu dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL).

UTUSAN MALAYSIA : 4-12-97

Utusan Kota

Taun: Penjaja diawasi dengan lebih tegas

Oleh
AINUL ASNIERA AHSAN

KUALA LUMPUR 3 Dis: Kerajaan akan mengadakan pengawasan dan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap peniaga sambilan dan pasar malam bagi memastikan tahap kebersihan di kawasan perniagaan mereka terkawal.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Ibrahim Saad berkata, usaha tersebut termasuklah menjalankan pemeriksaan kesihatan terhadap peniaga dan kawalan kebersihan di gerai-gerai perniagaan.

Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengenakan kompaun yang tinggi atau memberi notis tutup kedai sekiranya peniaga dan penjaja terus berdegil dan gagal menjaga kebersihan di kawasan perniagaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan kolokium *Pascamodenisme dan Kita* di Dewan Bahasa dan Pustaka, hari ini.

Katanya, peniaga sambilan dan peniaga pasar malam tidak pernah mengendahkan arahan kerajaan terhadap penjagaan kebersihan dalam penyediaan makanan atau keadaan persekitaran kawasan perniagaan mereka.

"Tapi apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hendak menutup aktiviti perniagaan pasar malam, peniaga marah dan tuduh bukan-bukan. Tapi arahan kerajaan supaya menjaga kebersihan tidak pernah diikuti," tegas beliau.

Menurutnya, wabak taun yang merebak di ibu kota adalah satu contoh yang jelas menunjukkan bahawa tahap kebersihan masih belum memuaskan di kalangan peniaga dan penjaja di sekitar Lembah Klang.

Menyusahkan

"Wabak taun itu bukan sahaja menyusahkan rakyat malah ia turut menjejaskan imej negara di mata pelancong asing yang ingin mengunjungi negara ini," tambah beliau.

Beliau turut menyelar tindakan warga kota yang masih terus mengunjungi gerai-gerai kotor untuk membeli makanan tanpa memikirkan akibat buruk yang bakal dihadapi oleh mereka.

IBRAHIM SAAD

"Kita pun tidak boleh nak menyalahkan peniaga sahaja. Orang ramai sepatutnya menggunakan hak mereka untuk mengelakkan diri membeli makanan daripada gerai kotor kerana dengan cara itu sahaja kita dapat mengajar peniaga dan penjaja," ujar beliau.

Ibrahim turut memberitahu pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Puncak Niaga dan DBKL berhubung kenyataan bahawa wabak taun berpunca daripada kekurangan kandungan klorin pada tangki air yang disalurkan kepada penduduk di kawasan terbabit.

"Saya akan memanggil semua pihak terbabit dua hari lagi untuk mengetahui perkara sebenarnya punca wabak taun yang sedang merebak di Lembah Klang," katanya.

LAPORAN WABAK TAUN DI LEMBAH KLANG
Sehingga 3 Disember 1997

BAGI KESELURUHAN KAWASAN LEMBAH KLANG
Bilangan kes di Institusi Perubatan (dimasukkan ke wad)

1 Hospital Kuala Lumpur	=	149
2 Hospital Universiti	=	1 (kes yang dibenar keluar dan sedang dikesani
3 Hospital Kajang	=	9
4 Pusat Rawatan Islam	=	2 (kes dari HKL dimasuk semula)

BAGI KAWASAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

1 Bilangan kes di HKL	=	97
2 Bilangan kes di Hospital Universiti	=	1
3 Bilangan kes positif taun	=	30 (lelaki–17, perempuan–13)
4 Bilangan kes disyaki taun	=	69 (lelaki–47, perempuan–22)

TINDAKAN

1 Bilangan konteks pesakit diperiksa	=	127
2 Bilangan 'rectal swab' diambil	=	96
3 Bilangan konteks diberi rawatan pencegahan	=	94
4 Bilangan premis disembur ubat	=	22
5 Bilangan sampel air	=	45

KES POSITIF TAUN MENGIKUT KAWASAN

Taman Melati	=	8
Wangsa Maju	=	10
Gombak	=	1
Setapak Jaya	=	1
Sentul	=	3
Klang Lama	=	2

Sumber: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

BERITA HARIAN : 4-12-97

Jumlah pesakit taun naik

KUALA LUMPUR, Rabu - Bilangan pesakit yang disyaki menghidap taun meningkat kepada 159 di Lembah Klang mengikut statistik yang dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini.

Hospital Kuala Lumpur (HKL) sahaja mencatatkan 149 pesakit baru iaitu peningkatan 77 kes berbanding semalam.

Jabatan Kesihatan Selangor pula mencatatkan 27 kes di Gombak termasuk 19 yang disahkan positif.

Siasatan awal mendapati wabak taun itu berpunca daripada nasi lemak yang dibekalkan oleh seorang peniaga dari Kampung Berembang, Gombak.

Nasi lemak itu dibekalkan kepada penjual pasar malam di Wangsa Maju, Taman Melati dan Taman Melawati.

Contoh nasi lemak itu sudah dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk dianalisis.

Pemangku Pengarah Jabatan Kesihatan DBKL, Dr Zainol Ariffin Pawanchee dalam satu kenyataan hari ini berkata, nasi lemak itu akan dikaji untuk mengesan bakteria *vibrio cholerae ogawa* atau *el tor* yang menyebabkan taun.

DBKL sudah mengarahkan pembekal terbabit menghentikan penjualan nasi lemaknya sehingga keputusan makmal dikeluarkan.

Menurut rekod Jabatan Kesihatan DBKL, 15 daripada 26 pesakit yang disahkan menghidap taun mengalami cirit-birit dan muntah selepas memakan nasi lemak itu manakala selebihnya adalah anggota keluarga mangsa berkenaan.

Jabatan Kesihatan DBKL pula mengesahkan 114 pesakit menerima rawatan sejak wabak taun melanda minggu lalu.

Dr Zainol menasihati orang ramai berjumpa doktor jika diserang tanda awal yang dimaksudkan.

Pengarah HKL, Dr Lim Kuan Joo mengesahkan 30 kes baru menerima rawatan sejak awal pagi semalam dengan 42 pesakit disahkan menghidap taun.

Jumlah pesakit yang menerima rawatan akibat cirit-birit dan muntah kini melebihi 90 orang dan dijangka meningkat.

Menurut Pengarah Epidemiologi, Kawalan Mutu Makanan dan Air Jabatan Kesihatan DBKL, Dr Hayati Abdullah, ujian retikulasi dan mikrobiologi akan diteruskan untuk mengesan kawasan yang dilanda wabak taun.

"Buat masa ini orang ramai diminta menjaga kebersihan diri dan makanan serta air minuman hendaklah dimasak terlebih dulu memandangkan kuman ini mudah berjangkit secara sentuhan.

"Selain itu, DBKL dan Kementerian Kesihatan akan meneruskan pemeriksaan contoh air, sistem pembetungan dan kumbahan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA : 5/12/97

Sikap kurang prihatin punca taun merebak

Oleh WAN HASNAN HASAN

SIKAP memandang remeh aspek penjagaan kebersihan khususnya di kalangan pengendali makanan ternyata membawa padah besar kepada warga kota apabila bilangan wabak taun meningkat begitu cepat.

Bilangan mereka yang terpaksa dimasukkan ke wad sehingga semalam telah meningkat kepada 161 orang sejak 23 November lalu setelah disyaki atau disahkan menghidap taun.

Perkembangan ini tentu merupakan satu bencana yang amat memalukan kerana ia mencerminkan sikap masyarakat kita yang seolah-olah tidak pandai menjaga kebersihan.

Makanan dan minuman yang disuap ke mulut pun berada dalam keadaan kotor.

Walaupun keadaan itu mungkin hanya berpunca daripada segelintir pihak tertentu tetapi kesannya akan dirasai oleh sebahagian besar masyarakat.

Siasatan awal yang dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapati wabak taun yang berlaku sekarang adalah berpunca daripada nasi lemak yang dibekalkan oleh seorang peniaga dari Kampung Berembang, Gombak.

Khabarnya, nasi lemak itu telah dibekalkan kepada penjual pasar malam di Wangsa Maju, Taman Melati dan Taman Melawati. Kesannya, sehingga semalam, 18 orang dari kawasan Taman Melati dan Wangsa Maju telah disahkan menghidap taun.

Kebersihan

Yang pasti, kurangnya penekanan terhadap aspek kebersihan oleh peniaga terbabit ketika menyediakan makanan telah menyebabkan orang lain menjadi mangsa.

Perkara seperti ini tidak harus berlaku jika semua pihak mengamalkan kebersihan sama ada ketika menyediakan makanan atau pun untuk perkara-perkara lain.

Apa yang menyedihkan, amalan kebersihan itu nampaknya terlalu sukar untuk diterapkan dalam masyarakat kita.

Terlalu susah untuk mereka menjadikan kebersihan sebagai budaya dalam kehidupan seharian.

Buktinya, dalam tempoh tiga bulan terakhir ini sebanyak 3,800 warga kota disaman oleh DBKL kerana membuang sampah di merata-rata tempat.

Mengapa perkara ini boleh berlaku? Apakah kerana kurang penguatkuasaan pihak berkuasa?

Jumlah itu tidak termasuk mereka yang terlepas daripada tindakan penguatkuasaan serta para penjaja yang kawasan persekitaran mereka dikelilingi timbunan sampah sarap dan berada dalam keadaan yang amat kotor.

Yang ingin hidup sihat ialah kita. Maka kita sendiri yang patut memainkan peranan menjaga persekitaran tanpa perlu dikenakan sebarang tekanan daripada mana-mana pihak.

Apa yang menghairankan, orang ramai masih tetap mengunjungi sesuatu gerai itu walaupun keadaan gerai dan kawasan sekitar amat menjijikkan.

Orang ramai sebagai pengguna perlu bijak memilih tempat yang sesuai dan bersih untuk menjamu selera demi kesihatan diri mereka sendiri.

Pihak berkuasa pula perlu mengadakan pengawasan secara menyeluruh dan berterusan setiap masa tanpa perlu menunggu kehadiran sesuatu wabak untuk bertindak demi kepentingan umum.

Langkah ini penting kerana kebanyakan peniaga seolah-olah tidak memahami aspek penjagaan kebersihan.

Penekanan penguatkuasaan terhadap hal-hal yang bersangkutan dengan kesihatan juga perlu ditingkatkan untuk memberi lebih kesedaran kepada semua pihak.

Para peniaga tidak harus mementingkan keuntungan semata-mata.

BERITA HARIAN/JUMAAT, 5 DISEMBER 1997

Nasional

Usaha atasi taun belum berkesan

Oleh Magendran Rajagopal dan Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Khamis – Usaha membendung wabak taun di sekitar Lembah Klang belum menampakkan kesan, walaupun beberapa tindakan diambil oleh agensi berkaitan.

Antaranya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Jabatan Kesihatan Selangor (JKS) mengadakan ceramah dan pengedaran risalah mendidik masyarakat mengenai langkah pencegahan taun.

Pengarah JKS, Dr Ahmad Shukor Mohd Noor, berkata setakat ini 271 ceramah dan 525 poster serta risalah diedarkan di kawasan wabak taun.

Dalam kenyataannya hari ini, beliau berkata, 61 pesakit dimasukkan ke wad akibat muntah dan cirit birit dengan 55 ditempatkan di HKL, lima di Hospital Kajang dan satu di Hospital Assunta.

Selain itu, Dr Ahmad Shukor mengesahkan 23 pengendali makanan dikenal pasti sebagai pembawa kuman taun termasuk enam kanak-kanak bawah umur 13 tahun.

"Setakat ini, punca jangkitan masih dalam siasatan. Orang ramai dinasihati terus mengamalkan langkah pencegahan seperti membasuh tangan dengan sabun sebelum menyediakan makanan dan selepas menggunakan tandas," katanya.

Laporan dan pertanyaan mengenai taun boleh dirujuk kepada bilik gerakan taun negeri yang dibuka jam lapan pagi hingga lapan malam dengan menghubungi talian 03-5592110.

Sementara itu, DBKL mengesahkan bahawa tindakan menutup premis kotor akan terus diambil selain mendakwa pengendali dan pengusaha terbabit mengikut Akta Pengendalian Makanan Wilayah Persekutuan 1976.

Pemangku Pengarah Jabatan Kesihatannya, Dr Zainol Ariffin Pawanchee, berkata setakat ini, Setapak mencatatkan jumlah mangsa tertinggi.

Beliau juga mengesahkan nasi lemak yang dibekalkan seorang peniaga dari Kampung Berembang, Gombak menjadi punca wabak taun, walaupun keputusan makmal adalah negatif.

"Sebagai langkah susulan, mereka yang makan di kedai di kawasan terbabit diminta menjalani pemeriksaan kesihatan kerana dipercayai 22 kes daripada 27 kes yang dirujuk, menunjukkan wabak itu berpunca daripada pengambilan makanan di situ.

Bagaimanapun, usaha DBKL tidak mendapat kerjasama peniaga terbabit," katanya.

Menurut kenyataan Jabatan Kesihatan DBKL hari ini, 148 orang menjalani pemeriksaan kesihatan menjadikan 186 pesakit diperiksa setakat ini, dengan 148 disahkan dijangkiti taun.

BERITA HARIAN/JUMAAT, 5 DISEMBER 1997

Jumlah pesakit taun kini 247

ALOR STAR Khamis jumlah pesakit yang disyaki menghidap taun di Lembah Kelang sehingga jam 12 malam tadi meningkat kepada 247 berbanding 159 yang dicatatkan semalam, selain satu kes yang disahkan positif di Parit Buntar, Perak.

Selain seorang pesakit yang dimasukkan ke Hospital Parit Buntar, 47 pesakit yang disahkan positif dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) manakala dua dirawat di Hospital Kajang, Selangor.

Siasatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Kesihatan Selangor turut mengesan 15 kes pembawa kuman taun, iaitu 10 kes di Gombak manakala bakinya di Kuala Lumpur.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng berkata, semua kes terbabit adalah jenis *biotype eltor* dan *serotype ogawa* serta dalam keadaan terkawal berdasarkan langkah pengawalan berkesan yang dilaksanakan DBKL dan Jabatan Kesihatan Selangor.

Menurut beliau, kes di Parit Buntar adalah seorang pesakit yang dijangkiti kuman taun di Taman Melawati, Hulu Kelang manakala 27 daripada 47 yang dimasukkan ke HKL adalah dari Setapak, Gombak (10), Hulu Langat (6), Kuala Lumpur (2), Petaling dan Shah Alam (masing masing 1).

BERITA HARIAN : 9-12-97

Kes taun meningkat 119 kes

Oleh Magendran Rajagopal dan Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Isnin – Kes taun di Lembah Klang dilaporkan meningkat kepada 119 kes sehingga jam 12 malam tadi, menurut statistik Jabatan Kesihatan Selangor.

Daripadanya, 55 kes baru dilaporkan di Gombak, 46 Hulu Langat, 16 Petaling serta masing-masing satu kes di Sepang dan Hulu Selangor berbanding kelmarin dengan 78 kes.

Pengarah Jabatan Kesihatan Selangor, Dr Ahmad Shukor Mohd Noor, berkata sebanyak 24 kes disahkan positif dan 111 menerima rawatan di hospital sekitar Lembah Klang.

"Apa yang membimbangkan ialah pertambahan pengendali makanan yang disahkan dijangkiti taun sedangkan langkah pencegahan lambat dilaksanakan.

"Keputusan makmal mengenai analisis ke atas empat pengendali makanan yang disyaki membawa taun masih belum dikeluarkan sehingga hari ini," katanya.

Dr Ahmad berkata, 599 ceramah dan 863 poster sudah diberikan kepada penduduk di sekitar kawasan wabak setakat semalam.

Beliau menasihatkan anggota keluarga dan mereka yang menemui atau menyentuh mangsa taun dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan di pejabat kesihatan dan hospital berhampiran.

Pengarah Epidemiologi, Kawalan Mutu Makanan dan Air Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dr Hayati Abdullah mengesahkan lebih 243 orang sudah diperiksa setakat ini.

"Pengendali makanan menjadi tumpuan utama berikutan bekalan air daripada beberapa pembekal disyaki tercemar kuman taun," katanya.

Selain itu, majlis daerah tempatan juga meningkatkan pemeriksaan mengejut terhadap premis makanan dan masyarakat tempatan digalak mengadakan projek gotong-royong membersihkan kediaman.

Sehubungan itu, Pegawai Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Haniza Abd Hamid mengesahkan 10 kes dilaporkan termasuk empat kanak-kanak di bawah umur tiga tahun.

Dalam perkembangan lain, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) memulakan 'operasi anti taun' dengan pemeriksaan premis makanan disekitar SS 15 Subang Jaya Khamis lalu.

Menurut Pengerusi MPSJ, Ahmad Fuad Ismail, sebanyak 45 saman dan kompaun dikeluarkan sehingga kini dan operasi berkenaan akan diteruskan walaupun masih belum ada kes taun dilaporkan di Subang Jaya."

UTUSAN MALAYSIA JUMAAT 6 MAC 1998

Makanan gerai

Tahap pencemaran tinggi

Oleh NAJIBAH HASSAN

MAKANAN yang dijual di gerai-gerai kebanyakannya dikategorikan sebagai makanan yang mempunyai tahap pencemaran yang tinggi.

Ketua Unit Penyelidikan Kualiti Makanan (UNIPEQ), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Nik Ismail Nik Daud, memberitahu pencemaran makanan yang tinggi ini disebabkan mereka yang terlibat dalam penyediaan makanan ini bukanlah daripada profesion sebenar.

"Kebanyakan mereka yang menyedia dan menjual makanan jenis ini hanyalah pekerja sambilan dan bukanlah bekerja sebagai tukang masak sepenuh masa," katanya.

Selamat

Sehubungan itu katanya, mereka yang menjalankan perniagaan sambilan ini, misalnya pada bulan Ramadan, menghadapi banyak masalah menyediakan makanan dibandingkan dengan mereka yang bekerja tetap sebagi peniaga.

Ini kerana mereka memerlukan ruang khas untuk berniaga, kemudahan yang sesuai, kelengkapan yang terhad dan tenaga kerja terlatih bagi membantu menyediakan makanan yang berkualiti dan selamat.

Dr. Nik Ismail menjelaskan, pada bulan Ramadan peniaga mempunyai waktu yang singkat untuk menyediakan makanan yang lebih awal. Sehubungan itu, penyediaan makanan juga terlalu awal untuk dibawa ke lokasi penjualan.

"Oleh kerana kebanyakan penjual terdiri daripada golongan yang bukan di bidang mereka, pengetahuan berhubung aspek kebersihan makanan agak terhad.

"Contohnya, masakan berkuah dan berlemak seperti kari dan kuih-muih yang berair terpaksa dibawa dalam keadaan yang tidak sesuai.

"Makanan ini kemudiannya mula dijual antara jam tiga hingga empat petang dalam keadaan cuaca panas matahari yang begitu terik hinggalah jam 7 malam," jelas Dr. Nik Ismail.

Menurutnya, keadaan seumpama ini meningkatkan potensi pencemaran dan pembiakan mikrob (mikroorganisme) yang tinggi.

Katanya, satu mikro ini boleh berganda dalam tempoh 20 hingga 40 minit. Sekiranya ada 100 sel dalam masa satu jam lebih ia boleh menjadi satu juta.

Sehubungan itu beliau menasihatkan orang ramai yang membeli makanan pada tempoh masa yang awal supaya menyimpan makanan di dalam peti sejuk dan dipanaskan dengan suhu yang secukupnya apabila ingin dimakan.

BERITA HARIAN : 27-5-98

Taun: Pusat pembekal cendol diarah tutup

Oleh Hasnira Hassan

KUALA LUMPUR, Selasa – Sebanyak 720 kilogram cendol di tiga pusat membekal cendol dirampas dan beberapa gerai di ibu negara diarahkan tutup kerana disyaki menjadi punca kes taun di Lembah Klang.

Pemangku Pengarah, Jabatan Kesihatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dr Zainol Ariffin Pawanchee, berkata cendol itu dirampas daripada premis pembekal di Jalan Doraisamy, Lorong Haji Hussein dan Jalan Sentul Sehaluan, di sini.

Ketiga-tiga pusat membekal cendol itu juga diarah tutup.

Menurutnya, DBKL juga mengarahkan beberapa gerai di Pasar Seni, sebuah gerai sate di Gombak dan beberapa gerai di Taman Miharja yang disyaki mempunyai kuman taun ditutup selama dua minggu untuk kerja pembersihan.

"Kami mengesyaki punca utama peningkatan kes taun adalah daripada penjual cendol di Petaling Jaya. Berikutan itu kami melarang penjualan cendol dan menguatkuasakan penutupan gerai dan pusat pembekalnya di ibu negara," katanya. Beliau berkata, tindakan itu dibuat mengikut Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit, Seksyen 18 (1)(d) 1988.

Dr Zainol berkata, sebanyak 13 kes taun di ibu negara disahkan pada minggu lalu, tetapi ada kes baru dilaporkan sehingga ini.

Sementara itu, beliau berkata kegawatan air yang sedang melanda Lembah Klang juga boleh menyebabkan kebanyakan pengendali gerai makanan mengabaikan faktor kebersihan.

Menurutnya, DBKL akan meneruskan operasi pemeriksaan gerai dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap kebersihan gerai sentiasa terjamin.

Katanya, gerai yang didapati kotor akan dikenakan kompaun maksimum sebanyak RM300 mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1974.

Sehubungan itu, katanya orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati dan prihatin terhadap kebersihan gerai makanan yang dikunjungi walaupun kes taun kini dilaporkan stabil dan terkawal.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, kebudayaan dan Pelancongan Selangor, Dr Pius Martin, berkata semua pihak berkuasa tempatan di negeri itu sudah diarahkan meningkatkan penguatkuasaan ke atas semua pusat penjaja masing-masing.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan memastikan semua pusat penjaja sentiasa bersih untuk mengelak sebarang wabak penyakit.

Menurutnya, sehingga ini kes taun di Selangor adalah terkawal dan kebanyakan kes cirit-birit yang dilaporkan kepada beberapa hospital di negeri ini disahkan bukan kes taun.

HARIAN METRO : 4-6-98

TAUN: 54 GERAI DIARAH TUTUP

Oleh Mazlan Hasan

KUALA LUMPUR Sebanyak 54 gerai makanan dan minuman di Pusat Penjaja Kampung Kerinchi, di sini, ditutup sementara waktu kerana disahkan sebagai dicemari kuman taun.

Langkah itu diambil Jabatan Kesihatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berikutan dua pengendali makanan dan beberapa pelanggan di situ disahkan menghidap taun.

Pegawai Akhbar DBKL, Rozielawati Rahmat, berkata pusat penjaja berkenaan ditutup antara satu hingga dua minggu, bergantung kepada tahap kebersihan yang diperlukan.

Menurutnya, arahan itu dikeluarkan kira-kira 12 tengah malam semalam dan dimaklumkan kepada penjaja berkenaan oleh pegawai DBKL.

"Semua premis menjual makanan termasuk restoran dan gerai bergerak yang tidak terbabit juga dinasihati supaya jangan membuka perniagaan sehingga disahkan selamat oleh DBKL.

"Ini bagi memastikan penyakit itu dapat dikawal sepenuhnya dan tidak terus merebak menjadi satu wabak yang berbahaya," katanya kepada Harian Metro.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro di kawasan itu mendapati peniaga mematuhi arahan pihak berkuasa supaya menutup gerai.

Difahamkan, kawasan berkenaan tidak mendapatkan bekalan air sejak beberapa minggu lalu dan kebanyakan peniaga terbabit menggunakan air yang dibekalkan lori Jabatan Bekalan Air (JBA).

Bagaimanapun, punca sebenar tersebarnya penyakit taun di kawasan itu sehingga kini masih disiasat.

Penjaja, Mohamad Ariffin, 49, ketika ditemui berkata, dia dimaklumkan oleh DBKL bahawa semua gerai di situ ditutup sementara waktu sehingga diberitahu berikutan tersebarnya wabak taun.

Menurutnya, walaupun mengalami kerugian akibat tidak dapat menjalankan perniagaan, dia terpaksa mematuhi arahan itu demi kebaikan semua pihak.

"Penutupan itu berlaku selepas dua pengendali makanan di situ disahkan menghidap taun dan terpaksa dimasukkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan lanjut.

"Kami diberitahu oleh pegawai DBKL bahawa seramai 24 orang termasuk penduduk dan pelajar yang menjamu selera di kawasan itu dilaporkan dijangkiti taun," katanya.

Sebelum ini, penjaja di Seksyen 14, Petaling Jaya juga berhadapan dengan masalah sama selepas kawasan itu disahkan menyebarkan wabak taun dan tidak terjaga daripada segi kebersihan.

Penjaja di kawasan itu terpaksa menutup perniagaan kira-kira dua minggu dan hanya dibuka selepas kawasan berkenaan dibersihkan oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ).

WAKTU SOLAT

DAERAH	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kuala Lumpur	5.39	1.14	4.38	7.20	8.35
Petaling/ Shah Alam	5.39	1.15	4.38	7.20	8.35
Klang	5.40	1.15	4.38	7.21	8.37
S Bernam	5.40	1.17	4.40	7.25	8.39
H Selangor	5.38	1.15	4.38	7.22	8.36
K Selangor	5.39	1.15	4.38	7.21	8.37
Gombak	5.40	1.16	4.39	7.22	8.37
H Langat	5.39	1.13	4.37	7.21	8.35
K Langat	5.40	1.15	4.39	7.20	8.35

LAMPIRAN 17

Beberapa keratan akhbar mengenai sikap penjaja yang tidak bertanggungjawab

Peniaga tipu harga diawasi

Oleh Salina Abdullah dan Jaml'ah Shukri

KUALA LUMPUR: Kementerian sedang mengawasi peniaga dan penjaja yang menipu dengan menggunakan tanda harga yang mengelirukan pada barangan jualan mereka.

Taktik peniaga terbabit ialah meletakkan tulisan besar bagi tanda harga yang rendah tetapi tulisan kecil ketika merujuk kepada berat timbangan dan sebaliknya.

Bagi barangan yang membabitkan timbangan terutamanya ikan dan daging pula, ada peniaga meletakkan tanda harga yang merujuk kepada beberapa ratus gram saja, bukan satu kilogram, menyebabkan pengguna menganggap harga itu murah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar, berkata ramai peniaga menggunakan taktik itu sebagai satu cara penipuan untuk mengaut untung lebih.

Menurutnya, kementerian itu memandang serius perbuatan peniaga terbabit dan tidak teragak-agak mengenakan tindakan ke atas peniaga yang menipu pembeli melalui cara itu.

"Kita akan mengadakan pemeriksaan besar-besaran bagi mengenal pasti peniaga dan kawasan terbabit. Berdasarkan aduan orang ramai, perbuatan itu ketara di Jalan Petaling dan Chow Kit selain di pasar harian seperti Subang Jaya," katanya dalam sidang akhbar, di sini semalam.

Abu Hassan mengingatkan peniaga supaya meletakkan tanda harga pada barangan jualan mereka atau menghadapi tindakan undang-undang menurut Akta Kawalan Harga 1946.

Menurutnya, individu yang gagal mematuhi arahan itu akan dikenakan hukuman penjara tidak lebih dua tahun atau denda maksimum RM15,000 atau kedua-duanya.

Manakala, badan korporat terbabit yang sabit kesalahan akan dikenakan denda maksimum RM25,000.

"Kementerian memandang serius perbuatan peniaga yang tidak meletakkan tanda harga kerana ia menipu pembeli," katanya.

HARIAN METRO, SELASA, 11 JULAI 1995

1,000 PENJAJA KENA GAM

id Rahaman
nuddin Ibrahim

LUMPUR: Lebih 11,000 a 41,436 penjaja dan pe- ecil di seluruh negara endapatkan pinjaman la dana milik kerajaan asi Syarikat Jaminan (SJK) Berhad, gagal askan tunggakan ber- RM20 juta sejak 1986.

itu membabitkan RM18 juta pin- ing dikendalikan oleh persatuan an peniaga kecil sendiri dan RM2 syarikat itu selepas memperke- abung Pinjaman Penjaja dan Pe- niaga Kecil (TPPPK) pada 1992.

Berikutan itu, SJK terpaksa menyenarai-hitamkan nama penjaja dan peniaga kecil yang tidak membayar balik pinjaman mengikut tempoh yang ditetapkan walaupun beberapa surat peringatan dikeluarkan kepada mereka.

Mengikut peraturan, setiap penjaja dan peniaga kecil yang disenaraihitamkan oleh syarikat itu tidak dibenarkan membuat pinjaman kedua sehingga mereka dapat membayar balik hutang masing-masing.

Ketua Eksekutif dan Pengurus Besar SJK, Mohd Idris Mohd Isa, berkata tidak timbul masalah sukar mendapatkan pinjaman daripada SJK, sebaliknya penjaja dan peniaga kecil tidak mematuhi syarat permohonan pinjaman.

Menurutnya, jika mereka tidak membayar balik pinjaman daripada SJK, nama mereka turut disenaraihitamkan di semua

LIHAT MUKA 2

Mangsa ceti haram

DARI MUKA 1

bank perdagangan dan institusi kewangan di seluruh negara.

Sehubungan itu, beliau kesal ada sesetengah pihak mendakwa SJK tidak memberi sokongan pinjaman kewangan menerusi skim yang diperuntukkan kepada peniaga dan penjaja kecil.

"Jika kami tidak pernah menyokong permohonan pinjaman mereka, bagaimana rekod pinjaman kami menunjukkan kebanyakan mereka masih berhutang sehingga sekarang," katanya kepada Harian Metro.

Beliau mengulas dakwaan Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan, Bahrim Abdul Razak bahawa kebanyakan ahlinya kini menjadi mangsa ceti haram atau 'along' kerana kesukaran mendapatkan pinjaman daripada SJK.

Mohd Idris mengingatkan bahawa SJK bukan sebuah organisasi yang mengeluarkan pinjaman, tetapi syarikat itu bertindak sebagai pengurus atau mentadbirkan dana kerajaan menerusi skim pinjaman tertentu kepada bank perdagangan.

Harian Metro

1991

SABTU, 15 JULAI 1995 (17 SAFAR, 1416)

● SEMENANJUNG: 60 SEN
● BRUNEI DARUSSALAM: B$1.25

● PP 7273/3/95

TISU JADI ISU

Oleh Noor Sham Saleh

KUALA LUMPUR: Peniaga makanan perlu menukar penggunaan tisu tandas kepada tisu biasa kerana penggunaannya boleh menjejaskan imej negara selain tidak terjamin kebersihannya.

Beberapa pelanggan yang ditemui berpendapat peniaga mungkin perlu membelanjakan sedikit wang untuk membeli tisu biasa tetapi lebih ramai yang akan mengunjungi gerai berkenaan kerana tertarik dengan tisu yang disediakan.

Pelajar sebuah kolej swasta di ibu negara, Akhdiat Abdul Rafie, 20, berpendapat walaupun tidak ada kajian yang dibuat mengenai kesan penggunaan tisu tandas tetapi mungkin ia tidak baik untuk kesihatan.

"Tujuan kertas itu dibuat bukannya untuk mengelap mulut atau tangan jadi mungkin cara pemerosesannya berbeza dengan tisu biasa," katanya.

Menurutnya, jika dilihat dari segi kualiti sekalipun tisu biasa jauh lebih bersih dan cantik daripada tisu tandas.

"Mungkin penjaja boleh memikirkan aspek ini dan saya rasa tidaklah begitu membebankan jika mereka menggunakan tisu biasa," katanya.

Beliau berkata, bukan sahaja pelancong asing yang kurang selesa dengan penggunaan tisu tandas tetapi penduduk negara ini juga yang tahu kegunaan sebenar tisu itu pasti keberatan menggunakannya.

Bagaimanapun bagi Abang Jalani Abang Mazadi, 29, alasan penjaja bahawa tisu tandas lebih murah berbanding tisu biasa ada juga rasionalnya.

Namun katanya, mungkin penjaja boleh menggunakan tisu biasa tetapi memastikan penggunaannya terhad.

"Mereka boleh kecilkan saiz tisu atau memberikan satu tisu kepada pelanggan ketika hidang makanan," katanya.

Menurutnya, cadangan supaya penjaja menggunakan tisu biasa memang baik bukan saja untuk menjaga imej negara tetapi juga imej penjaja sendiri.

Sebelum ini Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Tajol Rosli Ghazali meminta peniaga kedai makan menghentikan penggunaan tisu tandas bagi pelanggan terutama kepada pelancong asing.

Menurutnya, penggunaan tisu itu tidak sesuai dan boleh menjejaskan imej negara walaupun kebanyakan rakyat tempatan menganggap penggunaan tisu itu sebagai perkara biasa tetapi tidak sesuai untuk pelancong asing.

SEMASA

● Waspada guna pencuci kanta mata 2
● Bohsia pilih Lipur Kanching 7

Berita Harian 19/12/97

Penjaja menipu akan hilang pelanggan

Oleh Wan Jailani Razak

KUALA LUMPUR, Khamis – Penjaja tidak sepatutnya menaikkan harga sesuka hati dengan menipu tanda harga kerana mereka juga akan rugi dalam jangka masa panjang.

"Usahlah menipu pengguna kerana lama-kelamaan mereka akan menyedari perbuatan itu dan berhenti membeli daripada penjaja terbabit.

"Dalam hal ini, sebenarnya bukan pelanggan yang rugi, sebaliknya penjaja akan kehilangan pelanggan tetap," kata Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Kawasan Chow Kit, Lee Chick King.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan segelintir penjaja di Pasar Chow Kit yang dikenakan tindakan oleh pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana gagal meletakkan tanda harga pada barangan yang dijual, baru-baru ini.

Lee tidak menolak kemungkinan ada penjaja yang menipu pengguna dengan mempamerkan tanda harga palsu dan hanya menukarkannya dengan tanda harga sebenar sebaik menghidu kehadiran pegawai penguatkuasa KPDNHEP.

Beliau juga tidak menafikan wujudnya pakatan sesama penjaja dengan saling berhubung antara satu sama lain melalui telefon bimbit untuk memaklumkan mengenai operasi pemeriksaan yang sedang dilakukan KPDNHEP.

Berikutan itu, katanya, beliau sering memberikan nasihat kepada penjaja supaya mematuhi arahan ditetapkan kerana kesan kejatuhan nilai ringgit dialami segenap lapisan masyarakat.

"Saya selalu menasihatkan penjaja supaya meletakkan tanda harga dengan jelas dan tidak melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang.

"Saya juga menasihatkan mereka supaya tidak memusuhi pegawai penguatkuasa yang mengenakan tindakan terhadap mereka kerana sudah menjadi tugas mereka menguatkuasakan undang-undang. Penjaja sendiri sebenarnya yang bersalah," katanya.

Mengenai harga barangan ikan dan sayur di pasar berkenaan, Lee memberi jaminan ia dijual pada harga paling berpatutan, tertakluk kepada jumlah pengeluaran dan mutu barangan yang dijual.

Bagi sayur-sayuran, katanya, timun dijual dengan harga RM1.60 sekilogram, kobis, kangkung dan bayam (RM2 sekilogram), kobis panjang (RM3 sekilogram) dan cili, RM6 sekilogram.

Bagi harga ikan pula, bawal hitam dan merah dijual pada harga RM9 sekilogram, tenggiri (RM8 sekilogram), kembung (RM6 sekilogram), selar (RM5 sekilogram) dan cencaru (RM4 sekilogram).

LAMPIRAN 18

Beberapa keratan akhbar mengenai isu pasar malam

HARIAN METRO, RABU, 28 DISEMBER 1994

Bukan malas, tapi tersepit

KUALA LUMPUR: Penjaja pasar malam tidak malas, tetapi tersepit dengan tindakan penjaja asing yang memenuhi ruang niaga milik penjaja tempatan sama ada disedari atau tidak oleh pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sesetengah penjaja pasar malam juga terpaksa 'gulung tikar' apabila beberapa kawasan pasar malam diharamkan oleh DBKL.

Setiausaha Persatuan Peniaga dan Penjaja Pasar Malam Bumiputera Wilayah Persekutuan Selangor, Mohamad Yusof, berkata dakwaan sesetengah pihak bahawa peniaga pasar malam memajakkan lesen perniagaan mereka kepada pendatang asing juga tidak tepat.

"Semua peniaga dan penjaja pasar malam yang menjadi ahli persatuan ini diperiksa setiap kali mereka berniaga di samping memastikan mereka menggunakan lesen milik sendiri," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Ketua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan Cawangan Datuk Keramat, Abdul Shukur Ahmad, yang antara lain mendakwa ada penjaja pasar malam menyewa atau menjual lesen masing-masing kepada penjaja asing.

Mohamad mendakwa, kenyataan Abdul Shukur itu tidak berasas sama sekali kerana pihak berkuasa seperti DBKL sering mengadakan pemeriksaan terhadap penjaja bagi memastikan mereka memiliki lesen yang sah.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan dakwaan Abdul Shukur sebagai persediaan untuk menonjolkan diri dalam pemilihan jawatan Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan dijadualkan hari ini.

Dalam mesyuarat agung persatuan yang dijadualkan berlangsung di Kompleks Belia Antarabangsa Bandar Tun Razak dekat sini hari ini, Yang Dipertua persatuan itu, Bahrin Razak dikatakan akan ditentang Abdul Shukur bagi menerajui persatuan itu.

Mohamad berkata, sesetengah kawasan pasar malam kini dipenuhi pendatang asing menyebabkan penjaja tempatan terpaksa berundur diri bagi mengelak perbalahan.

"Masalah kewujudan peniaga asing ini boleh disekat jika pihak berkuasa mengambil tindakan serius terhadap mereka," katanya.

Oleh itu, dakwaan penjaja pasar malam tempatan malas tidak timbul, tetapi kebanyakan mereka terpaksa berlah dengan kehadiran penjaja asing.

"Sesetengah kawasan pasar malam tidak disediakan kemudahan asas oleh pihak berkuasa adalah antara faktor penjaja pasar malam tempatan enggan berniaga," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta Abdul Shukur membuktikan dakwaan dengan mengemukakan senarai nama penjaja tempatan yang memajak atau menjual lesen mereka kepada penjaja asing untuk tindakan sewajarnya.

HARIAN METRO : 13-7-95

Penjaja pasar malam keliru

KUALA LUMPUR: Beberapa penjaja pasar malam di Taman Sri Gombak di sini, keliru kerana kutipan bayaran tapak menjaja dilakukan oleh Jawatankuasa Pasar Malam Umno Cawangan Taman Sri Gombak.

Mereka mendakwa jawatankuasa itu yang menggunakan nama Umno tidak sepatutnya dibenarkan membuat sebarang kutipan kerana ia dilarang dalam peraturan parti itu.

Bagaimanapun, ahli jawatankuasa itu dikatakan sudah bergiat sebagai pengendali pasar malam di situ sejak beberapa tahun lalu.

Seorang wakil peniaga terbabit yang enggan namanya disiarkan memberitahu Harian Metro semalam, berdasarkan beberapa kawasan pasar malam di tempat lain, pengendalian tapak penjaja dilakukan oleh mana-mana persatuan penjaja cawangan.

Sehubungan itu, beliau hairan kerana kawasan pasar malam itu masih dikendalikan oleh Umno dengan mengenakan pasaran RM2 bagi setiap tapak.

Sementara itu, Persatuan Kebajikan Penjaja dan Peniaga Pasar Malam Melayu Wilayah Persekutuan ketika dihubungi mengesahkan kebanyakan pasar malam di Lembah Klang dikendalikan oleh persatuan peringkat cawangan.

Setiausahanya, Mohamad Yusof, berkata bayaran RM2 yang dikenakan oleh persatuan bagi setiap tapak gerai digunakan ialah sebagai kos penyenggaraan seperti membersihkan sekitar tapak pasar malam selepas peniaga beroperasi.

metro 13/7/95

UTUSAN MALAYSIA : 29-7-96

Rakyat Indonesia kuasai pasar malam

KUALA LUMPUR, 29 Julai — [illegible] [illegible] menggesa pihak [illegible] tempatan supaya me[illegible] tindakan tegas terhadap [illegible] warganegara [illegible] yang kini semakin ba[illegible] di kawasan pasar-[illegible] di daerah Selangor.

[illegible] terdapat begitu [illegible] yang dibuka [illegible] di kawasan pasar [illegible] seperti cendawan tum[illegible] [illegible]

Menurut sumber, golongan ini dikatakan menguasai hampir separuh bilangan peniaga di kawasan pasar malam dan secara tidak langsung ia memberi saingan kepada warga tempatan.

Selain itu, katanya, penguatkuasaan yang tidak tegas oleh pihak kerajaan tempatan dalam daerah-daerah di Selangor juga menyebabkan perkara sebegitu semakin berleluasa.

Jika di Kuala Lumpur, penguatkuasaan tegas dan cekap membuatkan golongan ini tidak berani mencari-cari berniaga tetapi di kawasan Selangor, golongan ini menjadi raja di pasar-pasar malam," katanya.

Seperti contoh, tambahnya, kawasan pasar malam di kawasan Taman Sri Peng di Cheras, golongan warga asing berniaga dapat dilihat dengan banyaknya.

Mereka dikatakan menguasai 50 peratus daripada peniaga tempatan dan akan berniaga di setiap pasar-pasar malam di kawasan itu.

Katanya, fenomena itu mungkin mempunyai kaitan dengan sikap sambil lewa pegawai penguatkuasaan majlis daerah tempatan sehingga mengganggu periuk nasi orang tempatan yang bergantung sepenuhnya kepada perniagaan di kawasan pasar-pasar malam.

Pasar malam beri hasil tambahan

PASAR malam perlu dikekalkan bagi menjamin kestabilan ekonomi orang Melayu dalam perniagaan kecil dan cadangan supaya ia ditutup adalah tidak rasional, kata Dekan Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mohamad Alias.

Beliau berkata, pasar malam memberi peluang pekerjaan secara sah kepada peniaga kecil Melayu, menambah pendapatan dan meningkat taraf hidup lebih selesa.

Kos sara hidup yang tinggi terutama di ibu kota memberi peluang kepada kakitangan kerajaan dan swasta yang berpendapatan rendah mencari pekerjaan tambahan.

Menurutnya, dari segi sejarah pasar malam, ia dimulakan sejak 1960-an dan kajian mendapati ia berjaya meningkat pendapatan ekonomi masyarakat luar bandar yang memasarkan hasil pertanian secara terus tanpa menggunakan khidmat orang tengah.

"Saya fikir, konsep pasar malam di bandar besar termasuk Kuala Lumpur juga tiada bezanya malah ia memberi peluang kepada orang ramai

mendapatkan sayur, ikan dan barang runcit dengan harga lebih murah berbanding pasar raya.

"Selain itu, pasar malam juga dapat dijadikan program sosial yang mana keluarga dapat membeli belah secara selesa tanpa perlu mengganggu tugas di pejabat," katanya.

Mengenai dakwaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pasar malam perlu ditutup kerana sudah menyimpang daripada konsep asalnya iaitu menarik pelancong dan menyediakan barang siap, jika mahu ditutup, DBKL perlu menyediakan alternatif.

Katanya, berdasarkan permintaan dan penawaran, orang ramai gemar mengunjungi pasar malam, jadi sewajarnya ia dikekalkan kerana langkah menutup pasar malam boleh menjejas mata pencarian peniaga kecil terutama yang bekerja sepenuh masa.

"Dalam melaksanakan polisi, kita perlu juga mengambil kira golongan berpendapatan rendah kerana peniaga kecil yang berniaga di pasar malam tidak mampu menyewa di premis perniagaan terutama di ibu kota.

"Dalam perniagaan runcit, peniaga sukar mendapat keuntungan dalam tempoh jangka pendek dan jika kadar sewa lebih tinggi berbanding kos modal serta untung, peniaga akan rugi," katanya.

Beliau juga tidak setuju pasar malam punca masalah kebersihan sebaliknya mencadangkan pihak berkuasa tempatan termasuk DBKL mengenakan caj lebih tinggi jika jumlah yang dikenakan sekarang tidak mencukupi untuk menampung kos membersihkan persekitaran pasar malam.

Ditanya pendapat bahawa orang Melayu tidak akan maju jika masih bergantung rezeki kepada perniagaan pasar malam selepas 40 tahun kemerdekaan, katanya perkara itu perlu dilihat dalam skop yang lebih luas iaitu pasar malam sebagai pelaburan.

"Saya tidak menafikan ada peniaga Melayu yang berniaga di pasar malam sejak 10 tahun lalu dan ramai yang mungkin membuat andaian perniagaannya tidak maju kerana sepatutnya sudah mengubah kepada skil ekonomi lebih besar.

"Bagaimanapun, jika kita membuat kajian, ramai peniaga pasar malam menggunakan keuntungan sejak 10 tahun lalu untuk membeli hartanah atau melabur di bursa saham dan institusi kewangan," katanya.

Mengenai pendapat bahawa harga di pasar malam mahal, Dr Mohamad berkata masalah itu tidak terlalu ketara kerana ia hanya berlaku di sesetengah kawasan terutama di kawasan perumahan mewah.

Namun, katanya, keseluruhannya harga yang ditawarkan di pasar malam masih kompetitif berbanding di pasar raya malah pengguna boleh tawar menawar jika tidak berpuas hati dengan harga asal.

ik Harian 1/9/97

Ramai peniaga pasar malam tiada lesen

KUALA LUMPUR, Khamis – Sekurang-kurangnya 30 hingga 40 peratus peniaga dan penjaja kecil Bumiputera, terutama di pasar malam sekitar Wangsa Maju, tidak memiliki lesen perniagaan.

Kebanyakaan mereka dikatakan enggan mengambil lesen kerana menganggap perkara itu sebagai 'tidak perlu' kerana sesetengahnya berniaga secara kecil-kecilan.

Sehubungan itu, Persatuan Penjaja Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPKMWP) cawangan Wangsa Maju meminta peniaga dan penjaja kecil terbabit mendapatkan lesen bagi memudahkan mereka pada masa depan.

Pengerusinya, Mohamed Mohd Yusof, berkata kegagalan memiliki lesen perniagaan yang dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyusahkan peniaga dan penjaja itu sendiri.

Beliau berkata, biasanya jika tapak perniagaan atau pasar malam hendak dipindahkan atau kawasan baru akan dibuka, keutamaan diberi kepada peniaga yang berlesen saja, manakala yang tiada lesen tidak dipilih.

"Ramai penjaja dan peniaga kecil tidak peduli mengenai lesen kerana menganggap ia tidak perlu. Perbuatan itu akan menimbulkan masalah kepada mereka, terutama jika dikenakan tindakan undang-undang," katanya.

Menurutnya, persatuan mengalu-alukan tindakan DBKL yang menyaman peniaga terbabit kerana berniaga tanpa lesen.

Mengenai pendatang asing yang mengambil kesempatan berniaga di pasar malam dan mendirikan gerai, Mohamed berkata, setakat ini peniaga dan penjaja tempatan memberi kerjasama untuk mengawal kegiatan itu daripada berleluasa.

Beliau berkata, peniaga dan penjaja tempatan akan memaklumkan kepada persatuan jika ada pendatang asing yang berniaga, sebelum perkara itu dilaporkan kepada pihak berkuasa.

"Dari Seksyen Satu hingga 10 Wangsa Maju, tiada pendatang asing yang berniaga sama ada membuka gerai atau di pasar malam," katanya.

Menurutnya, persatuan mempunyai sistem sendiri untuk mengawal kegiatan itu, termasuk dengan melantik jawatankuasa pasar malam di setiap seksyen untuk mengawalnya daripada diceroboh pendatang asing.

Mohamed berkata, persatuan juga tidak menerima maklumat mengatakan ada peniaga dan penjaja kecil tempatan yang menyewakan lesen mereka kepada pendatang asing.

"Kebersihan di kawasan pasar malam juga tidak menjadi masalah kerana persatuan membersihkannya sebanyak dua kali iaitu selepas pasar malam ditutup dan keesokkannya.

"Persatuan terpaksa membayar dua kali untuk urusan itu bagi memastikan kebersihan di kawasan pasar malam terjamin. Setakat ini, kami tidak menerima aduan persatuan penduduk mengenai masalah kebersihan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA - 21/4/99

PKWP minta ruang bincang pasar malam Jalan TAR

KUALA LUMPUR 20 April — Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Wilayah Persekutuan (PKWP) merayu pihak berkuasa membuka ruang perbincangan bagi membenarkan pasar malam Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) beroperasi semula pada setiap hujung minggu.

Yang Dipertuanya, Baharim Razak berkata, peniaga kini menghadapi tekanan ekoran kemerosotan jualan berikutan arahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memindahkan mereka ke Lorong Tuanku Abdul Rahman.

Katanya, cadangan itu sememangnya tidak sesuai dilaksanakan kerana lokasi tersebut terlalu sempit dan agak tersorok daripada pandangan ramai.

"Pihak berkuasa perlu melihat hasil perpindahan ini yang ternyata telah mengganggu kerancakan perniagaan berbanding tempat asal.

"Secara tidak langsung Kuala Lumpur telah kehilangan salah satu tarikan malam minggu yang selama ini cukup terkenal," katanya kepada *Utusan Kota* di sini, hari ini.

BAHARIM RAZAK

Beliau mengulas Laporan Kota minggu lalu yang meninjau perkembangan perniagaan pasar malam di ibu negara sejak berpindah ke lorong bersebelahan Jalan Tuanku Abdul Rahman penghujung tahun lalu.

Jelas Baharim, pihak berkuasa perlu mendengar pandangan dan rintihan peniaga kerana mereka adalah pihak yang terjejas secara langsung dalam isu tersebut.

"Daripada keseluruhan 400 peniaga berdaftar di kawasan itu, 25 peratus telah menutup perniagaan atau berpindah ke kawasan-kawasan lain di pinggir ibu negara.

"Pernah ada penjaja yang hanya mampu menjual RM10 sahaja sepanjang tempoh perniagaannya, keadaan ini benar-benar perlukan pembelaan daripada kerajaan," ujarnya.

Beliau memberitahu, gedung-gedung perniagaan di sekitar kawasan tersebut turut terjejas berikutan kekurangan sambutan daripada pengunjung di pasar malam.

Kata Baharim, perkara tersebut pernah dikemukakan kepada Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin dalam salah satu mesyuarat yang membabitkan persatuan tahun lalu.

Ujarnya, pihak berkuasa seharusnya membuka sedikit ruang kepada persatuan untuk bersuara dan mengemukakan pandangan mengenai cara menyusun semula penjaja dengan lebih sistematik.

LAMPIRAN 19

Beberapa keratan akhbar mengenai kemudahan bantuan pinjaman kewangan yang telah ditawarkan kepada penjaja

HARIAN METRO, SABTU, 29 JULAI 1995

4 kemudahan modal dapat sambutan

EMPAT skim pinjaman yang dijamin Syarikat Jaminan Kredit Bhd (SJK) mendapat sambutan menggalakkan sejak semua skim itu mula diperkenalkan pada 1973.

Antara skim pinjaman yang dijamin SKJ ialah Skim Jaminan Utama Baru (SJU Baru), Skim Jaminan Tabung Usahawan Baru (TUB), Tabung Penjaja-Penjaja & Peniaga Kecil 1992 (TPPPK 1992) dan Skim Pinjaman Khas Persatuan 1992 (SPKP 1992).

● Syarikat pinjaman SJU Baru ialah peniaga/peminjam mestilah membabitkan perusahaan kecil yang berdaftar dengan aset bersih atau dana pemegang saham tidak melebihi RM1.0 juta atau RM1.5 juta. Jumlah pinjaman pula hendaklah tidak melebihi RM3 juta atau RM5 juta (sektor utama).

● Mesti dimiliki oleh warga negara Malaysia atau dikawal oleh warga negara Malaysia.

Selain itu, peminjam mesti mempunyai rekod kredit dan tidak disenaraikan menerusi Biro Maklumat Cek Bank Negara Malaysia.

● Skim Jaminan Tabung Usahawan Baru (TUB).

Syarat kelayakan: Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan aset bersih atau dana pemegang saham sehingga RM1.5 juta. Hendaklah dimiliki Bumiputera.

● Had pinjaman maksimum: RM2 juta.

● Kemudahan kredit yang dilindungi: Terhad kepada kemudahan overdraf, pinjaman tetap dan resit amanah.

● Kadar faedah: 5 peratus setahun.

Lindungan jaminan: Lindungan jaminan maksimum 80 peratus daripada bahagian pinjaman yang melebihi nilai cagaran, jika ada. Bagaimanapun, setiap satu jaminan tidak melebihi RM1.5 juta.

Skim Jaminan Am beri manfaat

SYARIKAT Jaminan Kredit Berhad (SJK) pada mulanya memperkenalkan Skim Jaminan Bagi Perniagaan Kecil atau Skim Jaminan Am pada 1973.

Kemudian pada 1981 SJK memperkenalkan skim baru dikenali sebagai Skim Pinjaman Khas (SPK) dengan meningkatkan had pinjaman daripada RM200,000 kepada RM250,000 (peminjam Bumiputera) dan RM100,000 (bukan Bumiputera).

Ketua Eksekutif dan Pengurus Besar SJK, Mohd Idris Mohd Isa, berkata secara keseluruhannya Skim Jaminan Am memberi manfaat kepada 80,887 peminjam dengan jumlah nilai pinjaman sebanyak RM915.73 juta manakala Skim Pinjaman Khas pula memberi faedah kepada 68,676 peminjam dengan nilai pinjaman sebanyak RM1,916.04 juta.

UTUSAN MALAYSIA : 2-12-1995

Permohonan: CGC perlu lebih kuasa

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Sdn. Bhd. (CGC) memerlukan lebih kuasa untuk menerima dan seterusnya meluluskan permohonan pinjaman golongan penjaja berdasarkan fungsi dan tanggungjawabnya yang sebenar.

Cadangan itu dibuat setelah mengambil kira jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh CGC setakat ini yang dianggap masih rendah berbanding jumlah penjaja di negara ini.

Perkara tersebut ditimbulkan dalam sesi soal jawab antara ahli panel dan para peserta Konvensyen Penjaja 1995 di sini hari ini.

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan, Baharin Razak berkata, jumlah keseluruhan pinjaman yang diluluskan dilihat tidak selaras dengan jumlah penjaja di negara ini.

"RM151.2 juta berbanding 300,000 penjaja dilihat masih terlalu kecil iaitu kira-kira 45,000 penjaja saja yang telah memperolehi pinjaman.

"Anggaran sekiranya seorang penjaja menerima RM10,000, bermakna kurang 15 peratus daripada keseluruhan penjaja telah menikmati skim itu," tegasnya.

Menurutnya, adalah lebih baik CGC yang telah diakui berperanan memberikan khidmat kepada peniaga dan penjaja, diberi kuasa lebih besar sesuai dengan tanggungjawabnya.

"CGC harus disesuaikan dengan semua keadaan kerana perubahan yang berlaku sekarang mengheret sama kepentingan peniaga dan penjaja.

"Dari soal memilih dan meluluskan permohonan hinggalah soal kawalan bayaran balik, perlu diurus berdasarkan kuasa yang diberikan kepada CGC," jelasnya.

Dalam perkembangan yang sama, Pengurus Setiausaha CGC, Rusdi Ibrahim menjelaskan, peranan dan tanggungjawab CGC kini berada di tahap yang memuaskan.

"Sehingga Oktober ini, jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan dilihat sebagai memenuhi keperluan sebahagian penjaja di negara ini.

"Memang CGC belum dapat memenuhi keseluruhan permohonan penjaja kerana di peringkat ini, syarikat-syarikat kewangan yang dilantik mempunyai kuasa penuh untuk meluluskan permohonan," tegasnya.

Tambahnya, CGC di peringkat ini hanya berperanan sebagai penjamin kepada kelulusan yang telah dibuat oleh syarikat kewangan dan sudah tentu semua urusan meluluskan pinjaman berada di pihak bank.

Segelintir

"Saranan yang dibuat oleh peserta hari ini supaya CGC diberi lebih kuasa dalam meluluskan permohonan pinjaman penjaja di negara ini memang ada kebenarannya.

"Saranan itu akan dibawa ke peringkat lebih tinggi supaya ia dapat dinilai sejauh mana pentingnya kuasa CGC ditingkatkan," jelasnya.

Rusdi ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk *Peluang-Peluang Pembiayaan Perniagaan/Penjajaan* telah mendedahkan terdapat segelintir peminjam yang gagal menjelaskan pembayaran.

"Sehingga Oktober lalu, CGC merekodkan tunggakan berjumlah RM22 juta, bermakna terdapat peniaga yang masih gagal walaupun setelah mendapat pinjaman.

"Pihak kami akan melihat perkara itu dengan serius dan langkah-langkah mengatasinya sedang dibuat dengan kerjasama syarikat kewangan dan persatuan penjaja negeri," tambahnya.

LAMPIRAN 20

Beberapa keratan akhbar mengenai kegiatan ceti haram yang berleluasa di kalangan penjaja

HARIAN METRO : 7-7-1995

PENJUAL KUIH MANGSA ALONG

Oleh Aminuddin Ibrahim

KUALA LUMPUR: Peniaga kedai jahitan dan menjual kuih-muih di Pasar Rakyat, Bangunan Sri Mara di sini adalah antara peniaga yang mengaku pernah mendapatkan pinjaman kewangan sebagai modal daripada ceti haram atau dikenali sebagai along.

Mereka mengaku terpaksa mengadu nasib daripada along yang bergiat di sekitar ibu kota setelah kecewa permohonan pinjaman kewangan daripada Syarikat Jaminan Kredit (SJK) gagal.

Pengusaha kedai jahitan, Muslinah Mustaffa, berkata beliau memerlukan RM2,000 untuk dijadikan modal pusingan serta membayar gaji pekerja, tetapi permohonan pinjaman daripada SJK ditolak.

Beliau mendakwa kegagalannya mengemukakan penjamin dan penyata kewangan seperti disyaratkan dalam borang permohonan itu adalah antara sebab permohonannya gagal.

"Cara termudah bagi menyelesaikan masalah ini ialah mengadu kepada along," katanya kepada Harian Metro semalam.

MUSLINAH...terpaksa.

Muslinah, 40, berkata mendapatkan pinjaman daripada along tidak perlu berhadapan dengan pelbagai kerenah seperti pinjaman SJK atau institusi kewangan lain, malah tidak ada borang permohonan diperlukan.

"Pinjaman daripada along adalah berdasarkan percaya di antara satu sama lain manakala wang diserahkan dalam masa sehari," katanya.

Beliau berkata, walaupun pinjaman along terpaksa menghadapi risiko seperti terpaksa membuat bayaran balik pada kadar pinjaman balik 13 peratus sehari daripada jumlah pinjaman, tetapi yang penting sumber kewangan diperlukan sebagai modal itu dapat dengan segera.

Muslinah yang sudah terbabit di bidang itu kira-kira 20 tahun lalu mengakui lebih baik mendapatkan pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan atau SJK tetapi syaratnya terlalu ketat mendorong ramai peniaga kecil mendapatkan bantuan along.

"Saya yakin jika kaedah permohonan pinjaman kewangan daripada institusi kewangan atau SJK semudah yang ditawarkan along, ramai peniaga dan penjaja kecil tidak menghadapi masalah mendapatkan modal pusingan," katanya.

Rakannya, Alina Hassan, 28, pula mengaku pernah mendapatkan pinjaman sebanyak RM10,000 daripada along, juga bagi tujuan modal.

HARIAN METRO, JUMAAT, 7 JULAI 1995

ALONG 13%

Oleh Rasid Rahaman

KUALA LUMPUR: Ada segelintir penjaja kecil di ibu kota membuat pinjaman sebanyak RM100,000 daripada ceti haram atau along dan terpaksa membayar RM1,300 sehari sebagai bayaran balik sehingga jumlah pinjaman dilupuskan.

Biasanya penjaja atau peniaga kecil terbabit memperoleh pendapatan kasar RM3,000 sehari.

Ceti haram atau along dikatakan bersedia memberi jumlah pinjaman yang besar jika mengetahui keuntungan harian yang diperolehi penjaja kecil yang hendak membuat pinjaman.

Mendedahkan perkara itu, Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan, Baharin A Razak, berkata kemelut itu sudah lama berlaku di ibu kota kerana tiada pilihan lain untuk mendapatkan modal segera.

Beliau berkata, pinjaman berkenaan dikenali sebagai pinjaman segera kerana jika perjanjian dibuat pada sebelah pagi, pada sebelah petang penjaja akan mendapat pinjaman.

"Jumlah bayaran balik bergantung kepada pinjaman, tetapi biasanya setiap penjaja dikenakan bayaran bunga sebanyak 13 peratus," katanya.

Beliau berkata bayaran balik juga boleh dirunding berdasarkan kemampuan penjaja terbabit.

"Bukan penjaja kecil saja membuat pinjaman daripada ceti haram atau along, malah kontraktor kecil dan pemandu teksi di ibu kota turut terjerat dengan pinjaman berkenaan," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Beliau berkata lebih 70 peratus daripada 14,000 penjaja di ibu kota dipercayai membuat pinjaman segera daripada ceti haram.

"Paling ramai jumlah pinjaman yang dibuat oleh penjaja kecil ialah di antara RM1,000 dan RM10,000.

"Bayaran balik terpaksa dibuat di antara RM13 dan RM1,300 sehari bergantung

LIHAT MUKA 2

Menarik

- Gadis tak kisah gugur anak 10
- Ahli politik Britain tidak seksi 12

Bayaran balik 100 hari

DARI MUKA 1

kepada pendapatan mereka.

"Biasanya bayaran balik mesti dibuat selama 100 hari," katanya.

Menurutnya, ceti haram atau along biasanya menguasai kawasan tertentu dengan menghantar wakilnya sekaligus bertindak sebagai juruutal.

"Tiada unsur paksaan dibuat oleh ceti haram terbabit bagi memastikan penjaja kecil membuat pinjaman, malah mereka boleh mendapatkan ceti haram atau along pada bila-bila masa melalui wakil mereka," katanya.

Menurutnya, penjaja juga tidak diugut jika lewat membuat bayaran balik seperti ditetapkan terutama apabila penjaja terbabit cuti berniaga kerana menyambut musim perayaan.

"Kemudahan pinjaman segera ini menyebabkan ceti haram atau along lebih popular di kalangan penjaja kecil di ibu kota," katanya.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan hampir semua peniaga dan penjaja kecil di ibu kota menjadi hamba ceti haram atau along kerana sukar mendapatkan sumber kewangan daripada institut keangan atau Skim Pinjaman Kredit.

Walaupun menyedari risiko menjadi hamba along, tetapi mereka tidak ada pilihan lain.

HARIAN METRO : 26-7-1995

TAK SEMUA KENAL ALONG

Oleh Aminuddin Ibrahim, Fadzil Abd Rashid, Johari Ibrahim dan Abdul Rahman Mohamed

SIRI ALONG JEJAK METRO

Bahagian Pertama

BAHAGIAN ini mendedahkan kepada pembaca siapa along dan kenapa mereka 'dianggap penyelamat' kepada penjaja, peniaga kecil, kaki judi dan juga orang perseorangan.

KUALA LUMPUR: Along, Tai Long atau ceti haram ialah orang perseorangan atau berkumpulan yang bergiat menyediakan kemudahan pinjaman kewangan pada kadar bayaran balik dan tempoh yang ditetapkan oleh mereka.

Kewujudan mereka pula hanya diketahui pihak tertentu, iaitu di kalangan mereka yang pernah membuat pinjaman kewangan, khususnya setelah gagal mendapatkan pinjaman daripada bank atau syarikat kewangan berlesen.

Lazimnya, along sebagai tempat mereka mengadu mendapatkan sumber kewangan dalam masa yang singkat dan keadaan memerlukan.

Antara lain, tidak ada sebarang format pinjaman disediakan along kecuali berdasarkan percaya di antara satu sama lain atau diperkenalkan oleh rakan mereka yang pernah membuat pinjaman.

Sasaran utama along ialah di kalangan peniaga dan penjaja kecil, pemandu teksi atau bas mini dan di kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Malah tidak kurang belia yang kesempitan wang, termasuk untuk melangsungkan perkahwinan.

Bagaimanapun, along menyediakan beberapa syarat sebelum memberi wang kepada peminjam, antaranya perlu menjelaskan pinjaman itu dalam masa 100 hari pada kadar bayaran balik 13 peratus daripada jumlah pinjaman setiap hari.

Walaupun, risikonya tinggi, namun bagi mereka yang terdesak soal risiko perkara kemudian.

Ejen along ditugaskan mengutip bayaran harian daripada peminjam setiap hari, terutama pada waktu petang.

Peminjam pula akan dibekalkan sebuah buku kecil untuk mencatat bayaran yang dibuat setiap hari dan ditandatangani oleh ejen along.

Setelah pinjaman dibereskan, along akan membuat tawaran sekali lagi kepada pelanggannya sama ada berminat menambah pinjaman.

Pernah juga berlaku, peminjam along terpaksa menghilangkan diri kerana tidak mampu menjelaskan pinjaman masing-masing.

Sesetengah along pula bersikap kasar dengan mangsanya jika gagal menjelaskan pinjaman mengikut tempoh ditetapkan.

Walaupun, kegiatan mereka salah di sisi undang-undang, tetapi sukar dikesan atau dibanteras kerana ketiadaan bukti kukuh.

HARIAN METRO : 26-7-1995

Pemandu teksi pilih ceti haram

BERURUSAN dengan ceti haram atau along bukan saja menjadi amalan peniaga dan penjaja kecil, malah pemandu teksi di seluruh negara turut terbabit.

Jika penjaja dan peniaga terpaksa menggunakan perkhidmatan along untuk modal pusingan perniagaan, pemandu teksi pula kerana terpaksa membayar sewa kepada pengusaha atau membaiki kenderaan.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Teksi dan Kereta Mewah Wilayah Persekutuan dan Selangor, Jamaluddin Manap, berkata hampir 60 peratus daripada kira-kira 20,000 pemandu teksi di sekitar Lembah Klang terpaksa menggunakan along sebagai sumber kewangan.

Bagaimanapun, kebanyakan mereka hanya menerima pinjaman di antara RM1,000 dan RM1,500 dengan kadar bayaran balik RM13 sehari bagi tempoh 100 hari.

"Lazimnya pemandu teksi terpaksa menggunakan khidmat ceti yang mudah didapati di sekitar Lembah Klang untuk membayar sewa teksi yang hampir ditarik pengusaha atau membaiki kerosakan kereta," katanya.



TERHIMPIT...peniaga kecil terpaksa mencari sumber kewangan cepat dan mudah.

Berasal dari Singapura

KEBANYAKAN along di Johor menjadi 'tauke' bookie yang mengendalikan kegiatan lumba kuda haram, termasuk beberapa orang daripadanya adalah rakyat Singapura.

Along yang dikenali sebagai Tai Long di Johor, dipercayai menjalankan kegiatan itu sejak berbelas-belas tahun lalu dengan menjadikan penjaja dan peniaga kecil di sekitar Johor pelanggan utama.

Bagaimanapun, kini skim pinjaman haram itu dikatakan turut diperluaskan kepada pemandu teksi, pekerja pejabat dan orang tertentu yang mereka percaya mampu menjelaskan bayaran secara harian yang ditetapkan.

Difahamkan, Tai Long menjalankan kegiatan itu bagi memastikan modal pusingan menjalankan kegiatan pertaruhan lumba kuda tidak terjejas setiap kali perlumbaan diadakan setiap Sabtu dan Ahad.

Pegawai Perhubungan Persatuan Peniaga, Penjaja dan Pengusaha Industri Kecil Melayu Johor Bahru (PPPPIKM), Yusof Sabran, berkata kegiatan Tai Long sebenarnya berasal dari Singapura.

Malah menurutnya, kebanyakan tauke bookie yang turut bergiat sebagai Tai Long di seluruh Johor adalah rakyat republik itu yang mencari makan di sini.

Katanya, kebanyakan Tai Long sering berkeliaran di beberapa kawasan di pusat bandar setiap daerah dan menjadikan kedai kopi sebagai markas untuk mendapatkan pelanggan.

"Bagaimanapun, kebanyakan Tai Long rakyat Singapura tidak menjalankan perniagaan mereka secara langsung, sebaliknya menggunakan orang tengah yang diberi komisen.

HARIAN METRO : 26-7-1995

Penyelamat peniaga kecil

HAMPIR semua peniaga dan penjaja kecil di Wilayah Persekutuan menganggap along sebagai penyelamat dari segi sumber kewangan bagi membolehkan mereka terus bergiat di bidang perniagaan.

Mereka dikatakan berbuat demikian setelah mendakwa sukar mendapatkan jaminan daripada Syarikat Jaminan Kredit (SJK) bagi permohonan pinjaman modal yang disediakan bank perdagangan dan institusi kewangan berlesen.

Walaupun mereka menyedari risiko menjadi hamba along, tetapi mereka tidak ada pilihan lain untuk mendapatkan modal segera.

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Melayu Kecil Wilayah Persekutuan, Bahrim A Razak, berkata kebanyakan peminjam terbabit mengadu kepada along kerana kecewa dengan pengurusan SJK yang sepatutnya menyediakan tabung bantuan kewangan untuk golongan peniaga.

"Mereka tidak berminat lagi memohon pinjaman SJK kerana terpaksa menghadapi pelbagai kerenah birokrasi," katanya.

Bahrim berkata, boleh dikatakan hampir semua peniaga kecil di sekitar Wilayah Persekutuan diselamatkan oleh along yang bukan saja bersedia memberi pinjaman tanpa had malah pinjaman diluluskan dalam masa sehari.

Bahrim berkata, peniaga dan penjaja kecil yang membuat permohonan pinjaman daripada SJK pula terpaksa menghadapi pelbagai masalah dengan pihak pengurusan skim itu..

BAHRIM...pinjaman lulus sehari.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Kebajikan Peniaga Pasar Malam Melayu Wilayah Persekutuan dan Selangor, Mohamad Yusof, pula berkata hubungan di antara penjaja dan along kini lebih rapat berbanding dengan institusi kewangan, termasuk SJK.

Beliau berkata, lebih 80 ahli persatuannya terpaksa menggunakan along bagi mengadu masalah kewangan walaupun terpaksa membayar pinjaman dengan kadar bayaran balik lebih tinggi berbanding pinjaman SJK atau institusi kewangan.

HARIAN METRO : 29-7-1995

LESAP SELEPAS DAPAT PINJAMAN

Syarikat Jaminan Kredit Berhad (SJK) menyediakan pelbagai kemudahan namun kerana kegagalan penjaja memanfaat serta gagal menjelaskan pinjaman, SJK dipersalahkan. Malah ada yang menuduh SJK lemah. Benarkah pandangan sedemikian?

Dalam siri akhir ini, wartawan Aminuddin Ibrahim, Abdul Rahman Mohamed, Fadzil Abd Rashid dan Johari Ibrahim mencari jawapan untuk persoalan itu.

SIRI ALONG JEJAK METRO

Bahagian Akhir

KUALA LUMPUR: Dua sebab utama, iaitu desakan untuk menggunakan wang dalam tempoh singkat atau disenaraihitamkan oleh Syarikat Jaminan Kredit (CGC) menjadi punca penjaja di Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain menggunakan khidmat along.

Kebanyakan peniaga dan penjaja kecil mendakwa tidak dapat menjelaskan pinjaman yang dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit Berhad (SJK) kerana tidak dapat meneruskan perniagaan setelah gerai mereka diroboh oleh pihak berkuasa tempatan.

Selain itu, mereka juga mendakwa gerai mereka terpaksa ditutup kerana kawasan itu terbabit dengan projek pembangunan.

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP), Bahrim A Razak berkata, berikutan itu mereka tidak mempunyai sumber kewangan untuk membayar balik hutang bank.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan ada segelintir penjaja dan peniaga kecil yang tidak bertanggungjawab menghilangkan diri selepas mendapat pinjaman melalui SJK.

Beliau berkata berdasarkan 11,000 daripada 41,436 penjaja dan peniaga kecil yang gagal menjelaskan bayaran balik pinjaman, ini menunjukkan peratusan yang gagal adalah kecil.

Bagaimanapun, katanya, fungsi SJK itu boleh dipertikaikan berbanding jumlah penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara yang sukar mendapatkan pinjaman menerusi SJK.

"Perangkaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menunjukkan setakat ini ada lebih satu juta penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara.

"Berdasarkan jumlah itu, 900,000 penjaja dan peniaga kecil lagi sukar mendapatkan pinjaman menerusi skim berkenaan," katanya.

Beliau berkata, jika perangkaan itu diambil kira, pinjaman menerusi SJK yang dilancarkan sejak 1986 tidak memberi manfaat kepada penjaja dan peniaga kecil pada keseluruhannya.

"Ini kerana lebih 900,000 penjaja dan peniaga kecil masih belum mendapat kemudahaan pinjaman itu, sekaligus menunjukkan kelemahan SJK," katanya.

HARIAN METRO : 29-7-1995

Sedia tambah pinjaman RM100,000

ALONG bersedia menaikkan jumlah pinjaman sehingga RM100,000 berikutan tindakan bank tempatan tidak memberi sokongan kepada penjaja untuk meluluskan pinjaman menerusi Syarikat Jaminan Kredit Berhad (SJK).

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan, Bahrim A Razak pernah berkata, along sanggup memberi pinjaman dalam tempoh 24 jam atau tiga hari bagi mereka yang layak.

Katanya, along kini bergiat cergas untuk memberi pinjaman kepada penjaja yang memerlukan modal termasuk pendatang asing dengan masalah yang sama.

Katanya, pengusaha along mengenakan faedah 110 peratus setahun kepada peminjam manakala cara pembayaran dilakukan setiap bulan atau setiap hari.

"Mereka menggunakan 'broker' untuk mengutip semula pinjaman dengan kadar upah 30 peratus daripada pinjaman," katanya.

Bahrim berkata, kini ramai penjaja kecewa dengan usaha kerajaan untuk meluluskan pinjaman kepada penjaja menerusi SJK.

"SJK hanya bertindak sebagai penjamin sahaja manakala bank yang menentukan sama ada mereka layak menerima pinjaman itu atau sebaliknya," katanya.

Pekerja kilang jadi sasaran

PELBAGAI cara dilakukan bagi mendapatkan orang yang sedia membuat pinjaman walaupun adakalanya terpaksa melalui orang tengah.

Gelagat along di Johor makin ketara dan mereka mudah mengalih pandangan kepada pihak lain jika mendapati sasaran mereka selama ini, iaitu penjaja dan peniaga kecil, makin berkurangan.

Berikutan itu, mereka menggunakan pelbagai taktik termasuk sedia menerima peminjam kepada pekerja kilang berpendapatan dikira mampu membayar balik hutang berkenaan.

Pekerja kilang berkenaan dikatakan membuat pinjaman bagi membeli motosikal, terutama bagi mereka yang berpendapatan di antara RM400 dan RM600 sebulan.

Pinjaman itu dibuat melalui ejen yang dilantik di kalangan pekerja di kilang yang sama bagi memudahkan kutipan dibuat kelak.

Seorang pekerja mengakui membuat pinjaman tetapi enggan namanya disiarkan, berkata gejala itu makin menular di beberapa kilang terutama di Batu Pahat dan sekitar Johor Bahru.

"Kami memang tidak berkemampuan untuk menjelaskan mengikut kadar hari seperti yang dilakukan oleh penjaja dan peniaga kecil.

"Bagaimanapun, along memberi kelonggaran dengan membenarkan kami membayar dua kali sebulan, iaitu mengikut hari pembayaran gaji.

"Setakat ini, lebih 100 pekerja rendah termasuk operator pengeluaran dan tidak kurang 30 pegawai atasan membuat pinjaman membeli motosikal melalui ejen along berkenaan bagi memudahkan mereka berulang alik dari rumah ke tempat kerja," katanya.

Kebanyakan pekerja terbabit dibenarkan membuat pinjaman di antara RM3,000 dan RM5,000 dan jumlah yang dibenarkan bergantung kepada keupayaan membayar balik kelak.

Katanya, seperti penjaja dan peniaga, pekerja kilang juga perlu menyatakan alamat dan menunjukkan tempat tinggal masing-masing supaya mudah dikesan jika enggan menjelaskan hutang mereka.

Beliau berkata, gerak-geri setiap pekerja yang membuat pinjaman akan diawasi oleh ejen Tai Long berkenaan kerana khuatir dia akan berhenti kerja secara tiba-tiba dan melarikan diri.

Sementara itu, pengurus

LAMPIRAN 21

Beberapa keratan akhbar mengenai bantahan di kalangan penjaja terhadap pentadbiran DBKL

HARIAN METRO, ISNIN, 26 DISEMBER 1994

DBKL minta penjaja beri kerjasama

KUALA LUMPUR: Projek pengindahan Jalan Petaling di sini, yang sepatutnya dilaksanakan pada 1993, boleh digerakkan semula tahun depan jika penjaja tidak menimbulkan masalah.

Datuk Bandar, Datuk Dr Mazlan Ahmad, berkata mengikut Belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 1995 sejumlah RM3.5 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek itu tahun depan.

"Projek pengindahan itu sepatutnya dimulakan tahun lalu tetapi disebabkan bantahan penjaja yang tidak mahu perniagaan mereka terjejas sempena Tahun Melawat Malaysia tahun ini projek berkenaan ditangguhkan selama setahun.

"Bagaimanapun, tahun depan DBKL berharap projek itu dapat dilaksanakan memandangkan penjaja tidak lagi mempunyai alasan untuk berdolak-dalik," katanya.

BERITA HARIAN/ISNIN, 15 SEPTEMBER 1997

39 peniaga kesal sikap DBKL

SERAMAI 39 peniaga gerai muhibah di Jalan Raja Bot dan Jalan Haji Hussin kesal kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), seolah-olah menipu mereka apabila diarah membeli insurans.

Beberapa peniaga mendakwa DBKL sebelum ini, memberi jaminan mereka tidak akan dipindahkan berikutan pembangunan semula kawasan Chow Kit.

DBKL sebaliknya, mengarahkan peniaga di situ membeli insurans bagi melindungi barangan mereka daripada mengalami sebarang kerosakan akibat projek pembangunan di situ.

Seorang peniaga yang enggan namanya disiarkan berkata, oleh kerana DBKL memberi jaminan kawasan gerai itu tidak terbabit dalam projek pembangunan semula dan peniaga tidak akan dipindahkan, semua mereka membeli insurans.

Beliau berkata, mengikut rancangan awal pembangunan semula itu akan membabitkan lot 2347 iaitu di Lorong Haji Hussin, bukan di gerai muhibah.

Bagaimanapun, katanya, selepas semua peniaga gerai muhibah membeli insurans seperti yang dikehendaki, DBKL membuat keputusan memindahkan mereka ke satu kawasan lain.

"Kami semakin sangsi apabila undian lot bagi peniaga lot 2347 yang diadakan 15 Mei lalu atas arahan DBKL dengan disertai pelbagai pihak berkuasa seperti polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak diiktiraf.

"DBKL menarik balik pengiktirafan itu sebaliknya mengarahkan peniaga kawasan itu mengundi semula 16 September ini," katanya ketika ditemui.

Peniaga berkenaan berkata, gerai muhibah didirikan sendiri oleh peniaga, bukannya DBKL dan mereka mempunyai lesen perniagaan yang sah.

SIBUK... antara kawasan penjaja dan peniaga kecil yang menjadi tumpuan pengunjung di Chow Kit.

800 bantah program pembangunan Chow Kit

RANCANGAN pembangunan semula Chow Kit, kini menjadi isu panas apabila 800 peniaga kecil Bumiputera yang bertapak di situ sejak berpuluh tahun lalu membantah cara pelaksanaan program berkenaan.

Rancangan membabitkan dua fasa iaitu di kawasan Pasar Raja Bot dan kedai sekitarnya serta kawasan pembangunan Lembaga Pembangunan Bandar (Uda) akan menyebabkan kira-kira 1,800 peniaga pelbagai kaum dipindahkan secara berperingkat.

Peniaga kecil Bumiputera di kawasan berkenaan yang menganggotai beberapa persatuan menunjukkan bantahan berhubung cara pembangunan itu dijalankan serta masa depan mereka di kawasan itu.

Mereka mahu pihak berkuasa, terutama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengekalkan Chow Kit sebagai pusat perniagaan orang Melayu di bandar raya, walaupun pembangunan semula dilaksanakan.

Sehubungan itu, Persatuan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPKMWP) serta beberapa persatuan peniaga lain mahu kerajaan memberi taklimat dan mengemukakan pelan pembangunan kawasan itu.

Yang Dipertua PPKMWP, Baharin Razak, berkata persatuan menutup pintu rundingan dengan DBKL, sebaliknya hanya akan berurusan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Peniaga Melayu sudah bertapak di kawasan itu sejak berpuluh tahun dan sepatutnya mereka tidak disingkirkan begitu saja jika pembangunan dijalankan di kawasan itu.

"Kami mahu Chow Kit dijadikan `Malaytown', sama dengan langkah peniaga Cina mengisytiharkan Jalan Petaling sebagai `Chinatown'," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, DBKL tidak pernah memberi jaminan bahawa peniaga dan penjaja Bumiputera yang berniaga di Chow Kit sejak bertahun lalu akan menerima nikmat pembangunan semula itu.

Sebaliknya, DBKL cuba membunuh peniaga Bumiputera dengan menempatkan mereka di kawasan yang tidak strategik serta mempunyai imej buruk iaitu sekitar Lorong Haji Taib.

"Jika ditempatkan di situ sehingga menunggu projek pembangunan semula siap, peniaga akan gulung tikar kerana yakin pelanggan tidak akan berkunjung di kawasan itu," katanya.

PERIKSA... seorang pegawai penguatkuasa DBKL bertanya sesuatu kepada seorang peniaga di Chow Kit.

PPKMWP tetap tidak berganjak

Oleh Razali Zakaria

KUALA LUMPUR, Jumaat – Persatuan Penjaja Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPKMWP) tidak berganjak dengan keputusan untuk 'menentang' Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) jika semua penjaja di Chow Kit tidak dipindahkan serentak ke kawasan yang dipersetujui mereka.

Sehubungan itu, PPKMWP dalam mesyuarat khas Selasa lalu membuat tiga ketetapan bagi menghadapi tindakan DBKL yang akan memindahkan 398 peniaga Bumiputera di Jalan Tunku Abdul Rahman, pada 22 dan 23 September ini.

Tiga ketetapan itu ialah:

- menghantar telegram kepada Timbalan Per-

ISU PEMINDAHAN PENJAJA DI CHOW KIT

Anwar Ibrahim, jika DBKL bertindak merobohkan gerai itu;

- menyelaraskan kedudukan ketua-ketua kumpulan bagi menghadapi tindakan DBKL pada hari itu; dan
- mengarahkan peniaga bertindak keras jika anggota DBKL dan pihak berkuasa menggunakan kekerasan.

Dalam mesyuarat itu, cadangan juga dibuat supaya semua peniaga Bumiputera di Wilayah Persekutuan menutup perniagaan selama dua hari pada 22 dan 23 September.

Yang Dipertua PPKMWP, Baharin Razak, ketika ditemui hari ini berkata langkah itu bagi menunjukkan sokongan kepada semua peniaga di Chow Kit yang akan dipindahkan menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata, persatuan itu tidak setuju dengan cadangan DBKL untuk memindahkan 398 peniaga Bumiputera di Jalan Tunku Abdul Rahman ke kawasan Lorong Haji Taib yang juga dikenali sebagai Belakang Mati.

"Kawasan itu bukan saja popular sebagai sarang maksiat, terutama pelacuran dan dadah di kalangan warga kota, malah seluruh rakyat negara ini mengetahui imej Belakang Mati.

"Tidak sepatutnya peniaga Bumiputera yang sudah bertapak di Chow Kit ditempatkan di kawasan itu kerana tindakan berkenaan akan menjejaskan perniagaan mereka," katanya.

Baharin berkata, peniaga kecil Bumiputera di Chow Kit berjumlah 800 orang dan nasib mereka perlu dibela supaya kawasan berkenaan kekal sebagai pusat perniagaan orang Melayu di bandar raya.

Beliau sekali lagi memberi amaran kepada DBKL supaya menangguhkan dulu rancangan merobohkan gerai dan memindahkan peniaga Bumiputera di Chow Kit kerana kemungkinan akan tercetus keadaan yang tidak diingini.

BERITA HARIAN : 17-9-97

DBKL tetap pindahkan peniaga

Oleh Roslan Ibrahim

KUALA LUMPUR, Selasa – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tetap bertegas untuk memindahkan kira-kira 1,800 peniaga kecil Bumiputera di Jalan Tunku Abdul Rahman ke Lorong Haji Taib, akhir bulan ini.

Sehubungan itu, Datuk Bandar, Tan Sri Kamarulzaman Shariff meminta semua peniaga bekerjasama dalam perkara itu tanpa menimbulkan sebarang masalah kepada DBKL.

Beliau berkata, kedudukan gerai peniaga di sepanjang Jalan Tunku Abdul Rahman tidak sesuai kerana ia menimbulkan kesesakan, gangguan lalu lintas dan menjejaskan imej ibu kota menjelang Sukan Komanwel, September tahun depan.

"Kita sudah beberapa kali mengadakan perbincangan dengan peniaga malah DBKL sudah mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk menempatkan gerai mereka iaitu di Lorong Haji Taib.

"Tidak timbul soal mahu atau tidak kerana DBKL sudah menyediakan kemudahan dan peniaga sepatutnya menghargai usaha itu, bukan membantah," katanya kepada Berita Harian, di sini.

Beliau diminta menguras laporan bahawa kira-kira 800 peniaga yang terbabit dalam rancangan perpindahan itu membantah tindakan DBKL itu dan sanggup melakukan apa sahaja untuk menggagalkan usaha berkenaan.

KAMARULZAMAN
...ganggu lalu lintas

Malah, mereka juga dikatakan akan mengadakan mogok di hadapan pejabat Persatuan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPKMWP) pada 22 dan 23 September ini untuk membantah kerja meroboh gerai berkenaan.

Yang Dipertua PPKMWP, Baharin Razak, berkata pihaknya kesal dengan tindakan DBKL yang mahu membunuh peniaga Bumiputera dengan menempatkan mereka di kawasan yang tidak strategik serta mempunyai imej buruk (Lorong Haji Taib).

Kamarulzaman berkata, beliau berharap peniaga tidak bertindak di luar batas undang-undang kerana DBKL melakukan yang terbaik, bukannya menghalau sebaliknya menyediakan tapak ganti untuk peniaga.

Katanya, tapak perniagaan baru di Lorong Haji Taib juga berpotensi untuk maju tetapi peniaga perlu mencuba, bukannya menyerah kalah dan mendakwa mereka akan rugi sebelum berpindah.

"Saya tidak mahu memanjangkan isu mengenai perpindahan itu kerana apa yang saya tahu rancangan itu akan tetap diteruskan walaupun mungkin dihalang oleh peniaga," katanya.

Mengenai dakwaan tindakan merobohkan gerai itu sebagai usaha menghapuskan kawasan perniagaan Melayu di ibu kota, katanya ia tidak benar kerana usaha itu sebagai langkah penyusunan semula tapak penjaja di Kuala Lumpur.

BERITA HARIAN/ISNIN, 22 SEPTEMBER 1997

10,000 peniaga kecil berpiket
Bantah tindakan DBKL

Oleh Roslan Ibrahim

KUALA LUMPUR, Ahad – Kira-kira 10,000 penjaja dan peniaga kecil akan berkumpul secara aman di kawasan gerai muhibah, Jalan Tunku Abdul Rahman, dekat Chow Kit, esok bagi membantah langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memindah mereka ke Jalan Haji Taib, di sini.

Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP), Baharin Razak, berkata serentak dengan itu peniaga terbabit mengambil keputusan menutup kedai masing-masing selama dua hari, bermula esok.

"Tunjuk perasaan Isnin ini adalah penentu hidup mati peniaga kecil Wilayah Persekutuan dalam menentukan haluan masa depan.

"Kami tetap menghalang kerja meroboh dan memindah kedai di Jalan Tunku Abdul Rahman ke Jalan Haji Taib kerana kawasan itu tempat kami mencari rezeki," katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan peniaga gerai muhibah Jalan Tunku Abdul Rahman, di sini, petang semalam.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Bintang, Dr Lee Chong Meng, pemimpin Umno, MCA, Gerakan dan MIC bahagian Titiwangsa serta wakil persatuan peniaga kecil di bawah gabungan PPPKWP yang memberi sokongan padu terhadap tunjuk perasaan itu.

Baharin berkata, tunjuk perasaan itu terpaksa diadakan kerana DBKL masih berkeras mahu meroboh dan memindahkan peniaga kecil di kawasan itu walaupun PPPKWP meminta tindakan itu ditangguhkan.

"Saya sedar risiko mengadakan tunjuk perasaan seumpama itu tetapi ia terpaksa diadakan sebagai menuntut hak dan pembelaan kami.

"PPPKWP kecewa kerana dalam mesyuarat dengan Ketua Pengarah DBKL, Datuk Nordin Razak pada 23 Julai lalu, mereka bersetuju menaikkan taraf gerai muhibah Jalan Tunku Abdul Rahman tetapi Datuk Bandar, Tan Sri Kamarulzaman Sharif secara tiba-tiba mengarahkan peniaga dipindahkan," katanya.

Beliau meminta peniaga terbabit mengadakan tunjuk perasaan secara aman dan berdisplin tanpa menimbulkan sebarang masalah kepada pihak berkuasa dan orang ramai.

"Saya juga meminta pihak berkuasa termasuk polis tidak melakukan kekasaran terhadap peniaga demi kebaikan semua pihak," katanya.

Baharin menganggap tindakan DBKL memindahkan mereka ke Jalan Haji Taib sebagai usaha 'membunuh' peniaga kecil di ibu kota kerana kawasan baru adalah tempat penagih dadah dan pelacuran.

"Adakah DBKL mahu melihat peniaga kecil berniaga di tepi longkang yang kotor.

"Kami bukan menolak pembangunan tetapi tindakan itu seperti tekanan sedangkan peniaga kecil sentiasa memberi sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional setiap kali pilihan raya," katanya.

Sementara itu, Dr Lee meminta peniaga kecil terbabit mengadakan tunjuk perasaan secara baik tanpa menimbulkan sebarang kekecohan kerana tindakan itu tidak menguntungkan sesiapa sebaliknya menjejaskan imej mereka.

"Saya simpati dengan nasib peniaga kecil yang menghadapi masalah dipindahkan itu dan sentiasa berdiri di belakang untuk membantu dan memberi sokongan moral," katanya.

BERITA HARIAN : 23-9-97

Masalah DBKL, peniaga perlu diselesai segera

Oleh Roslan Ibrahim

ANALISIS

KAWASAN Chow Kit, terutama di Jalan Tunku Abdul Rahman, di sini kecoh seketika berikutan tindakan penjaja dan peniaga kecil yang berhimpun secara aman bagi membantah tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memindahkan mereka ke Jalan Haji Taib.

Ini bukan kejadian pertama kerana sebelum ini beberapa usaha DBKL untuk memindahkan peniaga di kawasan itu gagal kerana mereka membantah keras tindakan itu.

Namun, tindakan perhimpunan di Jalan Tunku Abdul Rahman, kelmarin dianggap terbesar pernah diadakan oleh penjaja dan peniaga kecil di negara ini.

Orang ramai yang lalu lalang dan mahu membeli-belah di kawasan pasar Chow Kit juga terkejut kerana semua gerai di kawasan itu ditutup sehingga menyukarkan mereka membeli keperluan dapur.

Mereka memasang poster dan sepanduk yang mana sasaran utama ialah Datuk Bandar, Tan Sri Kamarulzaman Shariff yang didakwa gagal berperanan membantu penjaja dan peniaga kecil di ibu kota.

Turut hadir dalam perhimpunan itu ialah wanita dan kanak-kanak. Orang ramai yang berhimpun juga diberi makan dan minuman percuma untuk tempoh dua hari.

Pasukan polis turut berkawal di kawasan itu dengan bantuan Unit Pencegah Rusuhan (FRU) yang menempatkan empat trak bagi menghadapi sebarang kemungkinan termasuk rusuhan.

Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP), Baharin Razak, berkata perhimpunan itu tidak dapat dielakkan kerana ia penentu hidup mati peniaga kecil di ibu kota.

Katanya, penjaja dan peniaga kecil tidak pernah menolak pembangunan tetapi tindakan yang dilakukan DBKL terlalu keras, seolah-olah mahu 'membunuh' peniaga Melayu di ibu kota.

Beliau mengimbas pertemuan PPPKWP dengan Ketua Pengarah DBKL, Datuk Nordin Razak pada 23 Julai lalu dan hasilnya mereka (peniaga) diberi jaminan tidak akan dipindahkan sebaliknya kawasan itu akan dinaik taraf.

Bagaimanapun, Datuk Bandar dalam mesyuarat kemudian, membuat keputusan berbeza dengan mengarahkan peniaga di kawasan itu dipindahkan ke Jalan Haji Taib.

Langkah itu berikutan dakwaan kesesakan di sekitar Jalan Tunku Abdul Rahman berpunca daripada gerai yang menjalan perniagaan di kawasan itu dan tindakan memindahkan mereka secepat mungkin perlu berikutan Sukan Komanwel yang akan berlangsung September, tahun depan.

Menurut Kamarulzaman, tindakan memindahkan peniaga akan tetap diteruskan walaupun peniaga kecil membantah langkah itu kerana usaha DBKL itu bukan mengusir mereka (peniaga kecil) tetapi menyediakan tempat lebih selesa.

Namun, Baharin menganggap kenyataan Kamarulzaman sebagai alasan yang tidak munasabah kerana kesesakan yang berlaku di Jalan Tunku Abdul Rahman bukan berpunca daripada peniaga tetapi jumlah kenderaan yang datang dari tiga penjuru berbeza iaitu Jalan Ipoh, Jalan Raja Muda dan Jalan Tun Razak.

Katanya, jika peniaga tiada di kawasan itu, kesesakan tetap berlaku dan janganlah mencari alasan yang tidak munasabah kerana kita tahu apa mulihat Datuk Bandar.

Beliau kesal kerana persatuan berusaha mengekalkan kawasan perniagaan Melayu di ibu kota seperti perniagaan Cina di Lorong Petaling tetapi Datuk Bandar mahu memecah belahkan peniaga Melayu.

Baharin berkata, pihaknya sentiasa membuka pintu rundingan bagi menyelesaikan masalah itu malah peniaga juga tidak mahu berhimpun atau menimbulkan kekecohan seperti itu tetapi DBKL sentiasa mengetepikan pandangan persatuan.

Sehubungan itu, beliau meminta DBKL atau kerajaan menyediakan wakil untuk berbincang, bukannya bertindak meroboh gerai sehingga boleh menimbulkan huru hara dan kekecohan.

"Peniaga di ibu kota tiada kawasan untuk menjalankan perniagaan kerana sentiasa menerima tekanan DBKL berbeza dengan peniaga lain yang lebih selesa berniaga.

"Kita mempunyai 40,000 ahli di Wilayah Persekutuan dan pernah memohon untuk mendapatkan lesen perniagaan tetapi hanya sebahagian daripada jumlah diluluskan DBKL," katanya.

Kesimpulannya, masalah membabitkan peniaga kecil dan DBKL perlu diselesaikan segera kerana isu itu tidak memberi sebarang keuntungan kepada mana-mana pihak, sebaliknya orang ramai akan menanggung beban apatah lagi beberapa persatuan penjaja di ibu kota turut menyokong perhimpunan itu.

Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Bangsar dan Pudu misalnya menutup perniagaan semalam sebagai tanda simpati keatas perjuangan peniaga Jalan Tunku Abdul Rahman.

BERITA HARIAN : 24-9-97

RABU 24 SEPTEMBER 1997

Sokong tindakan persatuan

Peniaga tutup warung

Oleh Rosan Ibrahim dan Wan Jailani Razak

KUALA LUMPUR, Selasa – Kebanyakan gerai makan warung di beberapa kawasan di ibu kota terutama Bangsar, Chow Kit dan Pudu ditutup, hari ini, sebagai menyokong tindakan peniaga kecil Jalan Tunku Abdul Rahman membantah langkah memindahkan mereka ke Jalan Haji Hussein, di sini.

Beberapa kawasan gerai makanan di Kampung Pandan dan Taman Tun Dr Ismail juga lengang dan tiada pelanggan kerana dikatakan turut ditutup sehari.

Bagaimanapun, peniaga di beberapa kawasan lain seperti Jalan Haji Hussein, Wangsa Maju, Pasar Pudu, Pasar Chow Kit dan Ampang terus membuka perniagaan mereka.

Pengerusi Persatuan Penjaja Kawasan Chow Kit, Lee Chuck King, berkata hanya penjaja di Jalan Raja Bot sahaja menutup perniagaan mereka, manakala pasar Chow Kit dan Pudu dibuka seperti biasa.

Menurutnya, ahli persatuannya tidak terbabit dengan bantahan semalam, sebaliknya ia hanya membabitkan ahli Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan.

Penjaja dan peniaga kecil di Chow Kit sudah pun menutup premis masing-masing sejak semalam serta berhimpun secara aman bagi menghalang kerja meroboh gerai mereka oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sebelum ini, dalam mesyuarat Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP) dengan anggota gabungan, Sabtu lalu mereka bersetuju untuk memberi sokongan terhadap perjuangan peniaga kecil Jalan Tunku Abdul Rahman.

Bagaimanapun, hanya beberapa persatuan memberi jaminan untuk menutup gerai mereka hari ini, antaranya Bangsar, Kampung Pandan dan Pudu.

Pengerusi PPPKWP, Baharin Razak, berkata beliau meminta kira-kira 40,000 penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan menutup gerai masing-masing sebagai tanda sokongan terhadap masalah yang dihadapi dengan DBKL.

"Sokongan berkenaan penting sebagai membuktikan penjaja dan peniaga kecil juga mempunyai kekuatan dan berperanan dalam pembangunan ekonomi di ibu kota," katanya, di sini.

Semalam, kira-kira 10,000 penjaja dan peniaga kecil berhimpun di Jalan Tunku Abdul Rahman bagi menghalang kerja meroboh gerai oleh DBKL dan membantah cadangan memindahkan mereka ke Jalan Haji Taib.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah DBKL, Datuk Nordin Razak yang turut berada di tempat berkenaan, berkata kerja meroboh tidak akan dilakukan, hari ini sebaliknya ditangguh ke hari lain.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil cawangan Bangsar (PPPKB), Hassan Said, berkata beliau mengarahkan kira-kira 600 ahli persatuan itu menutup gerai masing-masing sehari hari ini.

Katanya, tindakan itu sebagai membuktikan persatuan berkenaan turut memberi sokongan dan bersimpati dengan nasib peniaga kecil di Jalan Tunku Abdul Rahman yang menghadapi kemungkinan gerai mereka dirobohkan.

"Surat pekeliling sudah dihantar kepada semua ahli, sejak dua hari lalu dan tindakan disiplin akan diambil terhadap mereka yang didapati membuka gerai masing-masing.

"Walaupun mengalami kerugian kerana menutup gerai masing-masing tetapi tindakan itu perlu dilakukan demi perjuangan membela nasib penjaja dan peniaga kecil," katanya.

Sementara itu, Pengarah Direktorat Penguatkuasaan DBKL, Abu Bakar Effendi, berkata pihaknya sedang mengawasi perkembangan selanjutnya di Chow Kit berikutan kejadian semalam.

"Semua anggota diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga. Sehingga kini, kami tidak menerima sebarang kejadian tidak diingini daripada Chow Kit.

"Apa yang pasti, kita akan tetap menunggu tarikh yang sudah ditetapkan oleh Datuk Bandar, Tan Sri Kamarulzaman Shariff iaitu Khamis ini untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Penjaja diberi tempoh sehingga lusa untuk membuat undian bagi mendapatkan petak baru gerai di Jalan Haji Taib dan DBKL akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar serta terus berniaga di Jalan Raja Bot.

Abu Bakar berkata, tindakan untuk meroboh dan memindah itu bukan menindas atau mengusir mereka, sebaliknya ia bertujuan menyusun semula pembangunan di Chow Kit.



LENGANG... gerai makanan di Jalan Liku, Bangsar tiada pelanggan berikutan tindakan peniaga menutup premis masing-masing, semalam. – Gambar oleh David Khoo

NEWS

40,000 in show of support for protest



STALL CLOSURE ... the move caught many customers by surprise. This was the scene in Jalan Liku.

By Sager Ahmad

SOME 40,000 hawkers in the Federal Territory shut their stalls yesterday in a show of solidarity with Jalan Tuanku Abdul Rahman hawkers protesting a City Hall organised relocation to nearby Jalan Haji Taib.

The sudden move, which began on a smaller scale on Monday, caught many of their regular customers by surprise.

The hawkers, many of them members of the Federal Territory Malay Petty Traders and Hawkers Association, are expected to open for business today.

The closure was prompted by Kuala Lumpur City Hall's move to stick to its decision to relocate the 373 hawkers about 50 metres away to Jalan Haji Taib by today after giving them two days' grace.

Datuk Bandar Tan Sri Kamaruzzaman Shariff, in an immediate response to the closure of stalls told reporters the move "was to them" and did not affect City Hall.

He said the local authority was pressing on with the relocation exercise.

Kamaruzzaman said the new site which was prepared by City Hall at substantial cost was much cleaner and more conducive for business than the former site along the narrow sidewalk at Jalan Tuanku Abdul Rahman.

He said the process of relocating the hawkers had started well.

Asked about the "hate" posters and banners pasted around the Chow Kit area, some of which were directed against him personally, he said "it was something I had expected" and that he was not surprised.

Federal Territory Malay Petty Traders and Hawkers Association president Bahrim Abdul Razak said the hawkers were supporting the association in protesting the City Hall decision to relocate the Jalan Tuanku Abdul Rahman hawkers.

He earlier led a group of hawkers from the Chow Kit area to hand a memorandum to the Prime Minister's Department.

The memorandum was received by an unidentified officer who declined to speak to the Press.

Bahrim said the memo randum requested inter vention in the relocatio exercise.

City Hall director-genera Datuk Noordin Abdul Ra zak said the hawkers ha until the end of today t ballot for the lots.

He said hawkers woul be allowed to ballot fo their lot on the spot.

Under the relocatio City Hall will re-develo the Chow Kit marke through a privatisation e ercise. The affected hawl ers will be relocated to th new market complex bein built.

It is understood that Ci Hall is having problems l cating a temporary site f the wet market and oth hawkers.

HAWKERS' DILEMMA



EMPTY: All the stalls along Jalan Liku, Bangsar were closed yesterday

'FORCED' TO GO ON SYMPATHY STRIKE

Rozidah: 'Closing stalls ... answer'

By NURZAIDAH AZIZ

SOME hawkers in several areas in Kuala Lumpur were forced to close shop by strangers to show sympathy for 365 hawkers at Jalan Tuanku Abdul Rahman who refused to move to the new trading site at Jalan Haji Taib.

The Jalan TAR traders have been given until tomorrow to ballot for new trading sites, failing which they will be considered as illegal and action will be taken against them.

A trader at the Chow Kit area, who refused to give her name, said she was forced to discontinue business yesterday by a few strangers.

"I was so shocked when I saw the demonstration yesterday. The place was so crowded that I almost suffocated," she said.

But when she started opening for business, she was forced to shut down.

"At first I refused but they became angry. I obliged because I feared for my safety," she said.

"I wanted to start business here today but dared not. The people who harassed me are still around."

Another hawker said he opened his stall although he was told not to.

"I have a family to support. If I close my stall, how am I going to survive and who will support my family?" he asked.

"If I close my stall for even one day, I lose between RM600 and RM1,000. I'm sorry for the traders who are at Jalan Tuanku Abdul Rahman but it is unfair of them to disturb our business."

But yesterday some of the hawkers who were forced to close down at the Chow Kit market resumed business although the demonstration was still on.

A hawker at Jalan Liku, Bangsar said she was forced to close her stall since yesterday.

"I was given a letter from the Hawkers Association stating we have to close our stalls," she said.

"As they did not allow me to do business, I intended to wash the stall. But that too I was not allowed to do."

Meanwhile, consumers were upset with the closure of these stalls.

"I was surprised because I intended to buy some items from some of these stalls," said Rozidah Md Lihun, 30.

She said closing the stalls wasn't the answer to the problems. The hawkers only hurt themselves by doing so.

Halimatun Hassan of Jalan Gurney, 43, said City Hall should have built bigger centres for the hawkers.

"I saw the new site at Jalan Haji Taib. It is too small. I don't think there's place for all the traders," she said.

"But at the same time, it is not right for the traders to demonstrate."

Ali Sadom, 47, of Jalan Gurney said the demonstration will affect the lower income consumers.

"Now we have to get our goods from supermarkts who charge higher for the same goods," he said.

For Syed Abdul Fatah Syed Mohammad, 27, the closure has a silver lining. There wasn't any traffic congestion in the area.



This was the only food stall open among this row of stalls at Chow Kit

Pictures: S. SIGURNARAN and KEN KUA

City Hall to continue action against illegal hawkers

CITY HALL will continue closing down illegal hawker stalls even though one of its lorries was burnt during an enforcement action at Taman Sena Wangsa on Monday.

While condemning the action, its director-general Datuk Noordin Abdul Razak said the act will not deter City Hall from carrying out the Government's decision on illegal hawkers.

"Although we have faced opposition like this before, this is the first time one of our vehicles was damaged. We don't want to start accusing anyone but the ones responsible should realise they committed a crime," he said.

Noordin added City Hall is carrying out the Government's directive on licensed and unlicensed hawkers.

"We have been asked to upgrade, clean and relocate those licensed to proper and comfortable hawker centres, and to stop the activities of the illegal ones," he said.

He denied City Hall had not informed the 37 illegal hawkers of their intention to demolish the stalls, adding "they had ample notice."

ISU PENJAJA MOGOK



SABAR...penjaja tidak berganjak dari tempat mereka. – Gambar ROSLI AHMAD

MOHD RAMLI...kesal.

HASHIM...tiada pilihan.

PENIAGA TETAP TERUSKAN MOGOK

Oleh Ahmad Shahrul Nizam Muhammad dan Osman Lisut

KUALA LUMPUR: Penjaja akan meneruskan mogok dengan tidak menjalankan perniagaan sehingga satu keputusan terbaik diterima daripada pihak berkuasa.

Penjual barangan besi, Mohd Ramli Mohd Yusuf, 49, berkata penjaja tidak mempunyai pilihan kecuali meneruskan mogok walaupun tindakan itu memberi masalah kepada orang ramai.

Menurutnya, tempat baru di Jalan Haji Taib yang disediakan terlalu sempit dan akan menjadi sesak jika dipenuhi dengan penjaja.

"Peraturan yang mewajibkan penjaja memulakan perniagaan pada jam 6 petang hingga 12 tengah malam tidak munasabah.

"Tempoh perniagaan itu terlalu suntuk kerana sekarang kami memulakan perniagaan pada jam 2 petang. Syarat baru itu merugikan penjaja," katanya.

Mohd berkata, penjaja tidak mempunyai pilihan dan terpaksa meneruskanmogok bagi memastikan masalah yang dihadapi mereka diatasi dengan bijak sana.

"Saya harap masalah ini dapat diselesaikan segera," katanya.

Rakannya, Hashim Ali, 50, berkata dia akan menutup perniagaannya sehingga berpuas hati dengan keputusan pihak berkuasa.

Menurutnya, penjaja mengambil keputusan tidak akan berniaga walaupun terpaksa menanggung kerugian.

"Penjaja akan bekerjasama untuk memastikan premis mereka ditutup. Tindakan ini terpaksa dilakukan kerana penjaja tidak berpuas hati dengan tindakan pihak berkuasa," katanya.

Peniaga makanan, Norhayati Buyong, 52, berkata penjaja akan meneruskan mogok jika pihak berkuasa masih tidak mahu berganjak dengan keputusan mereka.

"Kami tahu tindakan yang diambil akan merugikan kami sendiri tetapi perkara ini tidak boleh dielakkan kerana tempat yang ditawarkan tidak sesuai," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad, enggan mengulas.

"Saya tidak mahu komen, lebih baik tanya DBKL," katanya.

Lokasi tidak sesuai

KUALA LUMPUR: Seorang Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang melawat kawasan penempatan baru yang dicadangkan DBKL, semalam mengakui kawasan itu tidak sesuai untuk penjaja menjalankan perniagaan.

Beliau melawat kawasan itu pada jam 10.30 pagi ditemani Pegawai Perhubungan Awam Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Rusli Sulaiman.

Rusli berkata, ia membawa Ahli Lembaga Penasihat DBKL itu untuk melawat kawasan baru untuk penjaja di Jalan Haji Taib.

"Ahli Lembaga Penasihat itu mengakui penempatan baru yang dicadangkan tidak sesuai untuk penjaja kerana terlalu sempit.

"Beliau berjanji untuk membawa masalah peniaga itu kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff," katanya.

Polis siasat lori dibakar

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyerahkan kes lorinya dibakar oleh pihak tertentu kepada polis.

Jurucakapnya berkata, tiada sebarang kenyataan akan dikeluarkan berhubung perkara itu kerana ia masih dalam siasatan.

"Polis sedang menyiasat kes ini," katanya.

Semalam, sebuah lori DBKL dibakar pihak tertentu yang tidak berpuas hati tindakan pihak berkuasa itu merobohkan gerai penjaja.

AZIAH...terpaksa.

HATIV...boleh diselesaikan.

Warga kota serbu restoran

KUALA LUMPUR: Mogok yang dilancarkan penjaja di ibu negara sejak kelmarin menimbulkan masalah kepada warga kota terutama kakitangan kerajaan dan swasta.

Kebanyakan mereka yang menjadikan gerai dan warong di tepi jalan sebagai tempat untuk menjamu selera terpaksa mencari alternatif lain dengan mengunjungi restoran untuk menikmati makan tengah hari.

Walaupun harga yang ditawarkan agak tinggi berbanding gerai tetapi mereka tiada pilihan.

Pekerja am S Manimaran, 29, berkata dia hairan apabila mengunjungi gerai kegemarannya di Brickfields semalam ditutup.

"Apabila membaca akhbar barulah saya tahu peniaga mengadakan mogok kerana membantah tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mahu memindahkan 368 rakan mereka ke Jalan Haji Taib," katanya.

Katanya, walaupun agak mahal makan di restoran dia tiada pilihan.

Pelajar kolej swasta, Aziah Ali, 25, berkata berikutan penutupan gerai di pusat pengajiannya memaksanya mengunjungi restoran mendapatkan juadah makan tengah hari.

"Oleh kerana hanya ada satu sahaja restoran di situ ia menjadi sesak," katanya.

Kakitangan swasta Hativ Mat Isa, 30, kecewa dengan sikap penjaja yang tidak menjalankan perniagaan kerana membantah tindakan DBKL.

"Masalah boleh diselesaikan, bukannya mengambil tindakan terburu-buru dengan melancarkan mogok" katanya.

MANIMARAN...terkejut.

BERITA HARIAN : 25-9-97

Piket: Polis mulakan siasatan

Oleh Roslan Ibrahim dan Wan Jailani Razak

KUALA LUMPUR, Rabu – Polis sudah memulakan siasatan berhubungan perhimpunan haram kira-kira 2,000 penjaja dan peniaga kecil yang membantah tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meroboh gerai di Jalan Tunku Abdul Rahman, di sini, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Zainal Abidin Ali, berkata pihaknya akan menjalankan siasatan daripada pelbagai aspek berhubung perhimpunan itu termasuk kegagalan penganjur mendapatkan permit polis.

Beliau berkata, jika siasatan itu membuktikan ada kalangan penjaja dan peniaga sengaja melakukan kesalahan seperti mencetuskan kekecohan, polis akan mengambil tindakan.

"Saya tidak menolak kemungkinan mereka (penjaja dan peniaga) ditahan mengikut Seksyen 27 (8) Akta Polis 1967 jika siasatan mendapati ada yang sengaja mencetuskan kekecohan dan mengganggu ketenteraman awam.

"Bagaimanapun, setakat ini kita belum dapat membuat sebarang kenyataan kerana perkara itu masih dalam siasatan," katanya.

Beliau diminta mengulas perhimpunan kira-kira 2,000 penjaja dan peniaga kecil di Jalan Tunku Abdul Rahman kerana membantah tindakan DBKL meroboh dan memindahkan mereka ke Jalan Haji Hussein, Isnin lalu.

Anggota polis termasuk Unit Pencegah Rusuhan (FRU) yang tiba dengan empat trak ditempatkan di kawasan berkenaan bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

Mengenai dakwaan beberapa pemimpin Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan ditahan, katanya, beliau tidak tahu menahu mengenai perkara itu dan tidak menolak kemungkinan berita itu sengaja disebarkan bagi tujuan tertentu.

"Kita tidak akan menahan seseorang tanpa sebab atau bukti yang kukuh kerana polis bertanggung jawab menjaga ketenteraman awam, bukannya bertindak membabi buta.

"Setakat ini, kita masih menjalankan siasatan dan mengumpulkan bukti termasuk poster menghentam pihak tertentu yang dipasang oleh penjaja ketika mengadakan perhimpunan, Isnin lalu," katanya.

Pindah untuk ubah wajah KL

KUALA LUMPUR, Rabu – Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff, berkata pemindahan lebih daripada 1,000 penjaja Chow Kit adalah sebahagian daripada usaha mengubah wajah bandar raya berusia 140 tahun ini sesuai dengan tahap sosial masyarakat hari ini.

Katanya, tindakan yang serupa juga akan dilakukan di kawasan Masjid India dan Jalan Petaling selepas ini, menjelang Sukan Komanwel 1998.

"Tidak ada sensitiviti dalam hal ini," katanya ketika ditemui di pejabatnya hari ini.

Kamaruzzaman berkata, beribu-ribu penjaja tepi jalan di bandar raya ini akan dipindahkan ke 16 kawasan perniagaan baru.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang tetap dengan keputusannya untuk memindah 369 penjaja di Chow Kit dan sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman ke kawasan baru di Jalan Haji Taib, esok.

Beliau menafikan DBKL tidak adil dalam menangani masalah penjaja Chow Kit kerana tidak ada sebab untuk menganiaya mereka.

BERITA HARIAN : 25-9-97

Selesai isu penjaja di meja rundingan

WARGA Kuala Lumpur nampaknya bukan sekadar diselubungi jerebu yang tidak menentu, malah pelbagai masalah lain yang memburukkan lagi keadaan. Ketika jerubu berkurangan sedikit akhir minggu lalu, penjaja dan peniaga kecil di Chow Kit pula muncul dengan ugutan untuk mogok serta menutup warung mereka sebagai bantahan terhadap arahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya mereka berpindah ke Jalan Haji Hussein. DBKL memberi masa sehingga hari ini kepada 365 penjaja di kawasan terbabit berbuat demikian atau gerai dan warung mereka dirobohkan.

Kelmarin, mereka mengotakan apa yang dikata apabila penjaja dan peniaga kecil di Chow Kit menutup gerai mereka. Selain itu, kira-kira 40,000 penjaja dan peniaga kecil lain di seluruh ibu kota, termasuk di Pudu, Bangsar dan Taman Tun Dr Ismail, turut berbuat demikian sebagai tanda simpati dan menyokong perjuangan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP). Kita juga simpati dengan mereka, tetapi dalam masa yang sama kita tidak mahu keadaan yang ada sekarang berterusan, terutama menjelang Sukan Komanwel tahun depan apabila kita menjadi tuan rumah kepada puluhan ribu pelancong.

Apa yang kita kesalkan ialah tindakan mereka cuba mengheret pihak lain dalam masalah mereka dan lebih menyedihkan apabila mereka menghantar memorandum kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta supaya kerja meroboh dan memindahkan itu dibatalkan. Cukuplah dengan masalah kejatuhan nilai ringgit dan jerebu yang memeningkan kepala Dr Mahathir. Jangan pula ditambah dengan isu kecil seperti ini.

Dalam soal ini, kita tidak bertujuan memihak kepada mana-mana. Bagaimanapun, kita yakin langkah DBKL bukan bertujuan menindas, menganiaya atau menghalau sesiapa, sebaliknya bagi kepentingan semua pihak. Kawasan Chow Kit yang begitu strategik tidak boleh dibiarkan begitu saja. Sampai bila kita mahu melihat kawasan itu terus dipenuhi gerai yang tidak tersusun dan kotor?

Selain itu, kita juga perlu sedar bahawa kawasan berkenaan hendaklah dimajukan selaras dengan kepesatan pembangunan di sekitarnya. Imej Chow Kit sebagai kawasan beli-belah dan tempat makan untuk kelas bawahan sepatutnya dihapuskan. Kita mahu Chow Kit menjadi seperti Orchard Road di Singapura, Ginza di Tokyo atau Oxford Street di London. Langkah memindahkan mereka adalah bertujuan menyusun semula pembangunan di Chow Kit.

Sebenarnya, ada juga baiknya jika gerai dan warung di Chow Kit itu dipindahkan kerana ia adalah antara faktor yang menyebabkan kesesakan lalu lintas di situ. Kawasan terbabit juga menjadi punca kekotoran dan sampah. Sebaliknya, kita percaya jika penjaja dan peniaga kecil terbabit berpindah ke Jalan Haji Hussein, ia akan dapat memulihkan imej kawasan berkenaan yang sebelum ini dikenali sebagai lorong hitam yang penuh dengan sarang maksiat, pelacur, penagih dadah serta jenayah.

Bagaimanapun, dalam melaksanakan pembangunan di kawasan berkenaan, DBKL perlu mendapatkan pandangan daripada semua pihak. Pelan pembangunan Chow Kit patut dikaji semula kerana tentangan keras di kalangan penjaja dan peniaga menunjukkan pelan sekarang ada banyak kelemahan. Jika Chow Kit hendak dibangunkan sekalipun, biarlah manfaatnya dinikmati sama oleh penjaja dan peniaga di situ, bukan oleh pihak tertentu saja.

Oleh itu, apa yang penting sekarang ialah DBKL dan PPPKWP hendaklah kembali ke meja rundingan bagi mencari jalan penyelesaian. Langkah berkenaan perlu bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini. Kita tidak mahu isu seperti ini terus membebankan kita. Cukuplah soal jerebu yang sudah berlarutan sejak tiga bulan lalu memeningkan kita, jangan pula ditambah dengan masalah baru yang sepatutnya dapat diselesaikan dengan cara baik.

Musonnat

BERITA HARIAN : 16-10-97

B/H - 16/10/97

Persatuan penjaja mahu berhimpun kali kedua

KUALA LUMPUR, Rabu – Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKWP) akan mengadakan perhimpunan kedua jika memorandum mengenai bantahan penjaja Jalan Tunku Abdul Rahman yang dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak dilayan.

Perhimpunan ini dijangka lebih besar berbanding bantahan kira-kira 2,000 penjaja pada 22 dan 23 September lalu apabila beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut menyokong perhimpunan itu.

Yang Dipertuanya, Baharim Razak, berkata persatuan kecewa kerana sebelum dan selepas memorandum itu dihantar, DBKL tidak pernah memanggil pihaknya untuk berbincang mengenai tapak perniagaan di kawasan baru itu.

Beliau berkata, persatuan hanya diajak berunding apabila timbul masalah membabitkan pemindahan peniaga dari Jalan Tunku Abdul Rahman ke Lorong Haji Taib.

"PPPKWP amat kecewa dengan tindakan kerajaan kerana tidak langsung memanggil persatuan untuk berbincang mengenai pembangunan Chow Kit sekalipun pihaknya sentiasa membuka pintu untuk perundingan.

"Kami tidak minta apa-apa, cuma empat perkara yang terkandung dalam memorandum berkenaan, antaranya perpindahan 1,800 penjaja, 400 penjaja dipindah ke Chow Kit dan bakinya ke Jalan Ipoh sebagai penempatan sementara.

"Di samping itu, projek Uda perlu selaras pembangunan penjaja dan memberi permit sementara kepada 5,000 penjaja tidak berlesen," katanya.

Beliau diminta mengulas berhubung memorandum yang dihantar ke pejabat Perdana Menteri, bulan lalu berikutan bantahan kira-kira 2,000 penjaja yang enggan berpindah ke Lorong Haji Taib.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia (PPPKM), kecewa kerana berdasarkan kajian, pemindahan penjaja ke Lorong Haji Taib tidak menguntungkan malah perniagaan mereka merosot sehingga 60 peratus.

"Persatuan tidak membantah perpindahan penjaja tetapi biarlah sesuai dengan pembangunan masyarakat dan tidak menjadi masalah kepada peniaga kecil yang berpendapatan rendah.

Mengenai larangan DBKL supaya penjaja pasar malam tidak memasak di premis masing-masing, beliau berkata larangan itu tidak praktikal kerana daripada 98 kawasan pasar malam, 30 peratus menjual makanan masak.

"Saya berpendapat larangan itu tidak sesuai kerana orang ramai lebih gemar memakan makanan yang dimasak berbanding yang telah disediakan," katanya.

Sementara itu, DBKL meminta penjaja supaya memandang positif usaha memindahkan mereka dari Jalan Tunku Abdul Rahman ke Lorong Haji Taib.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Zakaria Mohamed Lazim, berkata perpindahan itu adalah langkah permulaan mengubah imej kawasan itu.

Menurutnya, DBKL sedar imej tapak perniagaan baru itu kurang baik tapi dengan kerjasama polis, pelbagai usaha sedang dilakukan untuk membersihkan kawasan itu.

LAMPIRAN 22

Beberapa keratan akhbar yang menunjukkan pengaruh politik dalam penjajaan

BERITA HARIAN : 24-3-94

Penjaja diberi jaminan

ALEX LEE
...daya tarikan

KUALA LUMPUR, Rabu — Semua penjaja di Jalan Petaling yang diarah berpindah ke Jalan Tun H S Lee, akan mendapat semula tapak perniagaan mereka apabila projek mengindah dan menjadikan kawasan Jalan Petaling sebagai daya tarikan pelancong, selesai dilaksanakan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Alex Lee, berkata kerajaan berjanji akan membenarkan semua penjaja dan peniaga yang diarah berpindah, berniaga di tempat asal.

"Ada peniaga yang ragu sama ada mereka akan memperolehi semula tapak asal perniagaan mereka, sedangkan kami memang berjanji tetap membenarkan mereka berniaga di tempat asal," katanya selepas merasmikan seminar *Towards Excellence In Sport Management* di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan penjaja yang hanya akan berpindah dengan syarat mereka mendapat semula tapak perniagaan asal mereka di Jalan Petaling.

Katanya, kerajaan sedar arahan berpindah itu adalah sangat sensitif bagi peniaga Cina kerana mengikut kepercayaan mereka, jika berpindah ke kawasan perniagaan baru ia boleh mengurangkan keuntungan.

Alex juga berkata, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi menggubahsuai kawasan perniagaan berkenaan supaya lebih selesa dan menarik.

Keadaan Jalan Petaling yang ada sekarang tidak teratur dan sibuk hingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas.

"Dengan usaha kerajaan mengubahsuai kawasan berkenaan ia akan menjadikan Jalan Petaling selesa dan menjadi pusat penjaja uatama di ibu kota," katanya.

Sehubungan dengan itu, kerajaan akan menyediakan tapak khas bagi peniaga atau penjaja Melayu yang akan berniaga disitu.

"Sebelum ini hampir 100 peratus peniaga dan penjaja di situ terdiri dari kaum cina dan kami bercadang untuk mengubah situasi ini dengan menempatkan peniaga berbilang bangsa.

Harian Metro

ISNIN, 18 SEPTEMBER 1995 (22 RABIULAKHIR, 1416) ● SEMENANJUNG: 60 SEN ● BRUNEI DARUSSALAM: B$1.25 ● PP 7273/3/95

Penjaja guna orang politik

Oleh Nor Raihan Abu Bakar

PETALING JAYA: Campur tangan politik dikenal pasti antara faktor yang menimbulkan pelbagai masalah membabitkan penjaja di daerah ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Mohamad Nor Bador, berkata kebanyakan campur tangan ini membabitkan penjaja yang tidak memiliki lesen.

Menurutnya, keadaan ini menimbulkan pelbagai masalah kepada MPPJ kerana kebanyakan penjaja berkenaan tidak menghiraukan beberapa peraturan.

"Penjaja ini mengambil mudah peraturan tertentu khususnya membabitkan kebersihan," katanya.

Menurutnya, penjaja terbabit juga enggan bekerjasama dengan MPPJ apabila diarahkan berpindah ke kawasan lain.

"Mereka bukan saja tidak mahu berbuat demikian tetapi meminta campur tangan daripada orang politik untuk membela nasib mereka," katanya.

Menurut Mohamad, keadaan ini menghalang pelbagai usaha yang dilakukan oleh MPPJ dalam meningkatkan imej penjaja di kawasan pentadbirannya.

"MPPJ sedang berusaha menukar imej penjaja kawasan ini kepada peniaga yang lebih bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan penyediaan makanan kepada orang ramai," katanya.

Menurutnya, melalui usaha berkenaan, penjaja juga dikehendaki menghadiri seminar dan kursus berkaitan perniagaan yang dianjurkan oleh MPPJ.

Selain menyertai kursus ini, penjaja dikehendaki mempamerkan sijil yang diperolehi mereka, katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, matlamat ini tidak akan tercapai jika sentiasa mendapat bantahan dan campur tangan pihak luar.

BERITA HARIAN : 20-3-97

Parti politik dalangi masalah penjaja

Dari Mehara KL

LIMA tahun lalu, bangunan baru sebuah syarikat di ibu kota menyediakan medan selera di bumbungnya (rooftop) sebagai memenuhi permintaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menempatkan warung makanan di sekitar kawasan itu. Selepas pusat itu siap, yang lengkap dengan bangku, pili air dan kemudahan dapur, semua peniaga makanan dan minuman di sekitar ditawarkan berpindah pada kadar sewa yang minimum. Sebahagian besar pelanggan tetap mereka, yang terdiri daripada pekerja syarikat itu serta beberapa firma sekitarnya menyambut baik perubahan itu kerana selain lebih selesa dan teduh, kebersihan juga terjamin. Kalau selama ini makanan dan minuman terdedah kepada habuk serta bau longkang berhampiran, mereka juga tidak lagi bimbangkan keselamatan diri daripada lori atau kenderaan yang melalui jalan itu.

Malangnya, harapan itu tidak menjadi kenyataan. Warung di situ bukan saja tidak berpindah, malah DBKL membesarkan lagi jalan berkenaan bagi memberikan lebih ruang kepada penjaja. Ruang yang sepatutnya menjadi tempat meletak kereta, bagaikan khusus untuk penjaja. Kesannya jalan yang sepatutnya boleh dilalui tiga lorong, hanya mampu menampung satu lorong. Sebelah kanan di penuhi warung makanan, manakala sebelah kiri dijadikan tempat meletak kereta haram. Di satu bahagian lagi, kedua-dua bahagian tepi dipenuhi warung makanan. Anehnya, polis dan DBKL hampir saban minggu mengeluarkan saman kepada kenderaan yang diletakkan di situ kerana menghalang lalu lintas tetapi peniaga makanan yang kerusi mereka turut mengganggu perjalanan kereta jarang dikenakan tindakan.

Khabarnya, ketika medan selera itu siap dulu, DBKL pernah memberi kata dua supaya penjaja berpindah. Penjaja pula, melalui persatuan mereka, mahukan majikan memberi jaminan pendapatan tidak berkurangan jika berpindah tempat serta memberikan pelbagai alasan lain. Kerana kebanyakan penjaja terbabit juga penyokong parti politik, mereka menggunakan ketua bahagian atau wakil rakyat. Akhirnya kata dua DBKL entah ke mana dan medan selera hanya tinggal kerusi dan meja. Ini adalah satu daripada beberapa contoh kegagalan menempatkan penjaja tepi jalan ke tempat yang lebih selesa di ibu kota.

Kita tidak menafikan di sesetengah pusat komersil, khususnya pusat membeli belah, medan selera mendapat sambutan sama ada daripada orang ramai atau peniaga sendiri. Bagaimanapun kebanyakan medan selera seumpama itu, bukan dikendalikan oleh penjaja tepi jalan tetapi oleh rangkaian peniaga makanan, sama ada yang mempunyai kaitan dengan syarikat pemilik premis itu atau mempunyai pengkhususan dalam menyediakan masakan tertentu. Itulah sebabnya harga makanan di medan selera seumpama itu tidak kalah dengan harga di restoran

Bagi kita, usaha memberi imej baru kepada penjaja di ibu kota yang berjumlah hampir 36,500 orang sekarang sama beratnya dengan langkah mendisiplinkan pemandu teksi dan bas mini. Sebagai hos pelbagai forum antarabangsa, destinasi utama pelancongan dan bakal menganjurkan Sukan Komanwel, tahun depan, buruk baik imej penjaja dan perkhidmatan pengangkutan awam akan menjadi kenangan pengunjung. Justeru itu, langkah tambahan bagi menjamin kebersihan dan memastikan pembangunan penjaja lebih terancang yang diputuskan oleh Jawatankuasa Cadangan Penyelesaian Kekotoran dan Sampah dipengerusikan Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin, bukan saja terus mendapat tindakan susulan daripada pihak terbabit, malah dapat disegerakan.

Lebih daripada itu, kerjasama parti politik dan pihak berkuasa tempatan amat diperlukan jika kita mahu matlamat berkenaan dicapai. Ini kerana, selain sikap pihak berkuasa tempatan yang kelihatan lebih banyak mengalah kepada penjaja, campurtangan parti politik, sama ada Umno di kawasan penjaja Melayu atau MCA dan DAP di kawasan peniaga Cina, menyukarkan usaha ini.

Jika pemindahan penjaja tidak dijadikan modal oleh pemimpin politik setempat, usaha jawatankuasa ini akan menjadi lebih mudah. Pada masa yang sama, pihak berkuasa tempatan juga harus tegas dan tidak 'double standard' dalam menguatkuasa peraturannya. Di beberapa tempat sekitar Lembah Klang, mereka memang tegas terhadap penjaja haram di tepi jalan tetapi amat berlembut dengan restoran di 'corner lot' sesuatu bangunan. Premis yang menempatkan beberapa peniaga makanan seperti ini, bukan sahaja tidak mengutamakan kebersihan, malah turut menghalang lalu lintas serta memburukkan pemandangan. Semakin lama kawasan kerusi mejanya semakin berkembang ke tengah jalan tanpa tindakan pihak berkuasa. Selagi soal kecil yang sering menimbulkan tanda tanya seperti ini dibiarkan, kita tidak boleh menyalahkan peniaga tepi jalan apabila mereka enggan berpindah atau membaiki mutu perniagaan.

Manja

UTUSAN MALAYSIA : 24-9-97

Persatuan serah memorandum pada PM

leh
/AN HASNAN HASAN
an NOR AZIAH JAAFAR

KUALA LUMPUR 23 Sept. — Persatuan Pemaga dan Penja-a Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP) hari ini, menyerahkan memoran-dum bantahan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Moha-mad bagi menyelesaikan masalah perpindahan penjaja dari Jalan Tuan-ku Abdul Rahman ke Ja-lan Haji Taib.

Yang Dipertua PPP-KWP, Baharim Abdul Ra-zak berkata, antara kan-dungan memorandum tersebut ialah menuntut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menepa-ti keputusan mesyuarat pada 23 Julai lalu yang memutuskan semua pen-jaja di jalan tersebut akan dipindahkan ke Ja-lan Chow Kit.

Dalam mesyuarat ter-sebut menurut beliau, DBKL telah bersetuju un-tuk menempatkan seba-nyak 400 penjaja dari Jalan Tuanku Abdul Rah-man ke Jalan Chow Kit dan ia telah dipersetujui oleh semua penjaja.

"Kita mahu DBKL me-nepati keputusan mereka sebelum ini yang mahu memindahkan penjaja ke Jalan Chow Kit dan bu-kannya Jalan Haji Taib seperti yang dilakukan sekarang," katanya.

Beliau berkata demiki-an kepada pemberita se-lepas menyerahkan me-morandum tersebut ke-pada wakil Perdana Menteri di Jabatan Per-dana Menteri di sini, hari ini.

BAHARIM (berkot) diiringi oleh sebahagian penjaja menuju ke Jabatan Perdana Menteri untuk menyerahkan memorandum bantahan kepada Perdana Menteri di Kuala Lumpur, semalam. — Gambar AZMAN AHMAD.

Selain itu Baharim memberitahu, memoran-dum itu juga menuntut DBKL supaya memberi lesen atau lesen sementa-ra kepada 7,000 penjaja kecil yang terdapat di seluruh ibu negara.

"Sebanyak 7,000 penja-ja di ibu negara masih tidak memiliki lesen dan kita berharap DBKL akan mempertimbang-kan lesen untuk mereka," ujar beliau.

Katanya lagi, PPPKWP juga mahu DBKL meng-hentikan segera tindakan merobok atau menyita gerai-gerai milik penjaja di ibu negara sehingga semua masalah berhubu-ng perpindahan penjaja itu selesai.

Menuntut

Memorandum itu juga turut menuntut supaya DBKL menyegerakan pembinaan tapak penjaja di tanah seluas 2.8 hektar di Jalan Ipoh milik Ke-menterian Pendidikan yang telah diserah kepa-da DBKL sebagai penem-patan 1,000 penjaja.

Sementara itu, Baha-rim berkata, para penjaja akan meneruskan ban-tahan tersebut sehingga masalah penempatan se-mula penjaja ke Jalan Haji Taib tersebut dapat diselesaikan.

Semalam, kira-kira 1,000 penjaja termasuk beberapa wakil dari per-satuan-persatuan penjaja di Wilayah Persekutuan berhimpun secara aman di Jalan Raja Bot untuk membantah tindakan DBKL yang memindah-kan mereka ke Jalan Haji Taib.

Antara faktor yang me-nyebabkan penjaja eng-gan berpindah ke jalan tersebut ialah kerana imej kawasan tersebut se-belum ini yang lebih dike-nali sebagai sarang pela-curan dan dadah.

Selain itu, ruang niaga yang disediakan terlalu kecil berbanding dengan ruang niaga yang mereka duduki sekarang.

HARIAN METRO : 24-9-97

ISU PENJAJA MOGOK

SERIUS...Baharim membaca memorandum yang akan diserahkan kepada wakil Perdana Menteri, semalam.

HANTAR MEMO KEPADA PM

Oleh Ahmad Shahrul Nizam Muhammad dan Osman Lisut

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diminta mematuhi persetujuan yang dibuat pada 23 Julai lalu untuk menempatkan 68 penjaja di Jalan Chow Kit dan bukannya di Jalan Haji Taib.

Desakan itu adalah antara kandungan memorandum penjaja yang diantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri (PM), jam 2 petang yang, serta kira-kira 200 penjaja, semalam.

Memorandum itu diserahkan oleh Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan, Baharim Razak kepada Setiausaha Khas Perdana Menteri, Elias Bakar.

Baharim berkata, penyerahan memorandum itu terpaksa dilakukan kerana masalah penjaja masih tidak dapat diselesaikan oleh pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hingga menjadi meruncing.

Menurutnya, antara kandungan memorandum itu termasuk mendesak DBKL menghentikan tindakan mensita dan merobohkan gerai milik penjaja di sekitar Wilayah Persekutuan.

"DBKL perlu mengkaji tindakan mereka dan mematuhi persetujuan yang sudah dibuat sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, penjaja juga meminta DBKL menyediakan kawasan yang lebih luas supaya tidak sesak.

"Kawasan Jalan Haji Taib yang ditawarkan terlalu sempit untuk dihuni penjaja terbabit.

"Oleh itu, DBKL diharap menempatkan penjaja itu di Jalan Chow Kit seperti yang dijanjikan dalam perbincangan sebelum ini," katanya.

Selain itu, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) diminta supaya menangguhkan projek yang hendak dijalankan hingga masalah penjaja yang menduduki kawasan tapak projek diselesaikan.

DBKL tidak jujur

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) didakwa tidak jujur dalam menangani masalah 11 penjaja di Gerai Muhibbah, Chow Kit apabila gagal menepati janji mereka tidak meroboh premis berkenaan sekiranya dilindungi insurans.

Pegawai Perhubungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP) Rusli Sulaiman, mendakwa mempunyai bukti bahawa DBKL tidak jujur dalam tindakannya terhadap penjaja tersebut dan minit mesyuarat berkenaan adalah menguatkan hujah mereka.

"Semuanya jelas, malah dalam minit mesyuarat tersebut tercacat segala janji pegawai DBKL di mana tidak akan mengambil tindakan meroboh gerai berkenaan sekiranya peniaga mengambil perlindungan insurans," katanya.

THE Sun

24 SEP 1997

Chow Kit traders submit memo to PM's Department

Kuala Lumpur, Tues: Petty traders in Jalan Chow Kit affected by a City Hall relocation exercise handed a memorandum on their grievances to the Prime Minister's Department today.

Federal Territory Malay Hawkers and Petty Traders Association president Bahrim Abdul Razak said the memo was necessary because their protest yesterday against the City Hall's action had not produced the desired result.

Over 1,000 traders and their sympathisers staged a protest at Jalan Chow Kit yesterday after a meeting between City Hall, the police and Bahrim ended in a stalemate.

Some 400 of the 1,800 traders in Jalan Chow Kit are unhappy over the move to relocate them to Jalan Haji Taib, which they say would affect their business because of the area's unsavoury reputation.

Among the issues raised in the memorandum is that City Hall had gone back on its word to relocate the traders to the by-lanes in the Jalan Chow Kit area.

The traders expressed unhappiness at the Datuk Bandar's decision to overrule the decision of a meeting on July 23 between City Hall and the traders, at which the authorities agreed to allow those affected to choose the site to which they would be relocated.

The stalls and shops along Jalan Raja Bot and Jalan Chow Kit are to be demolished to make way for a mixed development which includes a pedestrian mall.

Penjaja serah memorandum

Oleh Nazri Mohamad

KUALA LUMPUR, Selasa – Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP) menyerahkan memorandum bagi membincangkan pemindahan penjaja di Chow Kit kepada wakil Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Yang Dipertua PPPKWP, Baharim A Razak serta beberapa wakil persatuan menyerahkan memorandum itu kepada wakil Perdana Menteri, Mohd Elias Abu Bakar dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Samsudin Osman kira-kira jam 2 petang.

Menurut Baharim, kandungan utama memorandum itu ialah meminta campur tangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyelesaikan masalah penjaja Chow Kit dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Katanya, persatuan memohon campur tangan Perdana Menteri kerana rundingan dengan DBKL berhubung pemindahan tapak gerai penjaja di Jalan Haji Talib tidak dipersetujui penjaja Chow Kit serta menuntut tapak gerai di Jalan Chow Kit.

"Dalam memorandum itu juga kami merayu supaya DBKL memberikan permit sementara kepada 4,000 penjaja tak berlesen di ibu negara supaya mereka dapat meneruskan perniagaan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

BUKTI... Baharim menunjukkan salinan memorandum yang diserahkan kepada Perdana Menteri, semalam.

Katanya, memorandum itu juga meminta DBKL berhenti menyita dan merobohkan gerai penjaja sesuka hati seperti di Taman Setiawangsa semalam kerana tindakan itu menyebabkan ramai penjaja dan peniaga kecil teraniaya dan kerugian.

"Kami berharap Dr Mahathir dapat menugaskan orang tertentu untuk membantu kami menyelesaikan masalah ini kerana rundingan antara PPPKWP dan DBKL tidak mencapai persetujuan bersama," katanya.

Baharim berharap masalah itu diselesaikan secepat mungkin kerana aktiviti dan pendapatan ramai penjaja dan peniaga kecil terancam dan sering kerugian akibat tindakan DBKL meroboh dan menyita gerai.

Selain itu, katanya, tindakan kira-kira 40,000 penjaja dan peniaga kecil di seluruh ibu kota menutup perniagaan selama dua hari bermula semalam sebagai tanda simpati dan menyokong perjuangan PPPKWP.

"Kami tidak berniat menyusahkan orang ramai. Esok, perniagaan di ibu kota akan berjalan seperti biasa," katanya.

LAMPIRAN 23

Beberapa keratan akhbar mengenai pusat-pusat menjaja dijadikan kegiatan tidak sihat seperti samseng dan penyalah gunaan dadah

■ *Watan* Rabu 30 November 1994

Pasar Borong Selayang tempat penagih lepak

Oleh **ROSLAN BIAN**

KUALA LUMPUR, Selasa: Pasar Borong Selayang yang dikenalpasti sebagai tempat baru penagih 'lepak' dan pengedar membekalkan dadah semakin kerap diserbu oleh polis dalam usaha membanteras kegiatan tersebut.

Pagi tadi, sekali lagi polis Cawangan Anti Dadah (CAD) Daerah Sentul yang diketuai oleh Ketua cawangan itu, Penolong Penguasa Dzuraidi Ibrahim bersama 10 anggotanya mengadakan gerakan yang serupa kira-kira jam 12.30 tengahari.

Dalam gerakan hampir dua jam, polis menangkap seorang lelaki yang dipercayai pengedar dan menjumpai 8 straw dipercayai ganja daripadanya.

Selain itu tujuh lelaki lingkungan 25 hingga 38 tahun dipercayai penagih turut ditahan dan kesemua mereka dibawa ke Balai Polis Setapak untuk siasatan dan akan dihantar menjalani ujian air kencing.

Ketua Polis Daerah Sentul, Penolong Pesuruhjaya Yap Ah Kau berkata, gerakan itu adalah yang ketiga sejak 21 November lalu selepas polis mengenalpasti pasar itu kerap dijadikan tempat penagihan dadah.

Setakat ini 30 orang penagih termasuk dua lelaki dipercayai pengedar berjaya ditangkap dan 22 straw ganja dirampas.

"Seorang daripada lelaki yang dipercayai pengedar akan dituduh di bawah Seksyen 39 A (1) Akta dadah Berbahaya kerana memiliki 14 straw ganda ketika ditangkap dalam operasi 24 November lalu," katanya kepada *Harian Watan*.

Polis percaya penagih yang menjadikan pasar itu tempat melepaskan gian dan mendapat bekalan datang daripada sekitar Gombak dan Selayang dan beberapa tempat lain yang sebelum ini sudah diserbu polis.

HARIAN METRO, SABTU, 24 DISEMBER 1994

Pasar Keramat sarang dadah

KUALA LUMPUR: Pengedar dan penagih dadah kini dikatakan menjadikan semula kawasan di sekitar pasar Kampung Datuk Keramat di sini sebagai sarang mereka.

Kawasan berkenaan pernah menjadi tempat pertemuan pengedar dan penagih beberapa tahun lalu dan disytiharkan sebagai kawasan hitam oleh pihak berkuasa.

Bagaimanapun setelah beberapa gerakan dilancarkan polis untuk membersihkan kawasan itu, penjenayah terbabit dikatakan berpindah ke tempat lain, termasuk ke Chow Kit.

Kini, kegiatan itu menular semula di kawasan berkenaan setelah kawasan Chow Kit dan kemudian Pasar Borong Selayang kerap diserbu polis dalam usaha mengelak kedua-dua tempat itu menjadi sarang dadah.

Menurut sumber, kehadiran pengedar yang menjual dadah secara terbuka di tempat awam terutama di pasar itu menimbulkan keresahan di kalangan penduduk kerana bimbang keselamatan mereka terancam.

Harian Metro difahamkan, beberapa penagih ditahan ketika menunggu di luar pasar berkenaan untuk mendapatkan bekalan dadah daripada pengedar.

Penagih yang ditahan di sekitar kawasan itu dipercayai dari luar ibu kota yang mencari tempat pelindungan sementara di situ kerana kawasan pasar borong Selayang sentiasa diserbu.

"Berikutan tekanan itu, pengedar bertindak untuk kembali bertapak di sekitar kawasan sekitar pasar Kampung Datuk Keramat kerana di situ ada ramai pelanggan yang menunggu untuk mendapatkan bekalan," katanya.

Kebanyakan penagih itu adalah buruh yang menetap di sekitar kawasan itu.

Menurut sumber itu, kebanyakan pengedar terbabit menggunakan motosikal ketika menjual dadah kerana akan memudahkan mereka untuk melarikan diri jika terserempak polis.

HARIAN METRO, JUMAAT, 3 FEBRUARI 1995

Polis kawal pasar borong 24 jam

KUALA LUMPUR: Sebuah pondok polis tetap akan dibuka di Pasar Borong Selayang baru di Kilometer 11 Jalan Ipoh di sini, bagi memastikan pasar borong itu tidak menjadi tumpuan penagih dan pengedar dadah.

Ketua Polis Daerah Sentul, Penolong Pesuruhjaya Yap Ah Kau, berkata pihaknya mahu memastikan pasar borong berharga RM21.5 juta itu bersih dari segala bentuk penyalahgunaan dadah dan jenayah.

Sebelum ini pasar borong lama, yang terletak kira-kira satu kilometer dari pasar baru, menjadi tumpuan penagih dan pengedar dadah.

Yap berkata, anggota polis akan ditempatkan 24 jam di pondok itu yang dijangka beroperasi dalam sedikit masa lagi sebaik saja peniaga di pasar borong lama berpindah ke pasar borong baru.

"Penempatan anggota sepanjang masa membolehkan polis bertindak pantas terhadap sebarang aduan peniaga berbanding sekarang polis hanya melakukan rondaan dari semasa ke semasa," katanya, semalam.

Polis Sentul sejak beberapa bulan lalu melancarkan gerakan besar-besaran di pasar borong lama itu bagi mengawal masalah pengedaran dan penagihan dadah di situ.

Gerakan itu menyaksikan hampir setiap hari polis menahan penagih atau pengedar terutama di semak samun sekitar pasar borong lama itu.

Polis percaya beberapa kumpulan pengedar dadah menjadi pasar borong lama itu sebagai pusat kegiatan mereka.

Sebilangan pemandu lori ikan dan sayur-sayuran turut menjadi penagih dan pengedar dadah di samping terbabit dengan kejadian jenayah seperti peras ugut, samun dan ragut serta memecah masuk kereta.

Yap berkata, anggota polis turut ditempatkan di pasar borong lama sebaik saja ia dikosongkan.

LAMPIRAN 24

Beberapa keratan akhbar mengenai penyalah gunaan kuasa dan rasuah di kalangan kakitangan DBKL

23 APR 2000

D TERIMA
24 APR 2000
Pengarah
J & PK
DBKL

ACA pledge to FT MPs

By DENNIS CHUA

KEEPING an eye on malpractices by Government servants will be a priority.

This was the assurance given by the Anti-Corruption Agency (ACA) to Federal Territory Members of Parliament.

The ACA's Federal Territory division will also conduct talks on graft-busting in Kuala Lumpur's 10 Parliamentary constituencies with the co-operation of their respective MPs.

Yesterday, the Federal Territory ACA had a meeting with three Kuala Lumpur MPs, namely, Cheras' Tan Kok Wai, Bukit Bintang's Fong Kui Lun and Seputeh's Theresa Kok.

FIGHTING CORRUPTION: (From left) Fong, Tan and Kok met Federal Territory ACA officers yesterday — Picture by NASHAIR MOHAMAD NAWI

The three Opposition MPs informed state ACA director D. Senthinathan of cases where City Hall officials allegedly abused their powers in the allocation of hawker licences.

Tan said that for the past decade city residents had informed their MPs of many cases where individual stall owners were given dozens of stall lots by the local council officers.

"These owners used the Identity Cards of their associates to open more than one stall. People also complained the officials were bribed," he said.

Tan also said city folk informed him and other MPs of several night market stalls given to one owner who used the names of a number of persons.

"The local council says one owner gets one stall. Abuses of power have occurred and this has to be stopped," he said.

Tan said he and the other two MPs and Kepong's Dr Tan Seng Giaw would soon have a meeting with Datuk Bandar Tan Sri Kamaruzzaman Sharifi on alleged abuses by City Hall officers.

He said the MPs would urge the Mayor to keep a close watch on abuses by his subordinates and to stop them. Tan also said the ACA assured the MPs that they would organise talks for voters on prevention of department abuses from time to time.

"The ACA says it is making a move to be more people-oriented," he said.

An ACA spokesman yesterday said they welcomed meetings with city MPs from time to time as this helped them take note of corruption and abuse of power by Government servants and the private sector.

BAHAGIAN [illegible]
PEJABAT DATUK BANDAR

KEPADA: Pengarah.
JABATAN: Pelb. Peng. Rujuk KP Kanan.
CATATAN: Nabahan.

DARIPADA: ZAKARIA [illegible]
PEGAWAI [illegible]
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

The Malay Mail : 9/5/2000



SHUKRAN: Under detention

City Hall big gun nabbed

Director Shukran under ACA probe

❑ BADROLHISHAM BIDIN AND ALINA SIMON REPORT: PAGE 2



HAVE YOU HAD A GANDER AT THE NEW MAIL YET? HE HAS!

The Malay Mail : 9/5/2000

City Hall top gun under probe

Held to help in hawkers' lots claims

By BADROLHISHAM BIDIN and ALINA SIMON

THE Anti-Corruption Agency (ACA) has detained City Hall's petty traders and hawkers management director Mohamed Shukran Abdul Halim for alleged corruption.

He was picked up at a market in Setapak last Wednesday after a trader filed a complaint of corruption implicating Shukran.

A senior ACA officer confirmed the detention yesterday, saying that Shukran was still under detention.

He said they could detain him for up to two weeks to help in the investigation.

Datuk Bandar Tan Sri Kamaruzzaman Shariff, when contacted at his office yesterday afternoon, declined comment on the arrest and the status of Shukran.

It is learnt the ACA had informed him of the arrest in a letter.

A person who tipped off *The Malay Mail* about the arrest also said that ACA officers were meeting Cheras Member of Parliament Tan Kok Wai at his Jalan Cheras office partly on this matter.

When we went to his office, we saw four officers leaving about 1pm **(See picture)**.

Tan confirmed the 30-minute meeting but would only say that the officers were there to gather information on alleged malpractices and corruption.

On April 22, Tan and Bukit Bintang and Seputeh MPs Fong Kui Lun and Theresa Kok respectively had met Federal Territory ACA director Dr Scathiranthan [illegible] Tan said that City Hall officials allegedly abused their powers in the allocation of hawker licences.

Tan was quoted as saying in a *Sunday Mail* report that residents had informed them of many cases where individual stall-owners were given dozens of stall lots by the local council officers.

"People complained that the officials were bribed," he was quoted as saying.

Tan urged those who were forced to pay bribes [illegible] to come forward to help in the ACA probe.

Federal Territory Bumiputera Hawkers and Petty Traders Association chairman Bahagia A Razak, said: "We were aware of the arrest, and Kamaruzzaman should suspend Shukran from carrying out his duties pending investigations.

"The Datuk Bandar should clean up the department immediately."

The offer was made through lawyer, Arunan Selvaraj, who contacted *The Malay Mail* yesterday evening.

"This person wishes to remain anonymous. He was upset after reading yesterday that the culprit(s) is/are still at large," said Arunan.

"He's afraid that if the case drags on longer, it will become another statistic in the 'unsolved crimes' list."

Arunan is also representing Audrey's mother, Margaret Francis, in her suit against the school and the principal for negligence.

"I believe, someone, somewhere, knows who is responsible for this despicable act and they

File picture of Shukran

STAFF SINCE 1974

MOHAMED SHUKRAN ABDUL HALIM, 52, joined City Hall in 1974.

He has headed several departments, starting off as public relations officer before assuming the post of director for administration and public affairs.

He later headed the housing management department before being transferred to his present post at the hawkers and petty traders management department.



The four ACA officers leaving Tan's office after the meeting. Inset: Bahrim

Picture: KHAIRUL GHAZALI

Last day to place a Mother's Day message

Call Classifieds 2820888

WEATH

KUALA LUMPUR: F[illegible] Perak, Selangor, N[illegible] Terengganu and Kel[illegible] afternoon and eveni[illegible]

Temperature: Ma[illegible]

TELAH DIFAKSKAN
PADA: 11/5/2000

THE MALAY MAIL
THE PAPER THAT CARES
10 MAY 2000

Let ACA handle everything: Kamaruzzaman

"WHAT can I say? Let them handle everything."

Datuk Bandar Tan Sri Kamaruzzaman Shariff said this when asked about the detention of a senior City Hall officer by the Anti Corruption Agency for alleged corruption.

When queried if the City Hall would investigate it, he said: "We can help them (the ACA)."

He refused to comment further when approached after launching KL InfoSentral, which houses a collection of artist's impressions, scale models and plans on the Kuala Lumpur Sentral project in Brickfields last night.

Earlier, he said whatever information on the matter is already available in the newspapers.

Yesterday, *The Malay Mail* front-paged a report on the detention of City Hall Petty Traders and Hawkers Management Department director Mohamed Shukran Abdul Halim on Wednesday last week.

A senior ACA officer said Shukran, 52, was still under detention and could be detained for up to two weeks to help in investigations.

The Paper That Cares also reported on ACA officers meeting Cheras Member of Parliament Tan Kok Wai at his Jalan Cheras office where four officers were seen leaving at 1pm.

Tan later confirmed that there was a meeting lasting 30 minutes, but could only say that the officers were at his office to gather information on alleged malpractice and corruption.

On April 22, Tan, Bukit Bintang MP Fong Kui Lun and Seputeh MP Theresa Kok met Federal Territory ACA director D. Senthinathan to, among others, tell him that City Hall officials had allegedly abused their power in allocating hawker licences.

Tan said in the April 23 edition of *Sunday Mail* that residents had complained about many cases of stall owners given dozens of lots by City Hall officers. He had urged those forced to bribe officials to help in the ACA probe.

FT Bumiputera Hawkers and Petty Traders Association chairman Bahrim A. Razak, who was aware of the detention, had said the Datuk Bandar should suspend Shukran from his duties pending investigations and "clean up the department immediately". – *By AZLAN RAMLI*

PADA: 10/5/2000

THE Star

10 MAY 2000

DITERIMA
11 MAY 2000
Pej. Pengarah
JPP & PK
DBKL

PP(1)
11/4/2000

Arrest of official wins errant hawkers reprieve

KUALA LUMPUR: Action will not be taken yet on errant petty traders and hawkers here after City Hall's management director Shukran Abdul Halim was detained by the Anti-Corruption Agency (ACA).

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Pandikar Amin Mulia said the official would face disciplinary action if he was found guilty.

The ACA detained Shukran last Wednesday, after a trader filed a complaint of corruption which implicated Shukran.

Datuk Bandar Tan Sri Kamaruzzaman Shariff declined to comment on the case.

Pandikar Amin also declined to discuss the case, saying that City Hall could not reveal details of the complaint as the ACA was conducting a probe.

On April 22, Cheras MP Tan Kok Wai, Bukit Bintang MP Fong Kui Lun and Seputeh MP Theresa Kok had met Federal Territory ACA director D. Senthinathan to inform him of irregularities in City Hall's administration especially in hawker licensing.

Pandikar Amin ... says official will be punished if found guilty

BAHAGIAN AKHBAR
PEJABAT DATUK BANDAR

KEPADA : Pengarah
JAB : 1. JPP (Penyadbiran).
2. Jab. Peng. Penjaga & P. Kuil
CAT : Makhluman.

DARIPADA : ZAKARIA B. HJ. MOHAMED LAZIM.
PEGAWAI AKHBAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

TELAH DIFAKSKAN
PADA: 10/5/2000

Berita Harian
10 MAY 2000

DBKL sedia bantu selesai kes rasuah

KUALA LUMPUR, Selasa – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedia bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung kes penahanan Pengarah Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil DBKL, Mohd Shukran Abdul Halim.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff bagaimanapun berkata, setakat ini beliau belum dihubungi BPR berhubung penahanan Mohd Shukran.

"Saya hanya mengetahui perkara ini melalui akhbar. Tidak ada pihak termasuk BPR memberitahu secara lisan atau bertulis mengenai penahanan itu," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran InfoSentral di sini, malam ini.

Sebuah akhbar berbahasa Inggeris hari ini melaporkan Mohd Shukran ditahan sejak Rabu lalu kerana didakwa terbabit dengan rasuah.

Pegawai Kanan BPR mengesahkan penahanan itu dan difahamkan Mohd Shukran akan ditahan selama dua minggu untuk membantu siasatan

DITERIMA
1 MAY 2000
Pej. Pengarah
JPP & PK
DBKL

PP (1)
11/5/2000.

BAHAGIAN AKHBAR
PEJABAT [illegible]

KEPADA : Pengarah.
JABATAN : 1. JPP (Pentadbiran)
2. JPPenjaja & P.Kecil
CATITAN : Perhatian/ Maklumat.
DARIPADA :

ZAKARIA B. HJ. MOHAMED LAZIM
PEGAWAI AKHBAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

TELAH DIFAKSKAN
PADA: 11/5/2000

THE Star
the people's paper

11 MAY 2000

ACA detains two City Hall officers

KUALA LUMPUR: The Anti Corruption Agency (ACA) is investigating a syndicate involving several officers and staff of City Hall's Petty Traders and Small Businesses Management Department.

In a statement, the ACA said it had since detained two City Hall officers and three members of the public to assist in investigations.

The agency also confirmed that one of the officers detained is the director of the department.

Of the three civilians detained on April 19, two had been released on bail — one on April 24 and the other on April 29.

The City Hall graft menace is believed to involve a syndicate active since 1986, which had collected bribes amounting to millions of ringgit from petty traders and small businesses operating in the city.

The ACA said graft could only be tackled with the cooperation of the public.

BAHAGIAN ...
PEJABAT ... BANDAR

KEPADA : Pengarah
JABATAN : 1. JMO (Sumber Manusia)
2. Jab. Reng. Penjaja & P. Kecil
CATAN : Perhatian

DARIPADA : ZAKARIA B. HJ. MOHAMED LAZIM.
PEGAWAI AKHBAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

THE MALAY MAIL : 11-5-2000

Buddy's not from City Hall

Outsider moves in and out like a member of the staff

By BADROLHISHAM BIDIN and ALINA SIMON

HE walked in and out of the City Hall hawker and petty traders management department as if he belonged there.

Some members of the public actually thought the 43-year-old man was a member of the staff, judging from the way he made himself at home in the office of a senior officer.

He also boasted to department workers that he was a brother-in-law of a VIP and that he could get things done.

Sources in City Hall said most of the staff were aware of the man's relationship with the senior officer but minded their own business.

"The two of them had been friends for many years," a source said.

This man was among three non City Hall employees arrested by the Anti-Corruption Agency on April 19 in connection with an investigation into a corruption case.

The ACA, in a Press statement yesterday, said that two City Hall officers, including department director Mohamed Shukran Abdul Halim, had also been arresting.

This confirms a Malay Mail front-page report on Tuesday about the arrest.

The other officer detained is a health inspector in the department.

ACA officers arrested Shukran at his office last Wednesday and took away some files. They also went to his house.

The ACA statement said of the three civilians detained, two had been released on bail on April 24 and 29.

One of the City Hall officers was under remand until yesterday and the other until today, it said.

The statement said the City Hall corruption menace was believed to involve a syndicate in action since 1986.

The members collected bribes amounting to millions of ringgit from petty traders and businesses.

It said that for every petty trading licence or lot, the price charged was between RM2,000 and RM10,000.

The traders paid directly to the City Hall officers or to their middlemen.

One case was quoted by the statement, that involving an application for seven trading lots. The bribe amount demanded by the officers was RM98,000 while the middlemen asked for RM300,000.

ACA HOTLINE

IF you have any complaints about irregular practices at City Hall, call the ACA at ☎ 03-6506106.

TELAH DIFAKSKAN
PADA: 11/5/2000

New Straits Times

11 MAY 2000

City Hall Petty Traders Department director out on bail

KUALA LUMPUR, Wed. — The Anti-Corruption Agency has released on bail City Hall Petty Traders and Hawkers Management Department director Mohamed Shukran Abdul Halim.

He was picked up on May 3 to facilitate investigations into allegations of corrupt practices.

Another City Hall employee detained last week on similar charges has also been released on bail.

In a statement today, it said three civilians detained last month on suspicion of having acted as middlemen, had also been released.

The *Malay Mail* yesterday reported that Mohamed Shukran was picked up at a market in Setapak by ACA officers.

His detention came followng a complaint lodged by a trader on alleged corrupt practices which implicated him.

The statement said initial investigations had revealed that between RM2,000 and RM10,000 were paid by hawkers or petty traders to obtain licences or lots for stalls.

It said the payment would normally be made directly to City Hall officials or through middlemen.

"The group, believed to have been in operation since 1986, is said to have collected millions from hawkers and petty traders in Kuala Lumpur.

"In one of the cases, a City Hall official had demanded a payment of RM98,000 for the allocation of seven lots," it said, adding that some of the middlemen had demanded up to about RM300,000.

Those with information or who had fallen victim to the group, can contact Mohd Jamidan Abdullah of ACA's investigation office at 03-6506106.

HARIAN METRO : 11-5-2000

PEGAWAI RASUAH

Oleh Khalid Yasin

KUALA LUMPUR: Beberapa pegawai dan kakitangan Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta orang awam dipercayai terbabit dengan sindiket rasuah dalam urusan dan perolehan lesen penjaja serta tapak gerai DBKL.

Jurucakap Badan Pencegah Rasuah (BPR) berkata, sindiket disyaki beroperasi sejak 1986 itu dianggar mengambil berjuta-juta ringgit daripada penjaja dan peniaga kecil sekitar ibu negara.

Beliau berkata, bagi satu lesen penjaja atau tapak gerai, sogokan biasa yang dikenakan ialah antara RM2,000 hingga RM10,000.

"Dalam satu kes untuk mendapatkan tujuh tapak gerai, bayaran sogokan secara terus yang diminta oleh pegawai DBKL ialah RM98,000 sementara orang tengah meminta RM300,000.

"Bayaran itu dibuat sama ada secara terus kepada pegawai terbabit atau melalui orang awam yang bertindak sebagai orang tengah," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Antara jenis penjajaan yang dikategorikan DBKL ialah gerai statik iaitu dibina sendiri oleh penjaja di tapak DBKL, gerai swasta (milik swasta seperti medan selera di pusat beli-belah), gerai berkunci (gerai milik DBKL), kios (di perhentian bas), dapur bergerak (kereta sorong), pasar malam, pasar biasa, pasar borong dan gerai Ramadan (yang dibuka khusus pada Ramadan).

Jurucakap itu berkata, intipan dan penyiasatan sulit yang dilakukan sehingga kini, BPR menahan dua pegawai DBKL serta tiga orang awam kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan rasuah itu.

Menurutnya, salah seorang pegawai DBKL yang ditahan itu ialah pengarah Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan DBKL.

Beliau berkata, kedua-dua pegawai DBKL itu kini ditahan reman masing-masing sehingga semalam dan hari ini, sementara tiga orang awam yang ditahan pada 19 April, dua daripadanya dibebaskan dengan jaminan pada 24 April dan 29 April lalu.

Katanya, BPR meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kes atau menjadi mangsa atau membayar sogokan kepada sindiket itu supaya tampil memberi kerjasama secara sukarela bagi membanteras kegiatan berkenaan.

Jurucakap itu berkata, hanya dengan kerjasama orang ramai, jenayah rasuah yang menggugat jalinan sosial dan ekonomi negara ini, boleh dibanteras.

Katanya, orang ramai boleh menghubungi Penolong Pesuruhjaya, Mohd Jamidan Abdullah di Pejabat Pentadbiran Siasatan, Ibu Pejabat BPR atau telefon talian 03-6506106.

Utusan MALAYSIA
15 MAY 2000

TELAH DIFAKSKAN PADA: 15/5/2000

DITERIMA
15 MAY 2000
Pej. Pengarah
JPP & PK
DBKL

Rasuah: DBKL sedia bekerjasama dengan BPR

KUALA LUMPUR 14 Mei — Jabatan Direktorat Penguat Kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedia bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah (BPR) jika mendapati terdapat kakitangannya terlibat dengan kegiatan rasuah.

Pengarahnya, Abu Bakar Effendie Mohd Hasjim berkata, walaupun ketika ini belum ada kakitangan atau pegawai di jabatan itu dipanggil untuk siasatan pihak BPR namun tindakan pemantauan ke atas mereka tetap dijalankan setiap bulan menerusi mesyuarat jawatankuasa disiplin dan tata tertib.

Menurut beliau, pihaknya tidak akan melindungi mana-mana kakitangan yang didapati melakukan penyelewengan kerana tindakan tersebut secara langsung melanggar amanah yang dipertanggungjawabkan.

"Melalui jawatankuasa disiplin dan tatatertib, kita sentiasa menjalankan siasatan rapi terhadap kakitangan dan pegawai yang didakwa terlibat dengan rasuah.

"Ketika ini, jawatankuasa hanya menyenarainkan kakitangan serta pegawai yang melanggar peraturan seperti tidak hadir serta meninggalkan tempat bertugas tetapi belum ada kakitangan atau pegawai di jabatan ini yang dipanggil BPR," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Kota* selepas diminta memberi reaksi terhadap tindakan BPR pada minggu lalu yang menahan pengarah Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan DBKL yang dituduh menerima rasuah dalam pemberian tapak gerai.

Ketika ini terdapat 1,400 anggota penguat kuasa bertugas di Jabatan Direktorat Penguat Kuasa.

Sejak dua tahun lalu, BPR beberapa kali menahan kakitangan dan pegawai di jabatan tersebut kerana didakwa menjalankan kegiatan penyelewengan tersebut.

Jabatan Penguat Kuasa turut menjalankan pelbagai usaha bagi mengelakkan kakitangan dan pegawainya terbabit dalam kegiatan rasuah, antaranya dengan mengehadkan wang harian yang dibawa oleh pegawai dan kakitangan sebelum memulakan tugas harian.

"Selain itu juga kita mengadakan perjumpaan beramai-ramai serta kempen kesedaran mengenai rasuah," katanya.

Menurut Abu Bakar, mana-mana kakitangan terbabit telah dikenakan hukuman seperti denda, penjara, digantung kerja, dilucutkan jawatan dan diturunkan pangkat mengikut jenis dan tahap kesalahan.

Pengarah.
1. JPP (Sumber Manusia).
2. Tata Peng. Penjaja & P. Kecil
3. D. Pemasaan

MAKARIA BIN MOHAMED LAZIM
PESAWAT AKHBAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

HARIAN METRO: 17-5-2000

Kes rasuah Jabatan Pengurusan Penjaja DBKL dalam siasatan

KUALA LUMPUR: Badan Pencegah Rasuah (BPR) masih meneruskan siasatan lanjut mengenai laporan kegiatan rasuah yang membabitkan Jabatan Pengurusan Penjaja dan Peniaga Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sehubungan itu, Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Zaki Husin meminta orang ramai yang pernah memberi wang secara paksaan kepada mana-mana pegawai jabatan terbabit atau ejen mereka supaya tampil membuat laporan.

Menurutnya, siasatan membabitkan jabatan berkenaan sudah dilakukan sejak 1998 lagi berikutan pihaknya menerima banyak laporan dakwaan mengenai rasuah daripada orang ramai.

Katanya, selain jabatan berkenaan, pihaknya turut menerima aduan membabitkan jabatan lain di DBKL termasuk Jabatan Pembangunan tetapi belum ada yang sanggup tampil secara terus-terang membuat laporan.

"Justeru, kami merayu kepada orang ramai yang pernah secara paksa memberi wang kepada mana-mana pegawai DBKL supaya tampil membuat laporan segera kepada BPR bagi membantu siasatan.

"Siasatan yang dijalankan ini bertujuan baik dengan niat untuk menyelesaikan masalah yang berlaku di jabatan berkenaan supaya pada masa depan ia tidak lagi dipertikaikan.

"Selain itu, mereka perlu melaporkan perkara berkenaan kepada BPR sebelum wang berkenaan diserahkan kerana jika laporan dibuat selepas wang itu dibayar, ia akan menyukarkan tindakan diambil," katanya dalam sidang media, semalam.

Ahmad Zaki berkata demikian ketika mengulas kes Pengarah Jabatan Pengurusan Penjaja dan Peniaga Kecil DBKL, Mohd Shukran Abdul Halim, yang disiasat pihaknya baru-baru ini, kerana dipercayai terbabit dengan rasuah.

Pada 3 Mei lalu, Mohd Shukran dikatakan ditahan di sebuah pasar di Setapak dan disiasat BPR kerana dipercayai terbabit dengan kegiatan berkenaan selepas seorang peniaga membuat laporan mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, pada 12 Mei lalu, Mohd Shukran dilapor dibebaskan manakala BPR pula masih terus menjalankan siasatan termasuk mencari dan mengumpul bukti mengenai kes berkenaan.

Ketika ditanya mengenai pembebasan Mohd Shukran, Ahmad Zaki berkata, pembebasan itu adalah prosedur biasa siasatan kerana pihaknya tidak boleh menahan seseorang itu melebihi tempoh 14 hari.